

# SEJARAH PERKEMBANGAN AJARAN SESAT

Sejarah ajaran sesat di Singapura ini sebenarnya se tua umur Islam di Singapura dan rantau ini. Ini kerana apabila Islam tiba sahaja di bumi ini, maka bermulalah pertentangan antara yang benar dan yang menyeleweng serta sesat.

Ajaran sesat yang paling lama ialah ajaran Taslim yang dibawa oleh Mohamad bin Shafie @ Mohammad Matahari pada akhir abad ke 19. Ajaran ini bermula di Kg. Seronok, Bayan Lepas, Pulau Pinang<sup>1</sup> dan kemudian berkembang di Singapura.

Namun rekod-rekod PERDAUS mampu meneroka perkembangan ajaran sesat sejak tahun 1940-an. Pada ketika ini timbul keributan mengenai ajaran Qadiani hasil perdebatan hebat antara Allahyarham Tuan Syed Ahmad Dahlal Al-Husaini dengan guru Qadiani Ghulam Husin, di Onan Road.

Ada di kalangan masyarakat pada masa itu yang mempercayai bahawa Qadiani adalah salah satu mazhab di dalam Islam. Dengan sebab itu ramai di kalangan masyarakat Melayu, terutama yang tinggal di kawasan Geylang, tertipu dengan ajaran Qadiani.

<sup>1</sup> Lihat halaman web Pusat Islam Malaysia [www.islam.gov.my/sesat/BM](http://www.islam.gov.my/sesat/BM)

9. Ajaran Tarikat Kabullani
10. Ajaran Kitab Kamarulhuda
11. Ajaran Kitab Kasyfulasrar
12. Ajaran Tauhid Makrifat
13. Ajaran Hakikat Insan
14. Ajaran Martabat 7

Ajaran-ajaran yang tersebut di atas pernah didedahkan oleh PERDAUS pada 27hb Mei 1984 di Masjid Hasanah dan Teban Gardens, pada 28hb March 1986 di Masjid Jamiyah Al-Rabitah dan pada 26hb September 1987 di Masjid Darul Makmur.

## SIFAT-SIFAT & CIRI-CIRI AJARAN SESAT

1. Ajaran - ajaran sesat mempercayai bahawa kuasa-kuasa ghaib dan luar biasa itu ada juga pada selain daripada Allah s.w.t. Maksudnya, kuasa-kuasa itu boleh ada pada manusia yang dianggap alim atau wara' atau wali yang dipercayai boleh mengetahui perkara-perkara yang ghaib<sup>2</sup> dan mempunyai kuasa yang di luar kemampuan manusia<sup>3</sup>.

<sup>2</sup> Islam mengajar bahawa hanya Allah s.w.t sahaja yang mengetahui perkara-perkara yang ghaib. Ini berdasarkan pada firman Allah s.w.t

وَمَا كَانَ اللَّهُ بِطَغْيَاتٍ عَلَى الْعِيْنِ

"Dan Allah sekali-kali tidak akan menampakkan kepada kamu hal-hal yang ghaib" (Ali-Imran : 179)

وَعَنَدَمُمْقَاتِعِ الْعَيْنِ لَا يَعْلَمُهَا إِلَّا هُوَ

"Dan pada sisi Allah kunci-kunci semua yang ghaib. Tiada yang mengetahuinya kecuali Dia sendiri" (Al-An'am : 59)

Hatta Rasulullah s.a.w sendiri tidak mengetahui perkara yang ghaib kecuali jika diberitahu oleh Allah S.w.t. Allah s.w.t berfirman

قُلْ لَا أَعْوَلُ لَكُمْ عِنْدِي خَرَائِينَ اللَّهُ وَلَا أَعْلَمُ الْعَيْنِ

"Katakanlah aku tidak mengatakan padamu bahawa perbendaharaan Allah ada padaku dan tidak (pula) aku mengetahui yang ghaib." (Al-An'am : 50)

<sup>3</sup> Perkara-perkara luar biasa sememangnya boleh berlaku. Ahlus Sunnah Wal Jamaah membahagikannya kepada kategori berikut;



2. Ajaran dilakukan secara tidak berterang-terangan, bersembunyi, rahsia atau penyampaiannya hanya kepada ahli-ahli kumpulan sahaja<sup>4</sup>.

3. Ajaran yang meletakkan ketua atau sheikh atau pak guru ke taraf yang amat tinggi melebihi had yang biasanya untuk manusia, atau meletakkan ketua atau sheikh atau pak guru ke taraf wali atau wakil Nabi Muhammad s.a.w<sup>5</sup>. Wujud arahan supaya menghormati sheikh itu dan meyakini bahawa tidak akan berhasil sesuatu maksud kecuali dengan usaha

1. Mukjizat, iaitu sesuatu yang luar biasa yang kelihatan pada seorang hamba pilihan Allah s.w.t iaitu nabi dan rasul untuk membuktikan kebenaran, menundukkan cabaran orang-orang yang tidak beriman dan mengukuhkan keyakinan orang yang beriman.

2. Karamah, iaitu sesuatu yang luar biasa yang kelihatan pada hamba Allah yang soleh seperti para mujahidin yang tidak terluka apabila terkena senjata musuh.

3. Ma'unah, iaitu sesuatu yang luar biasa yang kelihatan pada seseorang yang tidak diketahui keadaannya atau pada orang biasa seperti seorang yang terselamat dari luka atau maut sedangkan keretanya remuk dalam kemalangan.

4. Istidraj, iaitu sesuatu yang luar biasa yang kelihatan pada seseorang yang kufur atau ahli maksiat sehingga menjadi ia lebih kufur dan ingkar misalnya nikmat luar biasa yang diberikan kepada Firaun dan Qarun.

5. Sihir, iaitu sesuatu yang luar biasa yang kelihatan pada seseorang hasil dari amalan tertentu yang dibantu oleh jin atau syaitan.

<sup>4</sup> Islam mewajibkan umatnya menyampaikan ajarannya kepada seluruh manusia. Ini terdapat dalam firman Allah s.w.t

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحَكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْخَيْرَ

"Serulah pada jalan Tuhanmu dengan cara bijaksana dan contoh yang baik dan berdebatlah dengan mereka dengan perdebatan yang paling baik" (An-Nabl : 125)

وَلَا تَكُنْ مِنَ الْمُنْكَرِ  
وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِسُونَ

"Hendaklah ada dari kalangan kamu satu umat yang menyeru kepada kebaikan dan menyuruh pada yang makruf dan yang mencegah dari yang munkar dan mereka itulah golongan yang berjaya." (Ali-Imran:104)

atau kekuasaan beliau<sup>6</sup>.

4. Ajaran agar tidak memberi perhatian kepada guru-guru yang lain kerana ia akan menghalang atau menyekat dari

Islam melerang umatnya menyembunyikan ilmu pengetahuan yang benar.

Allah s.w.t berfirman:

**إِنَّ الَّذِينَ يَكْفُرُونَ مَا أَنْزَلَنَا مِنَ الْبَيِّنَاتِ وَالْمُهَدِّىٰ مِنْ بَعْدِ مَا بَيَّنَنَا لِلنَّاسِ فِي الْكِتَابِ  
أُولَئِكَ يَأْعُذُّهُمُ اللَّهُ وَيَنْهَاهُمُ اللَّهُ عَنْهُ**

"Sesungguhnya mereka yang menyembunyikan apa yang telah Kami turunkan dari keterangan-keterangan dan petunjuk setelah kami menerangkaninya pada manusia dalam Kitab, Allah akan melaknat mereka dan segala makhluk yang boleh melaknat akan melaknat mereka." (Al-Baqarah:159)

Islam membenarkan umatnya berahsia dalam mengamalkan Islam hanya dalam keadaan yang mana pengamalan Islam akan menimbulkan ancaman yang berat seperti siksaan atau jel oleh musuh-musuhnya. Walaupun Rasulullah s.a.w pernah berdakwah secara bersembunyi tetapi ini hanya dilakukan dalam satu tempoh yang pendek semata-mata. Setelah itu Allah S.w.t memerintahkan Islam disampaikan secara terbuka walau pun Rasulullah s.a.w perlu menanggung pelbagai kesulitan.

5. Di dalam buku *Asas-asas Akidah* oleh Abdurrahman Irvani, terjemahan Abdul Majid Abdurrahman, terbitan Pustaka Salam Sdn. Bhd, Kuala Lumpur, tahun 1992, ms 94 ditulis
- "Maha Guru As-Syeikh Abdul Bari An-Nadawi pernah menjelaskan jawapan kepada pertanyaan di dalam kitabnya ( )  *بين النصوف والحياة* ( ) *Antara Tasauf Dan Kebiduan* di bawah tajuk Tanda-tanda seorang Syeikh yang kamil (sempurna) iaitu,
- Memiliki ilmu sebanyak mungkin yang diperlukan.
  - Menjaga akidah, amal dan akhlak menurut syariat.
  - Tidak tamakkan dunia dan tidak menganggap dirinya telah sempurna kerana itu adalah satu cabang cintakan dunia.
  - Ia pernah bersama (belajar) dengan seorang lain yang sempurna (Syeikh).
  - Ulama-ulama dan Syeikh semasa yang beramai telah menarub sangka baik kepadanya (mengiktirafnya).
  - Ia disukainya oleh golongan khusus dan bijak pandai yang berpegang pada agama lebih dari disukai oleh orang awam.
  - Orang-orang yang mengakui taat setia kepadanya, kebanyakannya mereka sangat kuat berpegang pada syarak dan kurang tamak kehadiran dunia.
  - Ia bersifat belas kasihan dan berlembut terhadap muridnya semasa mengajar dan memberitahu mereka, bila dia melihat atau mendengar keburukan yang dilakukan oleh muridnya ia mencela dan menegabinya, bukan memberi sokongan.
  - Orang yang bersababat padanya merasai kurangnya cinta pada dunia dan merasa



mendapat sesuatu dari sheikhnya dan tertutup limpah kurnia Allah kepadanya<sup>7</sup>.

bertambah cintanya kepada Allah.

j. Dirinya sentiasa sibuk berzikir, kerana tanpa amal dan tanpa keazaman tidak akan mendapat harakah semasa mengajar.

k. Tidak mengharapkan sambutan hebat dan tumpuan orang basil dari penyampaiannya kerana itu tidak semestinya ia dapat menguasai mereka di mana untuk mendapat perhatian penumpuan orang adalah merupakan peranan jiwa yang dapat ditingkatkan dengan latihan, bukanlah khusus pada sifat taqwa, kerana orang kafir pun mampu menguasai orang ramai."

6. Islam menggalakkan umatnya menghormati ulama dan guru tetapi mlarang dari meletakkan seseorang ke darjat para rasul dan nabi kerana tiada lagi nabi dan rasul yang diutus setelah nabi Muhammad s.a.w. Allah berfirman

**مَنْ كَانَ مُحَمَّدًا بِأَسْلَمَ وَلَكِنَ رَسُولًا لِّلَّهِ وَخَاتَمَ النَّبِيِّنَ**

"Tidaklah Mubammad itu bapa salah seorang dari kamu tetapi (beliau) adalah Rasulullah dan penutup nabi-nabi..." (Al-Ahzab:40)

Dakwaan bahawa seseorang itu adalah wakil nabi Muhammad s.a.w adalah tidak logik kerana nabi Muhammad s.a.w telah wafat dan tidak mungkin ia dapat kembali untuk melantik wakilnya di dunia ini. Jika yang dimaksudkan sebagai wakil itu ialah khalifah sebagaimana khalifah Abu Bakar, maka jawabannya ialah di zaman ini khalifah dilantik oleh pemilihan umat Islam. Individu tidak boleh melantik dirinya sendiri dan Rasulullah s.a.w tidak lagi melantik khalifahnya di dunia ini.

Islam mengajar bahawa hanya Allah s.w.t semata-mata yang menentukan samada sesuatu perkara akan berlaku atau tidak. Meyakini bahawa sesuatu perkara tidak akan tercapai tanpa bantuan atau kuasa dari guru adalah bercanggah dengan aqidah.

? Islam mengajar umatnya agar mengambil ilmu dari pelbagai sumber. Allah s.w.t berfirman

**فَإِذَا حَمَدَ اللَّذِينَ سَتَمُونَ الْقَوْلَ فَسَيَعْوَنَ الْحَسَنَةَ**

"Maka berikanlah berita gembira pada hamba-hambaku. Mereka yang mendengar pendapat dan mengikut apa yang terbaik darinya" (Az-Zumar:17 - 18)

Rasulullah s.a.w bersabda

**الْحِكْمَةُ خَلَقَ اللَّهُ الْمُؤْمِنُ أَيْ وَجَدَهَا فَهُوَ أَحَقُّ بِهِمَا**

"Hikmah (ilmu) adalah barang yang hilang dari seorang mukmin. Di mana ia menjumpainya maka ia lebih berbak terhadapnya."

- 5... Tidak boleh mengkritik dan menegur sesuatu perbuatan yang dilakukan sheikhnya sekali pun nyata perbuatan itu haram. Juga seorang pengikut itu tidak boleh menyatakan sheikhnya mengenai apa-apa perbuatannya.<sup>8</sup>
6. Adanya dakwaan bahawa sheikhnya adalah keturunan Rasulullah s.a.w tanpa salasilah yang jelas yang dapat dibuktikan<sup>9</sup>.
7. Keyakinan bahawa tiap-tiap berkat yang didapatkan di dunia dan akhirat adalah hasil atau disebabkan oleh berkat sheikhnya<sup>10</sup>.

Islam melarang umatnya dari memandang rendah pada orang lain. Allah s.w.t berfirman

يَعَلَّمُهُ الَّذِينَ إِذْنَنَا لَا يَسْخِرُونَ مِنْ قَوْمٍ عَسَقَ أَنْ يَكُونُوا خَيْرًا مِنْهُمْ وَلَا نَسَاءٌ مِنْ نَسَاءٍ عَسَقَ أَنْ يَكُنْ خَيْرًا مِنْهُنَّ

"Wabai orang-orang yang beriman! Janganlah satu kaum mentertawakan satu kaum yang lain. Kemungkinan mereka (yang ditertawakan) itu lebih baik dari mereka dan janganlah orang-orang perempuan mentertawakan orang-orang perempuan yang lain. Kemungkinan mereka (yang ditertawakan) lebih baik dari mereka...." (Al-Hujurat:11)

- <sup>8</sup> Rasulullah s.a.w sendiri sering ditanya akan oleh para sahabatnya akan perbuatan yang dia lakukan. Dalam sirah Rasulullah s.a.w diriwayatkan
- a. Semasa Peperangan Badr, seorang sahabat bertanya kepada Rasulullah s.a.w akan sebab beliau memilih tempat bagi markaz tenteranya. Sahabat berkenaan lalu mencadangkan tempat yang lebih baik dan Rasulullah s.a.w menerimanya.
  - b. Umar r.a pernah bertanya pada Rasulullah s.a.w akan sebab beliau bersetuju dengan isi kandungan Perjanjian Hudaibiyah yang dilihatnya sebagai berat sebelah dan Rasulullah s.a.w tidak melarang perbuatannya walaupun beliau tidak bersetuju dengan Umar r.a.
- <sup>9</sup> Islam sememangnya memuliakan keluarga Rasulullah s.a.w tetapi ia bukan bukti akan kebenaran sesuatu ajaran.
- <sup>10</sup> Rujuk nota kaki 4.

8. Larangan membuka rahsia mengenai ajaran kumpulan itu kerana kepercayaan bahawa jika membuka rahsia, pengikut itu akan ditimpah bahaya<sup>11</sup>.
9. Tidak dibenarkan berkahwin dengan wanita yang disukai oleh sheikhnya demikian juga tidak boleh berkahwin dengan bahu sheikhnya<sup>12</sup>.
10. Hendaklah menghadirkan rupa guru pada setiap kali berdoa dan meminta daripada beliau limpahnya dan menghilangkan was-was<sup>13</sup>.

<sup>11</sup> Rujuk nota kaki 3.

<sup>12</sup> Islam hanya melarang umatnya dari menikahi mahramnya sahaja. Isteri sheikh yang bukan dalam kategori mahram seseorang tidak terlarang dari dinikahi.

Hukum larangan menikahi bekas isteri-isteri Rasulullah s.a.w hanyalah khusus pada mereka sahaja dan tidak pada yang lain. Melarang sesuatu atas dasar agama tanpa dalil adalah bid'ah. Rasulullah s.a.w bersabda

مَنْ عَمِلَ عَمَلاً لَّيْسَ عَلَيْهِ أَمْرُنَا فَهُوَ رَدٌّ (رواه مسلم)  
"Sesiapa yang melakukan sesuatu amalan yang bukan dari urusan kami, maka ia tertolak." (Riwayat Muslim)

<sup>13</sup> Islam mengajar umatnya agar berdoa langsung pada Allah s.w.t dan sentiasa meyakini bahawa Allah S.w.t akan mendengar dan menjawab doanya. Allah s.w.t berfirman

وَإِذَا سَأَلَكُ عَبْدًا عَنِّي قَرِيبٌ أُجِيبُهُ دَعْوَةَ الَّذِي إِذَا دَعَنَا فَلَيْسَتْ حِجْبًا  
لِي وَلَيَقُولُوا لِمَنْ هُمْ بِرَشْدٍ

"Dan apabila bamba-bambaKu bertanya padamu mengenaiKu maka (katakanlah) babawa aku sangat hampir. Aku menjawab doa orang yang berdoa jika ia berdoa padaKu. Maka sabutlab daku dan berimanlah padaKu." (Al-Baqarah:186)

Rasulullah s.a.w bersabda:

أَنَا عِنْدَ ظَنِّ عَبْدِيْ بِيْ وَأَنَا مَعَهُ إِذَا ذَكَرَنِي (رواه البخاري ومسلم)  
"Aku pada sangkaan bambaKu terhadapKu, dan aku bersamanya, jika dia mengingatiKu." (Riwayat Al-Bukbari & Muslim)

Hadits-hadits ini mengajar umat Islam agar sentiasa bersangka baik terhadap Allah supaya kita memperoleh yang baik-baik pula dari-Nya dan agar menjauhi dari sangka buruk terhadap Allah s.w.t kerana yang buruk kelak yang akan diberi-Nya. Apabila berdoa hendaklah menyertakan keyakinan di

11. Ajaran yang menjalankan istiadat yang dikatakan berzikir atau beribadat atau bersuluk yang caranya berlawanan dengan adab yang diluluskan oleh agama Islam atau dengan cara yang pelik seperti mesti melakukan amalan tersebut dalam keadaan gelap, berselubung, percampuran lelaki dan perempuan, dan menggunakan perkataan yang tidak difahami seperti hu ... hu ... hu<sup>14</sup>.
12. Ajaran yang memberi hak milik dan kuasa mutlak kepada ketua, sheikh atau pak guru untuk menguasai harta pengikut-pengikut serta anak isteri mereka<sup>15</sup>.
13. Ajaran yang menggunakan kebolehan merawat penyakit secara ajaib, menolong menyampaikan hajat-hajat besar pengikut-pengikut dengan cara yang seolah-olah keramat sebagai suatu daya tarikan<sup>16</sup>.
14. Ajaran yang menggunakan syarat-syarat tertentu, yang dikenakan kepada murid-muridnya, umpamanya bayaran \$500 yang perlu diserahkan kepada tok guru atau sheikh sendiri<sup>17</sup>.

dalam hati bahawa Allah akan mengabulkan doa kita. (*Libat Hadits Qudsi : Analisa dan Komentar (Edisi Baru)* oleh Syed Ahmad Semait, Pustaka Islamiyah, Singapura, 1996, ms 165 - 169.)

Meyakini bahawa doa kita tidak akan terjawab kecuali dengan sebab-sebab seseorang adalah bercanggah dengan aqidah.

<sup>14</sup> Islam bukan hanya menuntut umatnya beribadat tetapi juga menuntut umatnya beribadat mengikut cara yang telah ditentukan. Umat Islam dilarang beribadat tanpa berpandukan amalan Rasulullah s.a.w yang disebutkan dalam hadits yang sah.

<sup>15</sup> Islam tidak mengajar umatnya sedemikian. Rasulullah s.a.w sendiri tidak pernah menguasai harta dan isteri para sahabatnya.

<sup>16</sup> Islam mengiktiraf kewujudan keramat tetapi perkara yang ajaib yang berlaku tidak semestinya keramat. Rujuk nota kaki 2.



15. Guru dan anggota ajaran sesat biasanya menghina, mencari kesilapan serta merendahkan kebolehan dan ilmu para alim ulama Islam. Mereka menuduh para alim ulama Islam yang ada hari ini hanya membesar-besarkan soal zahir (kulit) sahaja dan tidak membongkar rahsia-rahsia yang ada dalam hukum-hukum ibadat. Ada juga tuduhan bahawa para alim ulama Islam hari ini "menyembunyikan ajaran Islam yang sebenar"<sup>18</sup>.

Tujuan mereka mencaci dan menuduh para alim ulama Islam ialah supaya para alim ulama Islam dipandang rendah dan hina oleh penganut-penganut ajaran sesat. Bila racun hasutan sudah masuk dalam jiwa mereka maka penganut-panganut atau anggota-anggota ajaran sesat itu menjadi begitu taasub dan taat kepada pak guru atau pak sheikh. Bahkan mereka sanggup berkorban apa sahaja walaupun jika diperlukan oleh pak guru yang mursyid, itu nyawa mereka sekalipun. Waktu itu jika ada orang-orang yang menegur atau menyalahkan ajaran dan amalan yang diberikan oleh pak guru mereka, biasanya mereka akan bertindak secara kekerasan.

16. Dalam perkara-perkara yang berhubung dengan syariat Islam, seperti Al-Quran, As-Sunnah, rukun-rukun Islam dan Iman serta yang lain-lainnya, mereka mendakwa bahawa setiap yang zahir ada pula yang batin. Biasanya kumpulan ajaran sesat ini mendakwa hanya mereka lahir yang mengetahui ilmu hakikat dan ilmu isi<sup>19</sup>.

<sup>18</sup> Seorang yang mengajar agama yang ikhlas akan sentiasa berpegang pada firman Allah S.w.t

إِنَّ أَخْرَىٰ إِلَّا عَلَيَّ الْأَعْلَمُ

"Tiada ganjaran bagiku kecuali ke atas Allah." (Hud:29)

Perbuatan ini tidak sejajar dengan adab pendakwah yang tulin.

<sup>19</sup> Ini tidak bersesuaian dengan adab para ulama yang sentiasa menghormati orang lain dan sentiasa merendahkan diri. Rujuk nota kaki 5.

<sup>19</sup> Rujuk pada bab yang khusus mengenainya:

17. Menggalakkan penggunaan tangkal dan azimat dalam ajaran dan amalan<sup>20</sup>.
18. Mengijazahkan ilmu pada larut malam<sup>21</sup>.
19. Adanya dakwaan bahawa ajaran diterima melalui ilham, ilmu laduni yang dapat terus dari Allah s.w.t, dalam mimpi atau solat hajat<sup>22</sup>.
20. Guru yang mendakwa sebagai Imam Mahdi, Nabi Isa<sup>23</sup> dan wali<sup>24</sup> yang memiliki keramat.
21. Guru mendakwa dirinya maksum<sup>25</sup> (terpelihara dari dosa).

<sup>20</sup> Islam melarang penggunaan tangkal dan azimat. Rasulullah,s.a.w bersabda  
منْ عَلَقَ تَحِيمَةً فَلَا أَنْمَ اللَّهُ لَهُ وَمَنْ عَلَقَ وَدَعَةً فَلَا وَدَعَ اللَّهُ لَهُ (رواه احمد)

"Sesiapa yang menggantung tamimah (sejenis tangkal yang bertujuan untuk mendapat kesempurnaan) nescaya Allah tidak akan menyempurnakannya dan sesiapa yang menggantung wad'ah (sejenis tangkal yang bertujuan untuk mendapat keamanan) nescaya Allah tidak akan mengamankannya" (Riwayat Abmad)

منْ عَلَقَ تَحِيمَةً فَقَدْ أَشْرَكَ (رواه احمد)

"Sesiapa yang menggantung tamimah (tangkal) sesungguhnya ia telah syirik" (Riwayat Abmad).

<sup>21</sup> Tiada perintah khusus dalam Islam mengenai perkara ini.

<sup>22</sup> Ilham dan firasat sememangnya wujud dan diakui oleh Islam tetapi bagi selain para anbiya', ilham, firasat dan apa jua yang dikurniakan oleh Allah s.w.t kepada selain para anbiya' tidak mungkin berlaku sebagai tasyri' (pensyariatan hukum) kerana tasyri' hanya berlaku melalui proses wahyu yang dikurniakan kepada para anbiya' dan rasul. Ilham dan firasat bagi manusia biasa boleh berlaku dalam bentuk petanda-petanda akan sesuatu tetapi bukan dalam bentuk tasyri'.

<sup>23</sup> Isa Al-Masih yang akan turun ke bumi ialah Isa anak Mariam dari keturunan Bani Israil atau Yahudi.

<sup>24</sup> Wali sebenar ialah seorang yang bertakwa dengan sebenar-benaranya dan dia tidak mengaku dirinya seorang wali kerana taraf wali adalah kurniaan Allah s.w.t bukan sesuatu yang didakwa atau dituntut oleh seorang hamba.



22. Mentafsir Al-Quran berdasarkan pemikiran sendiri tanpa ilmu dan kelayakan yang diperlukan, dan tafsirannya amat jauh dan berbeza dari pandangan ulama-ulama yang muktabar<sup>26</sup>.
23. Guru mendakwa sebagai pengganti Rasulullah s.a.w<sup>27</sup>.
24. Guru mendakwa bahawa ia menerima wahyu dari Allah Taala<sup>28</sup>.
25. Ajaran bahawa masih ada nabi dan rasul selepas nabi Muhammad s.a.w<sup>29</sup>.
26. Ajaran wujudnya percantuman agama - Islam, Kristian dan Yahudi<sup>30</sup>.
27. Ajaran menunaikan haji ke tempat lain selain dari Mekah<sup>31</sup>.
28. Dakwaan bahawa guru boleh menjelma sebagai Rasulullah s.a.w atau para sahabat khususnya Khulafa' Ar-Rasyidin<sup>32</sup>.
29. Dakwaan dapat berhubung terus dengan Allah s.w.t<sup>33</sup>.

<sup>25</sup> Maksum adalah taraf yang hanya diberikan pada para nabi dan rasul.

<sup>26</sup> Ini dilarang dalam Islam. Rasulullah s.a.w bersabda

مَنْ قَالَ فِي الْقُرْآنِ بِرَأْيِهِ أَوْ بِمَا لَا يَعْلَمُ فَإِنَّهُ مَفْسُدٌ مِّنَ النَّارِ (رواه ابو دود و الترمذى)

"Barangsiapa bercakap tentang Al-Quran dengan pendapatnya atau dengan apa yang ia tidak ketahui maka silakanlah mengambil tempat duduknya dalam neraka." (Riwayat Abu Daud & At-Tirmizi)

مَنْ تَكَلَّمَ فِي الْقُرْآنِ بِرَأْيِهِ فَأَصَابَ، فَقَدْ أَخْطَلَ (رواه ابو دود و الترمذى)

"Barangsiapa bercakap tentang Al-Quran dengan fikirannya lalu ia betul namun ia tetapi dipandang salah juga." (Riwayat Abu Daud, At-Tirmizi & An-Nasa'i)

<sup>27</sup> Rujuk nota kaki 4.

<sup>28</sup> Wahyu hanya diturunkan pada nabi dan rasul. Setelah kewafatan Rasulullah s.a.w, tiada lagi wahyu diturunkan.

<sup>29</sup> Rujuk nota kaki 4.

30. Dakwaan pernah bertemu dan didatangi oleh malaikat Jibril atau malaikat lain<sup>34</sup>.

- <sup>30</sup> Islam yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w adalah syariat terakhir sehingga Hari Kiamat. Ia adalah kesinambungan dari syariat dahulu. Syariat yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w memansuhkan syariat yang lalu. Islam telah sempurna. Allah s.w.t berfirman

**الْيَوْمَ أَكَلَتْ لَكُمْ دِينُكُمْ وَأَمْسَتْ عَيْنَكُمْ تَعْمَقَىٰ وَرَضَيْتُ لَكُمُ الْإِسْلَامَ وَبِئْنَا**

"Hari ini Aku telah sempurnakan bagi kamu Din kamu dan Aku sempurnakan terhadap kamu nikmatKu dan Aku redha bagi kamu Islam sebagai Din" (Al-Maidah : 3)

**وَمَنْ يَتَّخِذُ عِدَّةً إِلَّا سُلَطَانٌ دِينًا فَلَنْ يُقْبَلَ مِنْهُ وَهُوَ فِي الْآخِرَةِ مِنَ الْخَسِيرِينَ**

"Dan barangsiapa yang mencari selain Islam sebagai cara hidup maka tidak akan diterima darinya dan dia di Akhirat akan tergolong dari golongan orang-orang yang rugi" (Ali-Imran : 85)

Oleh itu tiada keperluan bagi penggabungan antara agama Islam, Yahudi dan Nasrani.

- <sup>31</sup> Ini bercanggah dengan firman Allah s.w.t

**إِنَّ أَوَّلَ بَيْتٍ وُجِّهَ لِلنَّاسِ لِلَّذِي يَبْكِيَ كَثَرًا كَمَا يَبْكِيُهُ اللَّهُمَّ**

"Sesungguhnya rumah pertama yang diletakkan untuk manusia ialah yang berada di Mekah yang diberkati." (Ali Imran : 96)

- <sup>32</sup> Roh mereka yang telah meninggal dunia di tempatkan di alam barzakh. Tiada siapa yang mengetahui mengenainya selain Allah. Allah s.w.t berfirman:

**وَنَسْلُوكُكُمْ عَنِ الرُّؤُوفِ قُلْ الرُّؤُوفُ مِنْ أَمْرِ رَبِّكُمْ وَمَا أُوتِنَّدُ مِنْ أَعْلَمِ إِلَّا قِيلَ**

"Katakanlah babawa rub adalah urusan Tuhanmu. Dan tidaklah kamu dikurniakan ilmu kecuali sedikit sahaja" (Al-Isra':85)

Berdasarkan ini, tiada sesiapa yang dapat mengetahui mengenai ruh dan dakwaan bahawa yang menjelma adalah ruh Rasulullah s.a.w atau sahabat atau wali-wali adalah tidak benar.

- <sup>33</sup> Ini bercanggah dengan firman Allah s.w.t

**وَمَا كَانَ لِشَرِّيْرٍ أَنْ يُكْلِمَهُ اللَّهُ إِلَّا وَجَاهَ أَوْنَانَ وَرَأَيَ جَهَابٍ أَوْ تَرَى مِلَّ رَسُولًا فَيُوْحَىٰ  
بِإِذْنِهِ، مَا يَشَاءُ إِنَّهُ عَلَىٰ حَكْمِهِ**

"Dan tidak ada bagi seorang manusia pun babawa Allah berkata-kata dengan dia kecuali dengan perantaraan wahyu atau dari belakang tabir atau dengan mengutus seorang utusan (malaikat) lalu diwabiyukan kepadanya dengan izin-Nya apa yang Dia kehendaki. Sesungguhnya Dia Maha Tinggi lagi Maha Bijaksana" (Asy-Syura : 51)



31. Dakwaan dirinya sebagai malaikat<sup>35</sup>.
32. Dakwaan tahu akan ketibaan Hari Kiamat<sup>36</sup>.
33. Dakwaan mempunyai ilmu kebal<sup>37</sup>.
34. Larangan dari bernikah dengan mereka yang bukan ahli kumpulan<sup>38</sup>.
35. Mengajar sesuatu melalui proses menurun.
36. Ajaran yang memberi penekanan kepada memperoleh bantuan

<sup>34</sup> Tugas Jibril ialah untuk menyampaikan wahyu. Setelah kewafatan Rasulullah s.a.w tiada lagi wahyu yang diturunkan, maka dakwaan bertemu dengan Jibril adalah tidak benar. Dakwaan bertemu dengan malaikat juga bukanlah satu bukti akan kebenaran ajaran yang diajarkan.

<sup>35</sup> Malaikat adalah makhluk yang diciptakan atas bentuk yang tersendiri.  
Malaikat adalah makhluk yang dicipta dari cahaya. Rasulullah s.a.w bersabda

**خُلِقَتِ الْمَلَائِكَةُ مِنْ نُورٍ وَخُلِقَ الْجَاهَنُ مِنْ تَارِ وَخُلِقَ آدَمُ مِنْ صَفَّ لَكْمٍ** (Roaah Muslim)  
"Telah dicipta malaikat dari cahaya. Telah dicipta jin dari nyala api. Telah dicipta Adam dari apa yang telah diterangkan pada kamu." (Riwayat Muslim)

<sup>36</sup> Kedatangan Hari Kiamat hanya diketahui oleh Allah s.w.t. Allah s.w.t berfirman:

**يَعْلَمُنَا عَنِ الْسَّاعَةِ أَيَّانَ مُتَّسِئَّا قُلْ إِنَّمَا عِنْدَنَا رِزْقٌ لَا يَجِدُهَا إِلَّا لَهُ**

"Mereka bertanya pada kau mengenai As-Sa'ab (Kiamat), bilakah datangnya? Katakanlah: Sesungguhnya pengetahuan mengenainya adalah di sisi Tubanku. Tidak seorang pun yang dapat menjelaskan mengenai waktunya kecuali Dia." (Al-Araf:187)

<sup>37</sup> Ilmu kebal sememangnya wujud. Ia boleh merupakan sesuatu yang dituntut atau kurniaan Allah s.w.t. Walaubagaimana ia bukanlah dalil yang menunjukkan kebenaran sesuatu ajaran.

<sup>38</sup> Sesiapa sahaja mencukupi syarat-syarat sah nikah dengannya halal untuk dinikahi. Mewujudkan larangan yang tidak dilarang oleh Allah adalah bid'ah yang keji. Rasulullah s.a.w bersabda:

**مَنْ عَمِلَ عَمَلاً لَنْ يَسِّرَهُ اللَّهُ فَهُوَ رَدٌّ** (Roaah Muslim)

"Barangsiaapa yang beramal dengan sesuatu amalan yang bukan dari urusan (ajaran) kami maka ia ditolak." (Riwayat Muslim)

dari orang yang mati atau kubur-kubur<sup>39</sup>.

- 37. Dakwaan pernah berdialog dengan Nabi Noh, Musa dan lain-lain<sup>40</sup>.
- 38. Dakwaan dapat menunjukkan syurga dan neraka<sup>41</sup>.
- 39. Ajaran yang membatalkan solat Jumaat<sup>42</sup>.
- 40. Menafikan keislaman orang yang di luar kumpulan<sup>43</sup>.

<sup>39</sup> Memohon sesuatu hajat melalui kuburan adalah dilarang kerana ia akan menjurus pada syirik.

<sup>40</sup> Persoalan ini sama dengan persoalan ruh. Rujuk nota kaki 31.

<sup>41</sup> Syurga dan neraka adalah antara perkara ghaib yang hanya Allah sahaja yang mengetahui hakikatnya. Kita hanya wajib mengetahui mengenai syurga dan neraka sekadar apa yang diterangkan oleh Allah s.w.t dan Rasulullah s.a.w.

<sup>42</sup> Ini bercanggah dengan firman Allah S.w.t

يَأَيُّهَا الَّذِينَ آتَنَا إِذَا أَنْوَىٰ لِلصَّلَاةِ مِنْ قَوْمٍ أَجْمَعِينَ فَاسْتَعِنْ بِاللَّهِ وَلَا رَبَّ لَكُمْ بَعْدَنَا  
ذَلِكُمْ خَيْرُ الْمُحْسِنِينَ كُفَّارٌ عَمَّا يَعْمَلُونَ

"Wabai orang-orang beriman! Jika diseru untuk memunaikan solat di hari Jumaat maka bersegeralah untuk mengingati Allah dan tinggalkanlah jual beli. Yang demikian itu lebih baik bagi kamu sekitanya kamu mengelabui." (Al-Jumuah : 9)

Menafikan sesuatu kewajiban boleh menjurus kepada kekufturan.

<sup>43</sup> Ini adalah terlarang. Rasulullah s.a.w bersabda

إِذَا قَالَ الرَّجُلُ لِأَخِيهِ "يَا كَافِرٌ" فَقَدْ بَاءَ أَحَدُهُمَا (رواه البخاري ومسلم)

"Jika berkata seseorang kepada saudaranya "Hai Kafir!" maka akan menimpa (kekufturan) kepada salah satu dari antara keduanya" (Riwayat Al-Bukhari & Muslim)

مَنْ دَعَا رَجُلًا بِالْكُفُرِ أَوْ عَدُوَ اللَّهِ وَكَيْنَسْ كَيْلَكَ إِلَّا حَارَ عَلَيْهِ (رواه البخاري ومسلم)

"Sesiaapa memanggil seseorang dengan kekufturan atau berkata kepadanya "musuh Allah" sedangkan ia tidak sedemikian, maka kembali perkataan itu kepadanya" (Riwayat Al-Bukhari & Muslim)

Menuduh orang Islam sebagai kafir akan membawa kekufturan.

41. Ajaran tidak menggunakan buku yang muktabar tetapi hanya berdasarkan nota-nota tulisan tangan dan rajah-rajah<sup>44</sup>.

## CARA-CARA AJARAN SESAT MENYUSUP

### 1. Melalui Kelas Agama

Penyusupan ajaran sesat melalui kelas-kelas agama biasanya bermula dengan berpandukan kitab-kitab perukunan mengenai cara-cara beristinjak, berwuduk, bersembahyang dan ajaran mengenal Tuhan. Selepas pengikut-pengikut ajaran sesat itu diberikan secara zahir mengenai beristinjak, berwuduk, bersembahyang dan ajaran mengenal Tuhan, barulah mereka itu diberi pelajaran bagaimana untuk mendapatkan sesuatu yang "ghaib" seperti "kasyaf" dan "laduni" iaitu bagaimana mengetahui "alam ghaib" dan mendapat limpahan ilmu Allah dan "Tajalli" iaitu penjelmaan hakikat zat, sifat Allah dan lain-lain.

Biasanya pengikut-pengikut atau anggota-anggota ajaran sesat tidak berpandu kepada sesuatu kitab atau buku, hanya diberikan nota-nota atau mencatat dan menyalin dari buku yang telah disediakan oleh pak guru. Dari pelajaran melalui nota-nota atau buku catatan itulah pak guru ajaran sesat memainkan peranan memesongkan pengikut-pengikutnya dari ajaran fekah dan tauhid yang sebenar.

### 2. Melalui Kumpulan Tarikat

Bagi memerangkap masyarakat Islam yang lemah dan cetek pegangan dan pengetahuan mengenai hukum-hukum Islam; selalunya guru ajaran sesat itu menggunakan nama tarikat yang masyhur seperti Naqsyabandiyah, Mufarridiyah dan lain-lain lagi tetapi, dalam perlaksanaannya guru ajaran sesat itu menokok tambah dan mengadakan sistem pewiridan dan sistem persulukan dalam kelambu atau di bilik-bilik khas dalam keadaan bercampur antara lelaki dan

<sup>44</sup> Ajaran Islam disandarkan pada Al-Quran dan hadits dan diuraikan oleh buku-buku para ulama yang telah dikenali umum bukan berdasarkan gambar rajah.

perempuan. Ini tidak bermakna semua tarikat yang ada adalah sesat.

### 3. Melalui Kepercayaan & Amalan Tradisi

Pelajaran melalui kepercayaan dan amalan tradisi merupakan jalan dan cara yang mudah bagi masyarakat Melayu/Islam menerima dan kemudian terperangkap dalam ajaran sesat.

Contoh dalam aspek ini ialah penyusupan ajaran sesat melalui amalan pedukunan dan rawatan tradisional seperti kaedah perubatan yang mendakwa kehadiran wali-wali ke tubuh perawat untuk membantu merawat pesakit atau menyelesaikan masalah mereka. Begitu juga penyusupan ajaran sesat melalui amalan-amalan tradisi seperti amalan semasa upacara perkahwinan dan menyambut kelahiran anak.

## ASPEK-ASPEK PENYELEWENGAN YANG TERDAPAT DALAM AJARAN SESAT

Penyelewengan yang terdapat dalam ajaran sesat boleh dikategorikan kepada dua kategori utama iaitu:

### 1. Penyelewengan dari Sudut Aqidah Islam.

- ◆ Yang menyentuh kepercayaan kepada Allah iaitu di mana manusia dapat bercantum dengan zat Allah sehingga dapat melihat dan menggambarkan sifat Allah di hadapan mata.
- ◆ Mengaku diri sebagai Imam Mahdi.
- ◆ Mengaku sebagai Nabi Isa anak Tuhan<sup>45</sup>.
- ◆ Ajaran ini mendakwa bahawa manusia itu sendiri adalah Allah berpandukan hadits yang maksudnya "Barangsiaapa kenal dirinya maka kenallah Allah". (Ini bukan hadits). Hujahnya lagi ialah

<sup>45</sup> Rujuk nota kaki 22.



dengan ayat Al-Quran yang bermaksud "Aku Tuhan tiada yang lain melainkan Aku". Ajaran ini juga menjurus pada keyakinan bahawa Allah wujud pada diri manusia. Ini bercanggah dengan iman pada Allah Taala.

- ◆ Mengaku menjadi rasul setelah Nabi Muhammad s.a.w seperti:
  - ❖ Mirza Gulam Ahmad (Qadiani)
  - ❖ Mirza Ali Muhammad bin Mirza Ridza al-Bazzaz (Bahai)
  - ❖ Mokhtar bin Hassan (Crypto)
  - ❖ Muhammad Tahir (ajaran tauhid makrifat)
- ◆ Mengaku menerima wahyu dari Allah atau mengaku bermimpi mendapat ajaran seperti Ajaran Nikah Batin di mana biasanya si guru mendakwa mendapat perintah dari Allah melalui Rasulullah s.a.w supaya berkahwin dengan si Fulan. Dalam ajaran tarikat Khalidiyah pula gurunya mengaku bahawa beliau mendapat perintah dari Allah untuk memansuhkan Al-Quran dan al-Hadits kemudian diberi kuasa oleh Allah untuk mencipta tarikat Khalidiyah. Guru ajaran Tarikat Rimau mendakwa bahawa Al-Quran yang ada pada hari ini bukanlah yang sebenar, sebaliknya beliau mendakwa bahawa Al-Quran yang sebenar berada di tangannya<sup>46</sup>.
- ◆ Menafikan adanya Qadha' dan Qadar dari Allah, sebaliknya manusia itu dapat membuat sesuatu perkara tanpa kuasa dari Allah. Ini bercanggah dengan iman pada Qadha' dan Qadr<sup>47</sup>.

## 2. Penyelewengan dari Sudut Amalan.

- ◆ Menambah atau mengubah rukun dan syarat sembahyang

<sup>46</sup> Rujuk nota kaki 27 & 32.

<sup>47</sup> Ini bercanggah dengan hadits Rasulullah s.a.w.

إِيمَانُ أَنْ تُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَمَلَائِكَتِهِ وَكِبِيرِهِ وَرَسُولِهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَالْقَدْرِ خَيْرٌ وَشَرٌّ  
(رواه البخاري ومسلم)

"Iman iialah apabila engku beriman pada Allah, malaikat-malaikatnya, kitab-kitabnya, rasul-rasulnya, hari akhirat dan qadr (ketentuan Allah) yang baik dan yang buruk"  
(Riwayat Al-Bukhari & Muslim)

sebagaimana yang telah ditetapkan oleh syariat Islam atau sembahyang hanya dengan niat sahaja<sup>48</sup>.

- ◆ Membatalkan sama sekali kewajipan puasa, atau melaksanakannya hanya pada hari pertama, hari pertengahan dan hari penghabisan, atau melakukan puasa dengan berniat sahaja<sup>49</sup>.
- ◆ Membatalkan kewajipan berzakat atau hanya mengerjakan kewajipan zakat seumur hidup sekali dengan membayar kepada pak guru<sup>50</sup>.

<sup>48</sup> Prinsip utama dalam menunaikan solat ialah mengikut sebagaimana yang disabdakan oleh Rasulullah s.a.w

صَلُوْا كَمَا رَأَيْتُمُنِي أَصْلَى (رواه البخاري)

"Solatlah sebagaimana kamu melihat aku menunaikan solat" (Riwayat Al-Bukhari)

Menambah atau mengurangi apa yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w merupakan bid'ah yang dilarang sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w

مَنْ عَمِلَ عَمَلاً لَّيْسَ عَلَيْهِ أَمْرُنَا فَهُوَ رَدٌ (رواه مسلم)

"Sesiapa yang beramal dengan sesuatu amalan yang bukan dari urusan kami, maka ia tertolak" (Riwayat Muslim)

إِيَّاكُمْ وَمُحْدَثَاتِ الْأُمُورِ فَإِنْ كُلْ بَدْعَةٍ ضَلَالٌ (رواه أبو داود)

"Jaahilah perkara-perkara yang diada-adakan (dalam agama) kerana sesungguhnya yang diada-adakan itu bid'ah. Setiap bid'ah adalah sesat dan setiap yang sesat itu di dalam neraka" (Riwayat Abu Daud)

Untuk mengetahui cara solat Rasulullah s.a.w yang sempurna, perlulah merujuk pada buku-buku fiqh yang diakui.

<sup>49</sup> Ini termasuk di dalam bid'ah yang sesat. Rujuk nota kaki 48. Rujuk buku-buku fiqh yang diakui dalam bab puasa bagi memahami cara puasa yang benar.

<sup>50</sup> Ini termasuk di dalam bid'ah yang sesat. Rujuk nota kaki 49. Rujuk buku-buku fiqh yang diakui dalam bab zakat bagi memahami cara berzakat yang benar.

Zakat diwajibkan apabila cukup nisab (kiraan) pada tiap tahun. Zakat dikeluarkan kepada badan yang sah untuk mengutip zakat untuk dibahagikan pada golongan faqir, miskin, muallaf (golongan baru masuk Islam), hamba, orang yang berhutang, amil (petugas sah mengutip zakat), fisabilillah dan ibn sabil (pengembara yang putus bekalan).



- ◆ Menunaikan haji tidak payah pergi ke Mekah, hanya cukup dengan membayar korban dengan kadar yang tertentu kepada pak guru, atau menunaikan haji ke tempat selain dari Mekah<sup>51</sup>.
- ◆ Segala apa yang telah diharamkan oleh Allah akan gugur, bila mana seseorang Islam itu sampai ke martabat yang tinggi setelah menunaikan syarat-syarat tertentu yang diarahkan oleh pak guru<sup>52</sup>.

## KESAN-KESAN & BAHAYA AJARAN SESAT

1. Membawa kemungkinan seseorang itu menjadi murtad kerana syirik atau menyalahi prinsip-prinsip utama ajaran Islam.
2. Menyebabkan amalan dan ibadat seseorang tidak diterima. Akibatnya segala perbuatan dan sumber yang dicurahkan menjadi sia-sia dan sekiranya ia mati sedemikian ia akan rugi dan kecewa<sup>53</sup>.

<sup>51</sup> Ini termasuk di dalam bid'ah yang sesat. Rujuk nota kaki 49. Rujuk buku-buku fiqh yang diakui dalam bab haji bagi memahami cara berhaji yang benar.

<sup>52</sup> Hatta para nabi sekali pun masih tetap berkewajiban menunaikan syariat apakah lagi manusia biasa walau pun ia soleh. Semakin soleh seseorang itu dan semakin hampir dirinya pada Allah sepatutnya semakin banyak amalan dia kepada Allah s.w.t. Inilah yang dicontohkan oleh Rasulullah s.a.w dalam sebuah hadits dari Aisyah r.a.

"Babawasanya Rasulullah s.a.w bangun untuk solat sebingga kedua tapak kakinya atau kedua betis beliau bengkok, lalu dikatakan kepada beliau, lalu beliau menjawab

**أَفَلَا أَكُونْ عَبْدًا شَكُورًا** (رواه البخاري)

"Apakah saya tidak wajar menjadi bambang yang bersyukur" (Riwayat Al-Bukhari)

يَا يَهَا النَّاسُ تُؤْمِنُوا إِلَى اللَّهِ وَاسْتَغْفِرُوهُ فَإِنَّمَا أَنْوَبُ فِي الْيَوْمِ مَا تَهَةَ (رواه مسلم)

"Bertaubatlah kepada Tuhanmu. Demi Allah sesungguhnya aku bertaubat pada Tuhanku sebiji seratus kali." (Riwayat Muslim)

- ④ Menyebabkan perpecahan dan permusuhan sesama umat Islam. Ini khususnya berlaku apabila ajaran berkenaan mendakwa bahawa orang yang selain dari kumpulannya salah atau kurang kelslamannya jika dibanding dengan mereka.
- 3. Membuka peluang kepada golongan tertentu untuk mendapatkan kepentingan diri sendiri di dunia ini.
- 4. Menggalakkan kehidupan yang berteraskan pemuasan nafsu sehingga melahirkan gejala anak luar nikah dan amalan seks bebas dalam masyarakat.
- 5. Menimbulkan ancaman pada keselamatan negara dan keharmonian masyarakat. Berikut adalah insiden-insiden yang berlaku berkaitan dengan ajaran sesat;

  - ④ Pada 19 Ogos 1979, seramai 4 orang pengikut Ajaran Ilmu Kasyaf pimpinan Hj. Kamarudin @ Abdullah Sani Kajang, mati terbunuh dalam satu peristiwa di Kerling, Selangor.
  - ④ Pada 19 Oktober 1974 seorang dari kumpulan ajaran sesat Empat Sahabat pimpinan Syed Mutalib di Kg. Kedap, Rantau Panjang, Kelantan, mati ditembak dalam pertempuran dengan pasukan keselamatan.
  - ④ Pada 16 Oktober 1980, 8 orang dari kumpulan ajaran sesat pimpinan Ahmad Nasir Ismail (Kemboja) yang mengaku

<sup>53</sup> Rasulullah s.a.w bersabda


مَنْ عَمِلَ عَمَلاً لَّيْسَ عَلَيْهِ أَمْرُنَا فَهُوَ رَدٌّ (رواه مسلم)

"Barangsiaapa melakukan sesuatu amalan yang bukan dari urusan kami maka ia tertolak."  
(Riwayat Muslim)

Allah s.w.t berfirman

قُلْ هُنَّا نَنذِّكُ بِالآخِرَةِ أَعْمَلُ الَّذِينَ ضلَّ سَعْيُهُمْ فِي الدُّنْيَا وَمَنْ يَعْسِرُونَ أَعْمَلًا مُجْسِرُونَ صُنْعًا

"Katakanlah adakah mahu aku beritahu pada kamu tentang golongan yang paling rugi amalannya. Mereka yang sesat usahanya dalam kehidupan dunia sedangkan mereka menyangka bahawa mereka telah mengelokkan perbuatannya." (Al-Kahfi:403 - 404)



5. Imam Mahadi telah terbunuh apabila mereka menyerang Balai Polis Batu Pahat, Johor.
- ◎ Pada Pada 7 Julai 1979, Tajul Ariffin yang mengaku dirinya Imam Mahdi telah mencederakan Tuan Haji Damanhuri Hj. Abdul Wahab, imam Masjid Rapat Setia, Ipoh, Perak<sup>54</sup>.
6. Menghalang kemajuan dan pembangunan rakyat dan negara. Ini jika dikaitkan dengan ajaran yang bersifat penolakan terhadap dunia dan berlebihan-lebihan dalam zuhud.
7. Menghambat kemajuan dakwah. Sering kali kemunculan ajaran seperti ini telah memalingkan fokus usaha dakwah dari keutamaan-keutamaan yang lain.

## SEBAB-SEBAB KEMUNCULAN PERKEMBANGAN AJARAN SESAT

Sebab utama kemunculan ajaran sesat adalah kejihilan terhadap hakikat Islam itu sendiri. Kejihilan ini wujud pada kedua-dua si pengajar dan yang belajar.

- Kejihilan ini dapat disimpulkan seperti berikut:
1. Jahil tentang sumber-sumber utama ajaran Islam yang sebenar telah mendorong seseorang itu mempelajari mengenai Islam dari sumber yang tidak wajar sehingga ia membuat kesimpulan dan kefahaman yang salah tentang Islam. Hasil dari kefahaman itu, diajarkan pula pada yang lain.
  2. Jahil tentang sifat-sifat ulama yang sebenar sehingga tidak tahu membezakan antara seorang alim yang tulin dengan yang palsu.
  3. Jahil tentang ilmu-ilmu alat yang membantu proses kefahaman yang betul terhadap Al-Quran dan As-Sunnah. Ilmu-ilmu ini

<sup>54</sup> Lihat halaman web Pusat Islam Malaysia [www.islam.gov.my/sesat/BM](http://www.islam.gov.my/sesat/BM)

ialah seperti Ulum Al-Quran, Ulum al-Hadits dan Usul Fiqh. Ada segelintir pengajar dan pengikut ajaran sesat yang mempelajari Islam ini melalui sumber yang betul iaitu Al-Quran dan As-Sunnah, tetapi kerana mereka tidak mempunyai alat yang betul atau tidak mengetahui bagaimana menggunakan alat yang betul untuk membuat kesimpulan hukum yang betul, telah mengakibatkan kefahaman mereka menjadi terseleweng dan sesat.

Ajaran sesat berkembang juga kerana sebab-sebab ini disokong pula oleh sebab-sebab berikut:

1. Penggunaan ayat-ayat Al-Quran bagi menyokong ajaran dan tafsiran yang dibuat. Masyarakat umum biasanya menerima apa jua yang dikatakan datang dari Al-Quran dan kurang memeriksanya.
2. Keghairahan untuk mencari ilmu-ilmu Islam dan keinginan yang amat sangat untuk mendapat sesuatu yang tinggi dan bernilai.
3. Kebijaksanaan guru dalam menyampaikan ajarannya sesuai dengan logik yang dapat diterima oleh akal dan gaya yang memukau.
4. Dorongan kuat untuk memperoleh kepentingan dunia. Di peringkat guru, kerana ingin mudah kaya dan hidup, ia akan menggunakan kebijaksanaannya untuk memperolehkekayaan itu. Di peringkat murid pula, ia didorong oleh keyakinan bahawa guru berkenaan mampu untuk memberinya kekayaan atau kesenangan. Contohnya ialah insiden yang dilakukan oleh Mona Fandey.
5. Dorongan kuat untuk mengecap kepuasan seks seperti ajaran yang mengatakan bahawa tidak sah sesuatu pernikahan sebelum guru melaksanakan nikah batin iaitu isteri-isteri menyerahkan diri mereka kepada si guru. Terdapat juga ajaran yang membenarkan para pengikutnya mengamalkan seks bebas dengan bertukar-tukar pasangan.
6. Dorongan kuat untuk memperoleh kedudukan sosial. Di kalangan pengajar ajaran sesat keinginan untuk dihormati dan



memiliki kedudukan yang tinggi di sisi manusia telah mendorong mereka menyebarkan ajaran yang menyeleweng seperti mendakwa sebagai Imam Mahdi, wali atau Nabi Isa. Bagi pengikut pula, ada di kalangan mereka yang mengikuti ajaran tertentu kerana meyakini ajaran berkenaan akan membantu mereka mencapai status sosial yang tinggi seperti jawatan politik.

7. Faktor psikologi dan mental: Ada di kalangan pengajar ajaran sesat yang didapati mempunyai gangguan mental yang menimbulkan khayalan-khayalan dan pelbagai lintasan. Di kalangan pengikut pula, ramai di kalangan mereka ini yang terpengaruh asalnya kerana faktor psikologi dan masalah mental seperti tekanan perasaan, masalah rumah tangga dan kehidupan, sehingga apabila ia bertemu dengan seorang yang boleh menjadi tempat ia bergantung, mereka akan terus percaya dan mudah diperdaya.
8. Kepercayaan terhadap mistik. Semua masyarakat mempunyai kepercayaan terhadap mistik dan perkara yang ghaib. Naluri seperti ini mudah diambil kesempatan oleh pelbagai pihak untuk pelbagai kepentingan.

## TAKTIK PENGAMAL AJARAN SESAT UNTUK MENARIK PENGIKUT

Menurut Imam Al-Ghazali dalam *Fadhaib Al-Batiniyah*, Muhammad b. Malik Al-Yamani di dalam *Kasy Al-Asrar* dan penulis-penulis lain sebelum Al-Ghazali dan sesudahnya, ada lapan atau sembilan langkah digunakan untuk memikat mangsa:

**الذوق والتفرس (Az-Zauq Wa At-Tasarus, Tilik dan Perhati).**

Ertinya penyebar itu mestilah pandai membaca dan memahami hati dan pendirian orang yang hendak dipikatnya. Ini bertujuan untuk menilai sejauh mana orang berkenaan dapat dipikat, apakah kekuatan dan kelemahannya yang boleh diambil kesempatan, agar dapat memilih kaedah terbaik bagi mempengaruhinya.

## 2. التأنيس (At-Ta'nis, Beramah mesra)

Sekarang penyebar akan mencari jalan untuk mendampingi dan mendekati orang yang ingin dipengaruhi. Sebagai contoh, ia akan minta untuk bermalam di rumah orang yang berkenaan dengan tujuan mengadakan majlis membaca Al-Quran atau seumpamanya. Setelah itu, penyebar akan mengambil peluang untuk bercakap sedikit. Dalam perbualannya ia akan cuba menyampaikan sesuatu yang menarik perhatian dan minat orang berkenaan. Sepanjang masa ini juga ia akan berlagak sebagai seorang yang rajin dan kuat beribadat.

## 3. التشكيك (At-Tasykik, Keraguan)

Langkah ketiga ialah cuba menimbulkan beberapa keraguan dalam diri orang yang ingin dipengaruhi itu. Umpamanya, kalau selama ini seseorang itu mengerjakan sembahyang fardhu dan sunat dengan tekun, mereka menimbulkan persoalan mengenai hikmat dan tujuan sembahyang? Demikian juga dilakukan kepada segala zahir taklif syariat yang lain seperti zakat, puasa, haji, istinjaq dan seumpamanya. Perkara-perkara yang ditimbulkan ialah seperti; Apakah rahsia huruf-huruf di awal surah Al-Quran seperti Alif Lam Mim? Mengapakah air mani suci sedangkan kencing najis pada hal keduanya keluar dari satu saluran yang sama? Mengapakah tawaf tujuh kali, ada tujuh hari dalam seminggu dan langit tujuh lapis?

## 4. التعليق (At-Ta'liq, Gantung Tak Bertali)

Apabila tujuan penyebar ialah untuk menimbulkan keraguan dalam pemikiran seseorang itu berhasil dan apabila orang yang hendak dipikatnya itu benar-benar berminat hendak mengetahui rahsia-rahsia seperti rahsia angka tujuh, rahsia di sebalik huruf di awal surah, rahsia solat dan rahsia puasa, penyebar akan berpura-pura jual mahal. Orang yang ragu-ragu ditinggalkan begitu sahaja tanpa mendapat jawapan dan penjelasan. Bila didesak, ia akan memberi alasan seperti, "Sabarlah....rahsia bukannya mudah untuk dibongkar dan itulah hakikat rabsia. Kalau nak tabu rabsia...tidak boleh gropoh-gapah. Perkara agama tidak boleh bergopoh gapah."

Jika orang berkenaan kemudian hilang minat, penyebar akan



meninggalkannya begitu sahaja tetapi jika orang itu terus berminat, maka penyebar itu akan meminta ia banyak bersabar dan banyak melakukan ibadat. Dalam keadaan sedemikian, penyebar akan membesar-besarkan keraguan yang ditimbulkan. "Perkara ini adalah rabsia besar para nabi, rasul dan wali," menurutnya. Sekiranya orang berkenaan terus berminat, penyebar akan meminta orang itu bersumpah untuk tidak membocorkan rahsia kepada orang lain kerana kononnya nabi sendiri pun tidak membuka rahsia ini kepada sahabatnya kecuali setelah mengambil sumpah, bai'ah.

#### 5. الربط (Ar-Rabt, Ikat)

Apabila orang yang berkenaan telah diikat lidahnya, ertinya tidak akan membocorkan rahsia yang akan dibukanya, maka biasanya akan diadakan satu upacara mengangkat sumpah dengan kaedah-kaedah tertentu dan pada waktu tertentu seperti duduk di atas hamparan putih, memasang kemenyan dan minum air tertentu.

#### 6. التدليس (At-Tadlis, Tipu)

Sesudah mengangkat sumpah melalui istiadat tertentu, penyebar tidak akan membuka rahsia sekali gus. Tetapi dia akan terus menimbulkan keghairahan terhadap ilmu itu dengan kata-katanya. Umpamanya dia akan menyatakan simpatinya terhadap nasib orang ramai yang tertipu dan sesia kerana mengamalkan ibadah yang zahir semata-mata dan tidak memperolehi isi atau hakikat sesuatu. Beliau akan terus menyakinkan pengikutnya bahawa ilmu-ilmu ini adalah ilmu para nabi, wali dan golongan yang khusus. Mengikutnya orang umum sukar hendak menerima ilmu itu kerana akal mereka cetek, lantas mereka akan menuduh bahawa ajaran ini salah. Setelah itu barulah diberitahu akan rahsia-rahsia yang ditunggu-tunggu.

#### 7. التلبس (At-Talbis, Kesamaran)

Di peringkat ini, penyebar akan sentiasa menyampaikan sesuatu yang berat dan kabur bagi pemikiran awam secara sengaja agar mereka sentiasa berharapkan penjelasan bagi ilmu itu daripadanya.

## ٨. السُّلْخُ وَ الْخُلُعُ (As-Salkh & Al-Khal'u, Menyeleweng & Membuang)

Di peringkat ini, penyebar akan mula menyelewengkan i'tiqad orang berkenaan dengan meyakinkan akan kebagusian i'tiqadnya. Beliau juga mula membuang segala taklif (bebanan) dan kewajiban seperti kewajipan solat atau puasa, sehingga akhirnya orang berkenaan akan terjerumus dalam kekufturan.

Di bawah ini adalah suntingan satu lagi teknik penyebaran ajaran sesat yang ditulis oleh Ust. Hj. Mohd Amin Saleh<sup>55</sup>:


### Langkah Pertama: Pandai Membuat Ramalan

Penyebar ajaran sesat mestilah pandai membaca dan memahami serta tahu pendirian orang yang hendak diperdaya atau dipikatnya itu. Penyebar itu mestilah pandai memilih dan melahirkan apa-apa yang zahir dari syariat itu ada batinnya, pandai menggunakan berbagai takwilan batin menurut kesesuaian dengan jiwa dan pendirian orang yang dipikatnya itu. Sekiranya orang yang dipikatnya itu adalah dari kalangan orang yang warak dan kuat beribadat, maka penyebar ini berpura-pura lebih warak, sebaliknya jika orang yang dipikatnya itu dari jenis manusia pemabuk dan kaki maksiat, maka penyebar itu pun berbuat sebagai orang yang ahli dalam perkara demikian di samping mencemuh pula orang-orang warak dan kuat beribadat:-

### Langkah Kedua: Menjadikan Dirinya Sebagai Musafir

Penyebar sesuatu ajaran cuba mendekati dan mendampingi mangsanya, iaitu dengan menjadikan dirinya sebagai seorang musafir dan ingin bermalam "berlandang" ke rumah orang yang bakal mengikut ajarannya. Di samping itu diadakan majlis syarahan kecil bertujuan menunjukkan apa-apa keistimewaan yang padanya dengan tujuan memikat jiran tetangga di sekitar rumah tempat penyebar ajaran itu

<sup>55</sup> Tulisan ini dipetik dari kertas kerja bertajuk *Ciri-ciri Kesesatan Dalam Sesuatu Amalan/Ajaran* yang dibentangkan dalam program Kursus Kefahaman Islam anjuran PERDAUIS pada 10 - 11 November 1985 di Masjid Al-Muttaqin. Penulis pada ketika itu menjawat jawatan Ketua Penolong Pengarah (Unit Dakwah Khas), Institut Dakwah dan Latihan Islam Malaysia (INDAH), Pusat Islam dan Setiausaha Agong Persatuan Ullama' Malaysia.



tumpang semalam. Dalam pertemuan itu dia mengambil kesempatan untuk memperkenalkan ilmu yang ada padanya dan mengatakan orang lain hanya tahu kulit dan zahirnya sahaja, manakala dia tahu akan hakikat, isi dan batinnya sesuatu itu.

#### Langkah Ketiga: Cuba Menimbulkan Keraguan

Ia cuba menimbulkan keraguan kepada orang yang dipengaruhinya itu, umpamanya kalau selama ini seseorang itu mengerjakan sembahyang lantas ditimbulkan pertanyaan apa hikmat dan tujuannya sembahyang itu dan juga pada perkara yang lain dalam taklif syarak itu seperti puasa, zakat dan haji. Dan apakah rahsia huruf dalam Al-Quran itu, apa rahsia rukun Islam itu lima, jari kita lima, dan sembahyang itu pula lima waktu dan apa pula rahsianya nama hari ada tujuh, langit tujuh lapis, bumi tujuh lapis dan sebagainya. Dan rahsia-rahsia seumpama ini tidak diketahui melainkan orang-orang yang mengetahui ilmu hakikat, makrifat dan ilmu isi sahajalah yang dapat menyelami rahsia-rahsia itu.

#### Langkah Keempat: Cuba Memujuk

Apabila tujuan penyebar ajaran sesat berhasil menimbulkan keraguan ke dalam fikiran kepada bakal pengikutnya dan orang itu bermintat untuk mendapat rahsia-rahsia seperti yang tersebut pada langkah ketiga di atas. Penyebar itu berpura-pura "jual mahal" iaitu ditinggalkannya orang itu dalam keraguan yang ingin tahu rahsia itu dan mendesak ingin tahu. Penyebar itu akan memujuk dengan kata-kata umpamanya "sabarlah, jangan gopoh, rahsia bukannya mudah dibongkar dan itulah erti rahsia". Sekiranya orang yang hendak tahu itu menampakkan minatnya ingin tahu ilmu rahsia, penyebar itu seolah-olah menunjukkan kuat benar rahsianya, kerana ini adalah merupakan rahsia para wali dan nabi serta guru-guru tertentu sahaja. Rahsia ini tidak boleh dibukakan kepada orang awam. Walau bagaimanapun sekiranya ingin tahu juga ia hendaklah bersumpah, rahsia ini tidak akan dibocorkan kepada orang lain.

#### Langkah Kelima: Sumpah Menyimpan Rahsia

Apabila orang itu telah bersumpah dengan tidak akan bocorkan rahsia itu selama-lamanya, maka diadakan upacara mengangkat sumpah

yang khusus, umpamanya dipilih waktu jauh malam, duduk di atas kain putih, memasang kemenyan, minum air tertentu, pengeras dan wang hadiah, wang tebusan dan lain-lain barang yang diperlukan oleh guru itu.

#### Langkah Keenam: Keistimewaan Ilmu Hakikat Dan Ilmu Isi

Sesudah mengangkat sumpah penyebar atau guru ajaran sesat itu tidak juga membuka rahsia-rahsianya dengan sekali gus, malah bercerita tentang betapa ruginya orang yang hanya tahu Syariah Zahir sahaja, zahir Syariat hanya kulit sahaja manakala hakikat itu adalah isinya. Bagi mereka yang tidak faham dengan ilmu isi dan hakikat ini mereka mengatakan sesat, tetapi sebenarnya mereka lah yang sesat kerana tidak mengerti betapa dalamnya ilmu ini iaitu ilmu rahsia para wali dan nabi. Seterusnya ilmu rahsia itu diperturunkan satu persatu dan diikat janji lagi supaya tidak membocorkan rahsia itu.

#### Langkah Ketujuh: Ruginya Orang Yang Tidak Tahu Ilmu Hakikat Dan Ilmu Isi


Biasanya penyebar ajaran sesat akan menjelaskan kepada pengikutnya mengenai perbezaan pendapat dalam menentukan ajaran ilmu hakikat dan ilmu isi ini adalah benar, manakala orang yang menolak ajaran mereka hendaklah dianggap orang itu berada dalam keadaan meraba-raba.

#### Langkah Kelapan: Melucutkan Taklif Syarak

Membuang segala taklif Syarak iaitu sampai pada peringkat melucutkan tanggungjawab terhadap Allah s.w.t. dalam perkara ibadat seperti tidak wajib sembahyang, puasa, zakat, haji, boleh bersekedudukan dengan perempuan yang ajnabi, tidak salah melakukan dosa dan sebagainya.

#### Langkah Kesembilan: Penyelewengan Aqidah

Menyelewengkan itiqad, iaitu melucutkan itiqad secara sedar atau tidak disedari akan sampai pada peringkat pengakuan sebagai nabi dan rasul, Imam Mahdi, Isa dan mendakwa wahyu masih turun hingga sekarang kepada guru ajaran ini, jaminan masuk syurga dan sebagainya.



## Cara-Cara Menggugurkan Taklif/Kewajipan Syarak

Setelah penyebar ajaran sesat ini berjaya mempengaruhi dan meragukan mangsanya lantas penyebar itu membawa hadits dan ayat-ayat Al-Quran yang diselewengkan tafsirannya. Konsep yang ditekankan ialah "tiap-tiap yang zahir ada batinnya dan tiap-tiap yang diturunkan ada takwilnya". Pengikut ajarannya itu akan diberitahu, "Ambillah isi, bongkarkanlah rahsia, jangan jadi seperti orang biasa yang hanya berpandu dengan kulit tanpa isi, padahal hadits-hadits dan ayat-ayat Al-Quran semuanya mengandungi simbol dan erti, demikian juga dengan sembahyang, puasa, zakat, haji dan sekalian amalan zahir syarak yang lain ada mengandungi erti yang batin".

### 1. Cara Menggugurkan Ibadat Sembahyang Dan Zakat

Apabila orang yang tertipu itu benar-benar ingin tahu tentang apa yang patut diketahuinya, penyebar ajaran sesat menyebut firman Allah s.w.t

**وَأَقِمُوا الصَّلَاةَ وَأُتْرُوا الزَّكُوَةَ**

"Dirikanlah sembahyang dan keluarkanlah zakat."

Zakat wajib dikeluarkan sekali setahun, jadi sesiapa mengerjakan sembahyang sekali sahaja dalam masa satu tahun, maka sesungguhnya sudah mengerjakan sembahyang tanpa perlu diulangi lagi. Dan menurutnya sembahyang, puasa, zakat dan haji masing-masing ada dua jenis iaitu:-

#### sembahyang

- ◆ Sembahyang zahir
- ◆ Sembahyang batin

#### zakat

- ◆ zakat zahir
- ◆ zakat batin

#### puasa

- ◆ puasa zahir
- ◆ puasa batin

haji

- ◆ haji zahir
- ◆ haji batin

"Tuban tidak menjadikan sesuatu yang zahir itu melainkan ada batinnya"

Seperti mana telur ada zahir dan ada batinnya, yang zahir kulitnya di mana semua orang dapat lihat, manakala yang batin itu isinya, semua orang tidak nampak melainkan orang yang tertentu sahaja yang mengetahui kandungan isi telur itu. Perhatikan ayat Allah yang berbunyi:

**وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَأَمُّوا الزَّكُوَةَ**

Iaitu mengenai perkataan sembahyang dan zakat iaitu:-

(الزَّكُوَةَ) (الصلوة) ada tujuh huruf, (الصلوة) ada tujuh huruf juga.

Ini adalah erti batin atau dalil (الصلوة) dan (الصلوة) itu tidak lain melainkan daripada Muhammad dan Ali kerana jumlah huruf kedua-dua nama itu ada tujuh, jadi maknanya ialah sesiapa yang melantik Muhammad dan Ali maka sesungguhnya ia sudah mendirikan sembahyang dan mengeluarkan zakat.

Orang yang tertipu itu sudah tentu amat senang dan tidak perlu bersusah payah sepanjang masa mengerjakan sembahyang dan mengeluarkan zakat.

Apabila orang yang tertipu itu menerima takwilan dari gurunya, seseorang itu dikenakan bayaran wang mengikut yang ditetapkan sebagai "pengeras". Setelah bayaran diterima, kononnya guru itu akan melafazkan kepada guru/imam yang tertinggi dengan kata-kata "Ya! Tuan, si fulan ini (sebut nama orang itu) telah kenal akan sembahyang maka gugurkanlah belenggu taklif sembahyang daripadanya dan inilah wang tebusannya." Setelah naik saksi bahawa si fulan sudah tidak wajib sembahyang lagi dibacakannya ayat

**وَيَصْبَحُ عَنْهُمْ إِضْرَارُهُمْ وَالْأَغْلَلُ الَّذِي كَانَ عَلَيْهِمْ**

... Dan membuangkan keberatan dan belenggu yang ada pada mereka..."

(Al-A'raf: 157)

Selepas itu sekalian pengikut lain mengucap tahniah dan "alhamdulillah" kerana sudah digugurkan belenggu daripada orang itu, lalu dibacakan ayat Al-Quran:

وَوَضَعْنَا عَنْكَ وَزْرَكَ الَّذِي أَنْقَضَ ظَهْرَكَ

"Dan kami buangkan beban engkau yang memberati belakang engkau."  
(As-Syairb : 2-3)

## 2. Cara Mengharuskan Arak dan Judi

Apabila seseorang itu telah mengetahui erti batin sembahyang bererti dia telah mencapai tingkat pertama dan seterusnya diharap akan sampai pada tingkat kedua dan yang lebih tinggi. Orang itu kemudian dikenalkan pada erti arak dan judi. "Allah banya mengharamkan arak dan judi ini kepada Abu Bakar dan Umar, kerana mereka enggan melantik Saidina Ali sebagai Khalifah. Arak itu sendiri bukanlah haram kerana asalnya daripada buah anggur dan gandum tumbuh di bumi." Menurut guru itu, tiap-tiap benda yang tumbuh di bumi tidak haram berdasarkan Firman Allah:

فُلْ مَنْ حَرَمَ زِينَةَ اللَّهِ الَّتِي أَخْرَجَ لِعِبَادِهِ وَالظَّبِيبَتِ مِنَ الرِّزْقِ

"Katakanlah siapa yang melarang memakai perhiasan Allah yang dikeluarkan untuk bambanya dan rezeki yang lazat rasanya..." (Al-A'raf : 32)

Kemudian dibacakan lagi Firman Allah s.w.t :

لَيْسَ عَلَى النَّذِيرِ إِمْرَأٌ وَعَمِلَوْا أَصْلِحَاتٍ جُنَاحٌ فِيمَا طَعَمُوا

"Tidaklab berdosa orang yang beriman dan beramal soleh kerana meminum minuman keras..." (Al-Maidah : 93)

(Perhatian: ayat ini tidak dilengkapkan dan tafsiran ayat mengikut pandangan mereka).

## 3. Cara Menggugurkan Kewajipan Puasa

Pada mereka puasa itu bererti rabsia, dengan dalil ayat:

فَمَنْ شَهِدَ مِنْكُمُ الشَّهْرَ فَلِيَصُمِّمْ

"...Barang siapa diantara kamu yang berada di bulan Ramadhan, maka

bendaklab ia berpuasa." (Al-Baqarah : 185)

Ertinya sembunyikan ajaran, imam dan guru ajaran ini di waktu mereka melenyapkan diri, lalu dibacakan ayat ini:

إِنِّي نَذَرْتُ لِرَحْمَنٍ صَوْمًا فَلَنْ أَكُلَّمُ الْيَوْمَ إِنْسِيَّا

"... Sesungguhnya saya telah bernazar kepada Tuhan akan berpuasa dan tidak bercakap dengan manusia pada hari ini." (Maryam : 26)

Menurut penyebar ajaran itu, jika puasa itu ertinya berlapar tentulah ayat itu akan berbunyi "Maka saya tidak makan sesuatu pada hari ini, kata mereka."

Apabila mendengar penjelasan begitu, orang yang terpengaruh dengan ajaran guru itu bertambahlah kufur dan secukuk dengan hawa nafsu mereka yang tidak mahu bersusah-payah, sembahyang, zakat dan puasa di bulan Ramadhan.

Apabila orang terpengaruh tadi senang menerima pengertian puasa menurut mereka lalu diminta wang "pengeras" bagi syarat menggugurkan sesuatu kewajipan itu. Istiadat dilakukan di hadapan para pengikut yang lain dan berkatalah guru itu kepada imam besarnya, "Babawa si fulan ini telah mengetabui erti puasa yang sebenar dan berilah kebebasan kepadanya untuk makan minum di bulan Ramadhan". Guru tertinggi itu akan bertanya, "Adakah si fulan itu boleh dipercayai dan sanggup menyimpan rabsia". Apabila dijawab ya, maka guru tertinggi itu pun melucutkan daripadanya belenggu puasa.

#### 4. Cara menggugurkan Kewajipan Bersuci dan Mandi Junub

Guru menjelaskan erti bersuci طهارة . Taharah طهارة itu bererti suci hati, manakala orang mukmin itu dengan sendirinya najis yang tidak boleh disucikan dengan air atau lainnya. Air mani bukannya najis, kerana para nabi, wali, orang-orang yang taat kepada Allah dan sekalian manusia adalah semuanya terjadi daripada air mani. Jikalau keluar air mani pada hal air mani itu tidak najis, maka berak dan kencing itu lebih aula الاولى mandi kerana keduanya adalah najis.

Ada pun erti ayat

وَإِن كُنْتُمْ جُنُبًا فَأَطْهِرُوهُ أَوْ إِن كُنْتُمْ

"Apabila kamu berjunub bendaklah mandi..." (Al-Maaidah : 6)

Mereka mengertikan ayat ini kepada - "Sekiranya tidak tahu ilmu batin maka hendaklah kamu pelajari, ketahuilah bahawa ilmu batin itu menghidupkan jiwa sebagaimana ia menghidupkan badan". Lalu baca ayat

وَجَعَلْنَا مِنَ الْمَاءِ كُلَّ شَيْءٍ حَيًّا أَفَلَا يُؤْمِنُونَ

"...kami jadikan tiap sesuatu bidup itu daripada air..." (Al-Anbiya' : 30)

فَيَسْتُرُ إِلَيْنَاهُ مِمَّ هُنَّا قَاتِلُونَ حُكْمَ بَنِي مَلَوَّ دَافِقٍ

"Hendaklah manusia itu memikirkan daripada apa ia dijadikan, asal kejadiannya ialah daripada air yang terpancar." (Ath-Thariq : 5 - 6)

Allah menamakan mani itu dengan air bererti ianya bersih. Orang yang terpengaruh dengan ajaran sesat ini akan mengeluarkan wang pengeras lagi dan dilakukan istiadat menggugurkan kewajipan seperti yang lain.

## 5. Cara mengharuskan maksiat - melakukan maksiat diibaratkan Syurga dunia

Pada peringkat ini penyebar ajaran sesat itu biasanya menjelaskan tentang ayat:

فَلَا تَعْلَمُ نَفْسٌ مَا أَخْفَى لَهُمْ مِنْ قُرْبَةٍ أَعْيُنٍ

"Sesungguhnya itu tidak mengetahui apa yang disediakan Allah baginya dalam Syurga diantara bermacam-macam kesukaan..." (As-Sajdah : 17)

Tunjukkanlah apa yang di antara kesukaan itu dan siapa yang mendapatnya, lantas dibacakan ayat:

لَقَدْ كُتِّبَ فِي عَقْلِكُمْ مِنْ هَذَا فَكَشْفَنَا عَنْكَ غُطَاءَكَ فِي صَرْكِ الْيَوْمِ حَدِيدٌ

"Sesungguhnya engkau di dalam kelalaian masa dabulu dari hal ini sekarang kami bukakan tutup daripada engkau, maka pemandangan engkau amat tajam pada hari ini." (Qaaf : 22)

Selepas itu penyebar ajaran sesat ini akan bertanya kepada pengikutnya samada mahu atau tidak menikmati Syurga di dunia ini. Syurga dunia memang ada dan dibacakanaya ayat

وَإِنَّ لَهُ لِكُفْرٍ وَالْأُولَئِكَ

"Sesungguhnya akhirat itu terlebih baik, baik bagi engkau dari dunia." (Al-Lail : 43)

Dan dibacakan lagi ayat

قُلْ مَنْ حَرَمَ زِينَةَ اللَّهِ الَّتِي أَخْرَجَ لِعِبَادِهِ وَالظِّينَاتِ مِنَ الرِّزْقِ قُلْ هُنَّ لِلَّذِينَ إِمَّا مَنُوا  
فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا حَالَصَةٌ يَوْمَ الْقِيَمَةِ

"Katakanlah siapakah yang melarang memakai perbiasaan Allah yang di keluarkannya untuk bambaNya dan rezeki yang enak rasanya, katakanlah segala yang tersebut itu untuk orang yang beriman di atas dunia ini dan untuk mereka sabaja pada Hari Kiamat." (Al-A'raf : 32)

Huraian bagi "perhiasan" menurut guru itu, ialah benda yang tidak dilihat oleh mata orang ramai iaitu rahsia perempuan yang hanya diketahui oleh orang yang tertentu sahaja. Seperti mana Firman Allah Taala":

وَلَا يَدِينَ زَيْنَتْهُنَّ إِلَّا لِيُعَوِّلْهُنَّ

"Dan janganlah mereka memperlibatkan perbiasaan mereka kecuali suaminya..." (An-Nur : 34)

Perhiasan, tertutup/tidak terbuka. Dan dibacakan lagi ayat:

وَحُورُ عِينٍ كَامِشِلَ الْقُلُوبُ الْمَكْنُونُ

"Dekat mereka itu bidadari parasnya laksana mutiara yang terpelibara." (Al-Waqiah : 22-23)

Oleh itu sesiapa yang tidak merasa Syurga di dunia tidak akan merasa Syurga di akhirat, kerana Syurga itu hanya diuntukkan kepada **أُولُو الْأَلْبَابِ** dan orang-orang yang cerdik dan berakal sahaja, bukannya untuk orang-orang bodoh. Orang cerdik dan sahaja yang tahu akan rahsia lazat benda yang tertutup **أُولُو الْأَلْبَابِ** dan Syurga **جَنَّة** itu dinamakan **جَنَّة**. Ertinya, tertutup dari mata manusia. Jadi, erti Syurga di sini ialah perkara yang tertutup daripada mata orang ramai yang bodoh, yang tidak tahu akan ilmu batin.



Dengan cara tersebut, orang yang terperangkap dengan kesesatan ini semakin terpengaruh dan ingin tahu dan merasakan apakah yang dikatakan Syurga dunia itu. Penyebar ajaran itu lalu meminta "wang pengeras" bagi menunjukkan jalan untuk sampai ke Syurga dunia yang dimaksudkan itu.

Seterusnya diadakan upacara seperti yang dilakukan sebelumnya, iaitu guru akan mengatakan, "*Hambamu si fulan ini baik perangai dan elok tingkah lakunya. Dia ingin supaya tuan masukkan ke dalam Syurga dan kahwinikan dia dengan bidadari,*" lalu Mahagurunya bertanya, "Adakah orang ini boleh dipercayai atau tidak?" Apabila jawabannya, "Orang ini boleh dipercayai dan ia juga orang yang penyabar", lalu guru itu berkata lagi, "*Bahawa perkara bendak masuk Syurga ini memerlukan kesabaran yang luar biasa, yang hanya boleh dilakukan oleh nabi-nabi yang mursal dan Ulul-Azmi sabaja kerana mereka itu mempunyai kesabaran yang luar biasa, iman mereka kuat, taban diuji.*"

Jika si fulan juga bersifat demikian maka Mahaguru itu perintahkan tali barut (wakilnya) tadi supaya membenarkan kesetiduran dengan isteri orang yang dipengaruhinya itu dan segala keslesaan nikmat itu semuanya kembali berterima kasih banyak kepada guru itu tadi. Demikianlah upacara itu dilakukan antara seorang dengan seorang yang lain dan meminta kebenaran untuk melakukan perkara yang sama, masing-masing mengeluarkan "wang pengeras/penebus".

Berikut itu, biasanya satu majlis sulit diadakan secara besar-besaran. Di dalam majlis itu laki-laki dan perempuan bersama-sama makan, minum dan bersuka ria hingga mabuk. Bila dipadamkan lampu/pelita mereka melakukan apa sahaja yang diingini oleh nafsu syaitan tanpa membezakan antara isteri sendiri, isteri orang atau gadis yang lainnya. Dan mereka berterima kasih di atas nikmat yang besar, semuanya kerana "jasa" dan "hasil" dari ajaran guru yang telah melepaskan mereka daripada segala beban dan belenggu. Lalu dibacakan ayat:

**وَوَصَّلْنَا عَنْكَ وَزِرَّكَ الَّذِي أَنْقَضَ ظَهِيرَكَ**

*"Dan kami membuang beban engkau yang memberati belakang engkau."*

(As-Syarh : 2-3)

Dan Syurga dunia yang dirasakan itu hanya tertentu bagi orang yang sabar, Ulul-Azmi, Ulul-Albab, dan orang yang tahu ilmu batin. Dan tidaklah Syurga itu diperuntukkan kepada orang-orang yang tahu ilmu kulit dan jahil tentang ilmu hakikat. Kemudian dibacakan pula ayat:

وَمَا يُلْقَنَّهَا إِلَّا الَّذِينَ صَدَرُوا وَمَا يُلْقَنَّهَا إِلَّا ذُرْحَظٌ عَظِيمٌ

*"Tetapi tiadalah yang mahu membuat ini selain daripada orang-orang yang sabar dan tiadalah yang mahu memperbuat ini melainkan orang-orang yang mempunyai keuntungan yang besar." (Fussilat : 35)*

Demikianlah keadaan perlakuan amalan sesat dan kufur yang berlaku kepada orang-orang yang terpengaruh dengan konsep ini.

*"Tiap-tiap yang zahir ada batinya, dan tiap-tiap yang turun itu ada takwilnya."*

# TIGA BENTUK AJARAN SESAT

Kewujudan ajaran sesat di Singapura berlaku dalam tiga bentuk, iaitu;

1. Kumpulan yang mengajar ajaran yang menyeleweng.

Ini bermaksud sesuatu ajaran itu bukan setakat wujud dan diajarkan, tetapi ia juga bergerak dalam sebuah kumpulan yang tersusun.

2. Ajaran sesat yang hanya wujud sebagai satu ajaran.

Ini bermaksud ajaran sesat berkenaan ada, tetapi tidak diketahui bahawa ia dipegang oleh kumpulan tertentu secara tersusun. Ia hanya diajar oleh individu dalam kelas-kelas yang kecil tetapi tidak terbentuk sebagai satu organisasi atau ajaran berkenaan wujud dalam pelbagai kumpulan ajaran sesat.

3. Ajaran sesat yang wujud dalam buku-buku.

Ini bermaksud ajaran berkenaan ditulis dan terkandung dalam buku tertentu yang dijumpai dan diajarkan dalam kelas pengajian tetapi tidak didokong oleh mana-mana kumpulan. Ia boleh dibaca oleh sesiapa sahaja.

# KUMPULAN AJARAN YANG MENYELEWENG

## AJARAN TASLIM

### Pengenalan

Ajaran Taslim muncul pada awal kurun ke dua puluh, sekitar tahun 1940an. Ia pernah berpusat di sebuah tempat yang dikenali sebagai Kampung Seronok di Bayan Lepas, Pulau Pinang.

Ajaran ini diasaskan oleh seorang yang dikenali sebagai Haji Muhammad Matahari yang berasal dari Sumatra Tengah. Beliau telah meninggal dunia dan kemudian diganti oleh anaknya Syed Ali sebagai khalifahnya. Syed Ali kemudian diganti pula oleh saudaranya, Syed Bidin. Ajaran ini dinamakan dengan Ajaran Taslim berdasarkan pada firman Allah s.w.t

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلِّوْنَ عَلَى النَّبِيِّ يَسَّاَرِيَةِ الَّذِينَ آمَنُوا صَلَوَاتٍ عَلَيْهِ  
وَسَلَامٌ وَأَسْلِيمًا

*"Babawa Allah dan malaikat-malaikatnya berselawat ke atas Nabi (Muhammad). Wabai orang-orang yang beriman berselawatlah kamu ke atas beliau dan berserablab dengan penyerahan yang nyata." (Al-Abzab : 56)*

Mengikut kepercayaan mereka yang berpedoman atau berpegang pada ajaran ini, maksud penyerahan yang nyata yang disebut di dalam ayat di atas ialah setiap orang wajib menyerah diri, anak, isteri serta hartanya kepada Rasulullah s.a.w atau pengantinya yang ada di Kampung Seronok, Bayan Lepas dengan satu bentuk penyerahan yang tertentu. Jika ini tidak dilakukan maka belum sempurna Islam orang itu.

Ajaran ini juga dikenali sebagai ajaran Haji Muhammad Matahari. Terdapat beberapa pendapat mengenai sebab Haji Muhammad Matahari dikenali sedemikian<sup>1</sup>.

<sup>1</sup> Lihat Hj. Abdullah Hj. Abd. Wahab, *Tentangan Dan Cabaran Kepada Islam Di Sepanjang Zaman*, Pustakan Aman Press, 1985, Selangor, ms 32 - 40.

- ◆ Pendapat pertama menyatakan suatu masa dahulu Haji Muhammad Matahari sangat rapat dengan orang-orang besar Inggeris di Pulau Pinang. Mereka selalu berbincang mengenai perkara-perkara agama Islam dan Kristian serta beberapa perbahasan yang berkaitan dengannya. Sehingga satu hari mereka membahaskan mengenai ilmu falak dan masing-masing bertahan dengan pendapat mereka sehingga dianjurkan satu pertandingan bagi menentukan siapakah di antara kedua yang tepat pendapatnya. Pertandingan dianjurkan di Bukit Payong yang terletak tidak jauh dari Kampung Seronok dengan disaksikan oleh ramai di antara ke dua belah pihak.

Pertandingan itu bertujuan bagi menentukan pendapat Haji Muhammad bahawa matahari akan tenggelam sepuluh minit lebih awal. Dalam pertandingan itu Haji Muhammad Matahari telah mendapat kemenangan kerana pendapatnya yang tepat. Pertandingan kedua dianjurkan pula dan sekali lagi Haji Muhammad Matahari menang. Apabila ditanya bagaimana beliau dapat meneka dengan tepat waktu tenggelam matahari, beliau berkata bahawa matahari sebenarnya berada di tangannya. Apabila ia disuruh turun maka ia akan turun, apabila disuruh naik ia akan naik dan apabila disuruh berhenti pula ia akan berhenti. Maka beliau pun dikenali dengan nama sedemikian.

- ◆ Pendapat kedua pula menyatakan Haji Muhammad Matahari mempunyai ilmu atau lebih dianggap sebagai 'mukjizat' di kalangan pengikutnya. Apabila Haji Muhammad Matahari naik ke Bukit Payong, dia boleh menunjukkan kepada pengikut-pengikutnya atau kepada orang ramai dengan melemparkan seketul benang ke arah matahari. Apabila punca benang itu digoyangkan, akan terlihat matahari juga bergoyang. Beliau lalu mendakwa bahawa matahari berada dalam kuasanya.
- ◆ Pendapat ketiga pula ialah ilmu yang diajarkan kepada pengikut-pengikutnya mengenai dua kalimah yang terdapat dalam Al-Quran iaitu *kalimah tayyibah* كَلِمَةٌ طَيِّبَةٌ dan *kalimah khabithah* كَلِمَةٌ حَبِيثَةٌ. Menurut ajaran beliau, kedua kalimah itu mengandungi rahsia-rahsia yang tidak boleh diterangkan makna kalimahnya dan rahsianya hanya boleh diberikan kepada orang

yang difikirnya boleh menerima keterangan itu seterang matahati. Oleh kerana beliau selalu menyebut perkataan dan ajaran itu, beliau lalu dikenali sebagai Muhammad Matahari.

Walau bagaimana pun, bagaimana punca nama Muhammad Matahari timbul bukan sesuatu yang begitu penting. Ia dinyatakan hanya sebagai maklumat. Yang penting ialah untuk mengetahui dan menilai ajaran-ajaran beliau.

### **Sumber Rujukan Utama Ajaran Taslim**

Terdapat beberapa buku yang ditulis oleh pengasas dan guru-guru Ajaran Taslim. Namun yang terpenting ialah *Hakikat Insan* karangan Haji Ahmad Laksamana, Kota Bahru Kelantan yang dicetak pada tahun 1985. Rujuk pada bahagian khusus dalam menerangkan mengenai buku ini.

### **Ajaran-ajaran Utama Taslim<sup>2</sup>**

#### **1. Mengenal Allah**

Ajaran ini mengajar bahawa barang siapa yang mengenali dirinya, akan kenal akan Tuhan. Mereka beriktikad bahawa Tuhan ada di dalam diri tiap-tiap orang dan duduk diam berumahtangga di dalam tubuh seseorang manusia (la ilaha ~ istana Tuhan) (illallah ~ ruh Tuhan). Badan adalah rumah dan nyawa itu tuan rumah. Sembahyang lima waktu itu tidak perlu dibuat kerana Allah itu bersatu dengan badan manusia.

#### **2. Rasul Dan Khalifahnya**

Mereka beritiqad bahawa nabi Allah itu khalifah Tuhan dan nabi-Nya. Maka apabila Nabi Allah Adam wafat, batallah khalifah dan hukumnya, dengan itu dibangkitkan pula gantinya. Apabila wafat pengganti itu batallah pula khalifahnya, dan nabi seterusnya

---

<sup>2</sup> Lihat Hj. Abdullah Hj. Abd. Wahab, *Tentangan Dan Cabaran Kepada Islam Di Sepanjang Zaman*, ms 32 - 40.



dibangkitkan sebagai gantinya sehingga sampai kepada Imam Mahdi yang dinanti-nantikan itu. Sekarang setelah Nabi kita Muhammad s.a.w. wafat, pasti ada pula yang menggantikannya.

Dijisnilah puak Taslim mengiktikadkan bahawa pengganti Nabi Muhammad s.a.w. ialah Haji Muhammad Matahari manakala setelah beliau meninggal, digantikan pula oleh anaknya, Syed Ali dan seterusnya setelah Syed Ali meninggal, digantikan oleh saudara kandungnya Syed Bidin. Maka kepada Syed Bidinlah, puak ini menyerahkan diri, harta, dan anak isteri mereka.

Hadits Mi'raj Rasulullah s.a.w ke langit dan hadits fardu sembahyang lima waktu itu dianggap oleh mereka sebagai bohong dan dusta yang hanya dikarang oleh ulama-ulama sahaja bagi mengelirukan orang-orang bodoh. Dengan itu puak Taslim ini tidak mahu lagi mengerjakan sembahyang lima waktu sehari semalam. Ajaran Taslim juga mengajar bahawa para nabi dan rasul boleh datang untuk mengajar orang-orang tertentu<sup>3</sup>.

### 3. Menyerah Diri

Tiap-tiap seorang hendaklah menyerahkan dirinya, anaknya dan harta bendanya kepada rasul atan pengantinya yang ada di Bayan Lepas, Pulau Pinang. Penyerahan ini perlu dilakukan dengan nyata melalui suatu upacara di mana mereka pergi berhadapan dengan rasul atau pengantinya. Jika tidak melakukan upacara tersebut, maka tidaklah sah Islam seseorang itu. Perkara ini kononnya bersandar kepada ayat:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَأْتِيهَا الْأَرْبَعَةُ أَمْثَوْا صَلَوةً عَلَيْهِ  
وَسَلَّمُوا تَسْلِيمًا

yang mengikut tafsiran mereka bermaksud:

"Allah dan malaikat-malaikatnya memuji atas Nabi, bai orang yang beriman puji olehmunya atasnya dan serahkan sebagai serab yang amat nyata."

<sup>3</sup> Prof. Madya Abdul Fatah Haron Ibrahim, *Kebatinan Ajaran Taslim*, Majlis Agama Islam Singapura, 1989, ms 25.

#### 4. Dua Kalimah Syahadah

Orang yang mengucap dua kalimah syahadah hendaklah bersaksi, jika tidak adalah menjadi suatu kesalahan. Tiap-tiap orang yang hendak mengucap dua kalimah syahadah di hadapan rasul atau gantinya di Bayan Lepas itu.

#### 5. Agama Islam

Puak Taslim ini mengikti kad firman Tuhan:

*إِنَّ الْدِيْنَ كُلُّهُ لِإِسْلَامٍ*

*"Agama disisi Tuhan itu ialah agama Islam."*

Mereka berpendapat mustahil untuk mengambil agama Islam itu daripada Tuhan jika seseorang itu tidak kenal akan Tuhan lebih dahulu atau pun melalui orang yang paling hampir kepada Tuhan. Menurut mereka, orang yang hampir kepada Tuhan ialah rasul-Nya. Oleh kerana inilah tiap-tiap orang mesti berjumpa dengan rasul di Bayan Lepas, Pulau Pinang untuk mengambil agama Islam itu.

#### 6. Al-Quran dikarang orang

Puak ini beriktikad bahawa Al-Quran yang ada hari ini bukanlah Al-Quran yang sebenar; Al-Quran yang sebenar itu ada di dalam diri rasul yang ada di Pulau Pinang. Oleh itu mereka berani menyatakan bahawa kertas Al-Quran itu boleh dibuat pembungkus, hingga boleh dibuat kesat najis sekali pun.

#### 7. Asal Nyawa Dan Jasad

Mereka mengatakan bahawa Nabi Muhammad s.a.w bersabda:

*"Aku bapa segala nyawa dan Adam bapa segala jasad. Asal nyawa Saidina Adam daripada nyawa Saidina Muhammad dan asal jasad Saidina Muhammad daripada jasad Saidina Adam."* Asal kedua-duanya itu ialah satu, maka dengan ini mereka beriktikad daripada diri tiap-tiap seseorang manusia itu Adam dan Muhammad yang demikian mereka berniat tatkala mereka berkata,



mereka mengertikan dengan demikian:

أَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً رَسُولَ اللَّهِ

"Aku bersaksi aku Muhammad Rasulullah"

Guru agama Taslim itu telah berpesan bahawa perkara ini terlalu amat sulit dan tidak boleh diceritakan kepada orang lain.

### 8. Perkara Mati

Puak ini beriktikad bahawa mati itu ada dua macam;

- ◆ Mati ma'navi bererti seseorang mesti mati sebelum dikehendaki, iaitu dengan menyerah diri kepada rasul yang ada di Bayan Lepas itu.
- ◆ Mati hakiki iaitu bercerainya nyawa Nabi Muhammad s.a.w. dengan jasad Saidina Adam. Mengikut keterangan seorang daripada puak ini, tiap-tiap seorang yang mati itu dapat diketahui samada dia mati secara Islam atau pun tidak, dengan melihat tanda-tanda yang boleh diketahui oleh orang-orang yang benar-benar Islam sahaja. Ini adalah satu ilham yang tidak boleh diceritakan kepada orang lain. Menurut mereka, orang mati dalam kemalangan seperti dilanggar motokar atau jatuh, menunjukkan dia adalah dari golongan orang yang berdosa dan menzalimi orang lain. Yang dimaksudkan ialah orang itu bukan daripada puak mereka.

### 7. Perkara Langit

Puak ini berkata bahawa Al-Quran itu turun dari langit maka langit itu ialah kepala, pintu langit itu ialah mulut dan dialah juga Jibril, Mikail ialah mata, Izrail ialah jalan telinga dan Israfil ialah hidung.

### 8. Perkara Jumaat

Jumaat itu maknanya bertemu. Oleh kerana hari Jumaat itu hari bertemunya Nabi Adam dengan Siti Hawa, maksudnya ialah pada hari itu keduanya mengadakan hubungan jenis iaitu pada waktu zuhur

berjimak, pada waktu asar sedang kuat berjimak, waktu maghrib sedang pingsan, waktu isha' barulah sedar dan waktu subuh barulah bercerai iaitu selesai.

### 9. Upacara Dan Ijazah

- ◆ Upacara mengambil ijazah bagi murid-murid disyaratkan hendaklah membawa kain putih yang panjangnya lima hasta kepada tuan guru atau khalifah mereka.
- ◆ Guru atau khalifah itu akan mendirikan sembahyang sunat di atas kain putih itu. Kemudian murid itu pula melakukan sembahyang di atas kain putih tadi dengan menghadap gurunya dan membaca lafadz sembahyang:

**أَصْلَى سَنَةً دُخُولِ الْطَّرِيقَةِ وَالْوَرْدُ لِلَّهِ تَعَالَى**

Ertinya: Sahaja aku sembahyang masuk tarikat dan wirid kerana Allah S.w.t.

- ◆ Apabila telah selesai murid itu sembahyang, guru itu akan mengajar di atas kain putih itu dengan memegang Al-Quran. Guru itu akan bersumpah dan mclarang ilmu itu dikhabarkan kepada orang lain walaupun sama-sama murid sendiri. Jika dikhabarkan maka murid itu akan dilaknat oleh Al-Quran itu.
- ◆ Apabila telah bersumpah barulah guru itu mengajar kepadanya lafadz **لَا إِلَّا هُوَ** tiga kali. Jikalau lebih dari tiga kali, menurutnya, nescaya murtad. Maknanya lafadz itu ialah "tidak aku melainkan dia (Tuban)".
- ◆ Guru itu memberi fatwa adapun kalimah **لَا إِلَّا هُوَ** hendaklah sentiasa diingat di dalam hati sahaja. Apabila selalu ingat kalimah itu di dalam hati maka tidaklah wajib bagi seseorang itu sembahyang, puasa, zakat dan lain-lain ibadat wajib. Bahkan sembahyang itu dibuat sembahyang semata kerana adat sahaja.
- ◆ Kemudian guru dan khalifah itu pun memberi minum kepada murid air syurbat yang mengandungi campuran syurbat, gula



dan suatu bahan yang dirahsiakan oleh guru itu. Di antara kandungan bahan itu ialah air hati anjing hitam dan sedikit darah jari manis yang kononnya khasiatnya ialah untuk menghilangkan perasaan cemburu kepada wanita sehingga tidak terjejas walaupun isteri sendiri melakukan zina di hadapannya. Guru itu mengatakan bahawa anjing hitam itu adalah halal kerana ialah anjing yang masuk ke dalam syurga seperti yang tersebut di dalam surah Al-Kahfi.

- ◆ Kain putih tadi diambil oleh guru atau khalifah.
- ◆ Manakala di ambang sakatul maut nanti akan datang sesuatu rupa putih yang seperti kapas di busar gemerlapan Cahaya yang tidak dapat dicakapkan. Menurutnya, itulah dia Tuhan.
- ◆ Beramal dengan لَا إِلَهَ مُوْلَىٰ seberapa boleh atau seberapa banyak supaya tidak perlu menunaikan ibadat-ibadat seperti sembahyang. Cukup atau memadailah dengan mengingatkan kalimah itu di dalam hati: لَا إِلَهَ مُوْلَىٰ tidak aku melainkan dia (Tuhan).
- ◆ Syarat berzikir itu hendaklah bersama-sama laki-laki dan perempuan. Pada ketika itu tidaklah mengapa melakukan perbuatan yang keji seperti zina dan jika mendapat anak hasil daripada persetubuhan itu, maka anak itu dikatakan anak salih, kerana dia buah perhubungan jenis dalam masa berzikir.

## 10: Jampi Sejati

Apabila selesai upacara dan ajaran-ajaran yang diajarkan kepada murid, maka diajar pula "jampi sejati". Tujuannya ialah supaya dapat menolak segala sihir dan mara bahaya. Jampi itu berbunyi;

"Sejati nama tubuhku. Hidup tidak mati. Siapa rupa safi, siapa hakikatnya. Ya Allab, ya Rasulullab. Tempatnya di ubun-ubun, sebutannya bu, waktunya zat, Baitul Maqdis perbimpunan nabi, Baitul Ma'amur jalan Rasulullab naik syurga, Baitul Maqdis, di pangkal rambut, Baitul Ma'amur di bujung rambut, mulianya kawan sejati sempurna,aku lenyap, tidak badan tidak nyawa, aku Allab, aku zat Rasulullab, aku tabirullab wajibal ujud."

### 11. Erti Wali

Wali mengikut pengertian mereka ialah sahabat Tuhan bukan setakat kekasih Tuhan. Kadang-kadang, dia boleh sama pangkat dengan Tuhan, serta mempunyai kuasa yang sama dengan Tuhan. Dengan sebab itulah, puak Taslim beriktiad bahawa Haji Muhd Matahari itu berkuasa. Apa yang hendak dibuatnya semua boleh belaka, dan dia mempunyai pengetahuan mengenai perkara-perkara ghaib yang akan datang dan tahu akan perkara yang ada pada seseorang. Segala kuasa itu seolah-olah adalah kuasanya sendiri.

### 12. Menunaikan Haji di Bukit Payung

Mereka percaya bahawa untuk menunaikan ibadat haji tak payah pergi ke Makkah lagi, kerana memadai dengan pergi ke Bukit Payung di Bayan Lepas. Apabila sampai 10 Zulhijjah mereka pun mengadakan temasya di Kampung Seronok. Ini masih diperaktikkan hingga ke hari ini.

### 13. Rasulullah hanya seorang sahaja

Terdapat seorang Rasulullah sahaja dari dahulu hingga sampai kepada Nabi Muhammad s.a.w. Banginda seorang sahaja yang bernama rasul dan rasul yang sebenar. Yang lain-lain cuma nabi sahaja dan bukan rasul. Puak Taslim berdalil yang kononnya ucapan kalimah syahadah di zaman Nabi Adam ialah "*La ilaha illallab, Adam Khalifah Allah*". Hingga pada zaman Nabi Noh pula ialah "*La ilaha illallab, Nob babtera Allah*". Pada zaman Nabi Ibrahim kalimahnya ialah "*La ilaha illallab, Ibrahim Wali Allah*" hingga kepada Nabi Musa.

Pada zaman Nabi Musa pula ialah "*La ilaha illallab, Musa Kalimah Allah*" hingga kepada Nabi Isa. Pada zaman Nabi Isa pula ialah "*La ilaha illallab, Isa Rob Allah*" hinggalah kepada Nabi Muhammad s.a.w. Maka pada zaman Nabi Muhammad s.a.w., barulah disebutkan "*La ilaha illallab, Muhammad Rasulullah*" hingga kepada Imam Mahdi. Menurut mereka, hanya Nabi Muhammad sahaja yang memakai kalimah "*rasul*" yang tidak didapati pada nabi-nabi yang lain. Dari itu nyatalah bahawa Nabi Muhammad sahajalah "*rasul*".



Diantara ayat Al-Quran yang menjadi pegangan mereka itu ialah:

**فَسْأَلُوا أَهْلَ الْكِتَابِ إِن كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ**

Menurut tafsiran mereka ia bererti:

"Tanyalah oleh kamu akan ahli zikir kalau kamu tidak mengetahui".

Maka maksud dengan "abli zikir" itu ialah *Ablul Bait* iaitu keluarga Rasulullah s.a.w. Oleh kerana mereka percaya bahawa pada masa sekarang ini keturunan Rasulullah ialah mereka yang tinggal di Bayan Lepas, Kampung Seronok, maka mereka perlu pergi ke sana untuk perkara-perkara agama.

Padahal Tuak Taslim ini berdalil dengan beberapa ayat-ayat Al-Quran mengikut tafsiran mereka sendiri iaitu, mesti memberi sedekah kepada rasul atau gantinya, dan tidak boleh sama sekali derhaka kepada rasul dan gantinya. Orang yang mereka anggap pengganti rasul-sekarang ini berada di Bayan Lepas.

Inilah sebahagian i'tiqad pengikut-pengikut Taslim yang tidak banyak berubah dari dahulu hingga sekarang melainkan beberapa cabangnya sahaja. Mereka juga berpendapat bahawa ada ayat-ayat Al-Quran yang mempunyai rahsia yang sukar sekali diketahui dan dipelajari, melainkan oleh orang-orang daripada golongan mereka.

### **Ulasan Ringkas**

1. Ajaran Taslim ini nyatahalah tidak berdasarkan Al-Quran dan hadits Rasul s.a.w yang sahih sekali pun ada kalanya mereka mendatangkan ayat-ayat Al-Quran sebagai sandaran bagi kebenaran ajaran mereka. Sebenarnya ajaran itu semata-mata mengabui mata pengikutnya berdasarkan fikiran, fahaman, dan tafsiran Haji Muhammad Matahari mengikut yang sesuai dengan kehendak dan kemahuannya.
2. Pengajaran ini timbul daripada salah amal yang menganggap cara ratib atau amalan tarikat-tarikat yang melampau itu sebagai jalan yang benar menuju keredhaan Allah dan mencapai darjah yang tinggi, sehingga dengannya menimbulkan angan-angan

dan berbagai-bagai rekaan yang karut yang keluar daripada dasar agama Islam yang sebenar.

3. Puak Taslim ini telah terkeluar dari golongan Islam atau mereka bukan lagi beragama Islam. Ajaran mereka banyak memutar belitkan dalil-dalil dari Al-Quran. Mereka telah menyalahi aqidah rukun iman yang sebenar, iaitu dengan mempercayai Tuhan berumahtangga dalam tubuh seorang manusia, (*Lailaba*) istana tuhan dan (*illallah*) roh Tuhan. Seterusnya mereka mengingkari kewajipan sembahyang lima waktu kerana kononnya tidak boleh dilakukan kerana Allah bersatu dengan badan kita, dan menganggap fardhu sembahyang itu rekaan ulama' bukan perintah Tuhan. Dengan itu jelaslah mereka telah mengingkari kitab suci Al-Quran yang menjadi rukun iman mempercayainya.
4. Mereka tidak percaya kepada Al-Quran dan menganggapnya bukan Al-Quran yang sebenarnya. Pada mereka, Al-Quran yang sebenar berada di dalam diri rasul mereka yang ada di Bayan Lepas, Pulau Pinang, sesuatu yang terang-terang menyalahi rukun iman.
5. Upacara menjadi seorang Taslim itu adalah rekaan semata-mata yang bererti itu ialah satu cara agama baru, bukan agama Islam yang disampaikan oleh junjungan besar Muhamad s.a.w. Lebih-lebih lagi dengan mengucap kalimah baru, mengaku diri menjadi "*Lailaba illa hu*" (tidak aku melainkan dia - tuhan), telah cukup mengeluarkan puak ini dari golongan Islam kerana mereka mempunyai syahadah yang lain dan telah mengaku diri sebagai Tuhan, mengingkari fardhu-fardhu ibadat yang jelas kebenarannya dan Al-Quran serta hadits Nabi yang sahih.

Seajar dengan apa yang dinyatakan di atas, Prof. Madya Abdul Fatah Haron Ibrahim menulis:

"Seperti yang telah diterangkan, Ajaran Taslim menyelewengkain sembahyang lima waktu kepada "*Al-Hamdu*" tiada ibadat, *abid* (yang menyembah) dan *ma'bud* (yang disembah) kemudian menonjolkan zikir. Manakala tilawah Al-Quran dan *nawafil* (amalan sunat) jauh sekali. Sikap yang sama kelihatan



- pada setengah tarikat tasawuf - yang ditonjolkan ialah zikirnya dan wiridnya manakala sembahyang fardu, nawafil dan tilawah Al-Quran tiada ditekankan.<sup>41</sup>
6. Ajaran Taslim lebih mencerminkan ajaran mysticism dan bukan Islam. Ajarannya mirip ajaran "*transcendental mysticism*" yang menyatakan bahawa kononnya dengan meditasi boleh menenangkan jiwa dari kelam kabut, ketegangan hidup dan kebendaan moden sekarang.
- Hakikatnya, meditasi tidak mungkin dapat menandingi solat dan tilawah Al-Quran. Meditasi hanya dilakukan sekali-sekala dan bila diperlukan oleh orang-orang tertentu, tetapi solat dalam Islam umum kepada semua Muslimin tidak kira kecil, besar, tua atau muda. Solat didahului dengan wudhu' dan di antara hikmah berwuduk ialah dengan membasuhkan air ke wajah muka dan anggota-anggota tertentu boleh menenangkan fikiran dan mengendurkan ketegangan. Orang Islam wajib melakukan ini setiap kali sebelum bersolat walaupun dalam keadaan sibuk sekali pun. Oleh itu, di manakah letaknya meditasi bila dibandingkan dengan solat dalam Islam<sup>52</sup>?
7. Ajaran Taslim sebenarnya berteraskan fahaman Martabat Tujuh yang mengemukakan konsep "*bulul*" dan "*tajalli*". Sila rujuk bahagian perbahasan mengenai buku *Hakikat Insan* dan perbahasan mengenai Fahaman Martabat Tujuh.

Firman Allah s.w.t:

وَأَقِمِ الصَّلَاةَ إِنَّ الظَّلَمَةَ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ  
 وَلَاذْكُرْ اللَّهَ أَكْبَرْ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ

"Dengan dirikanlah solat untuk mengingati Aku. Sesungguhnya solat itu mencegah keburukan dan kemungkaran dan sesungguhnya zikrullah itu lebih besar dan Allah mengetahui apa yang kamu lakukan." (Al-Ankabut : 45)

<sup>41</sup> Prof. Madya Abdul Fatah Haron Ibrahim, *Kebatilan Ajaran Taslim*, ms 27.

<sup>52</sup> Ibid.

Para mufassir telah mentafsirkan erti zikrullah dalam ayat ini sebagai "solat" bukan zikir biasa.

8. Ajaran Taslim boleh dianggap sebagai antara induk bagi pelbagai ajaran sesat yang dikesan di Singapura. Dalam laporan-laporan yang diterima berkaitan dengan pelbagai ajaran sesat, didapati bahawa mereka mempunyai kaitan dengan Ajaran Taslim. Yang berbeza hanyalah pada nama. Antara ajaran-ajaran berkenaan ialah ajaran Tarikatul Islam, Hakikat Sembahyang, Martabat Tujuh, Mengenal Diri dan Ilmu Makrifat. Ini mungkin dilakukan secara sengaja dengan tujuan mengaburkan masyarakat khususnya setelah pendedahan akan kebatilan Ajaran Taslim.
9. Ajaran Taslim juga boleh dianggap sebagai jambatan bagi penerapan unsur-unsur ajaran batiniyah dan wahdatul wujud di Singapura. Ajaran batiniyah dan wahdatul wujud telah lama wujud dalam dunia Islam. Jambatan utama perkembangannya, pada kebiasaannya, ialah melalui tarekat-tarekat yang menyeleweng, kitab-kitab tasawuf seperti "*Ad-Dur An-Nafis*" dan "*Kamarul Huda*", dan tokoh-tokoh seperti Hamzah Fansuri.

Ajaran-ajaran ini telah ditentang pada masa dahulu lagi. Data-data menunjukkan bahawa kemunculan Ajaran Taslim di awal-awal abad ke 20 memainkan peranan menghidupkan dan menyebarkan semula ajaran-ajaran ini.

10. Antara Ajaran Taslim yang berdasarkan kitab Hakikat Insan ialah sebagaimana yang terdapat dalam bahagian lampiran.

## TARIKAT ANNUAR ASADULLAH

Tarikat Anwar Asadullah dipelopori oleh seorang yang bernama Syed Muhammad Harith b. Busu, seorang rakyat Singapura yang beralamat di Marsiling. Beliau dipercayai telah merakamkan ajarannya mengenai tasawuf dan tarekat dalam tiga buah kitab:

- ◆ *Mutiara At-Tasawuf* (1) atas nama Al-Harith As-Sufi, cetakan Kerjaya

Printing Industries Pte. Ltd, tahun 1986 (ISBN 9971-84-438-9)

- ◆ *Mutuara At-Tasawuf* (2) atas nama Al-Harith As-Sufi, cetakan Kerjaya Printing Industries Pte. Ltd, tahun 1987 (ISBN 981-00-0061-8)
- ◆ *Tasawwuf Al-Haq* atas nama Sheikh Annuar (Assadullah), cetakan Koon Wah Printing Pte. Ltd, tahun 1981, tiada nombor ISBN.

Syed Muhammad Harith pernah ditangkap oleh pegawai-pegawai dari Jabatan Agama Johor yang diketuai oleh Tuan Kadi Daerah Johor Bahru Ustaz Ali b. Ahmad dengan bantuan polis<sup>6</sup>. Beliau lalu didakwa di Mahkamah Syariah Daerah Johor dan dibicarakan pada 3 April 1984. Beliau telah didakwa dengan lima tuduhan:

1. Di bawah seksyen 166, didapati bertujuan hendak mengajar sesuatu perkara yang berkaitan dengan agama Islam tanpa kebenaran bertulis daripada Majlis Agama Islam di masa dan tempat tersebut.
2. Di bawah seksyen 167, didapati telah mencuba menghuraikan sesuatu ajaran yang bertentangan dengan hukum syarak.
3. Di bawah seksyen 168 telah didapati memberi fatwa dengan secara tulisan mengenai agama Islam selain dari fatwa yang diberi oleh Majlis Agama Islam Johor atau Mufti.
4. Di bawah seksyen 169, telah didapati ada di dalam simpanannya sesuatu buku yang bermaksud memberi pengajaran yang mengandungi perkataan yang bertentangan dengan hukum syarak.
5. Di bawah seksyen 173, telah didapati dengan secara tulisan yang nyata membawa kepada mencerca Agama Islam dalam buku karangan bernama Tasauf Al-Hak yang bertulis:

*"Allah s.w.t. sebaik-baik kejadian. Allah s.w.t. maharaja segala rob, kenyataan Allah adalah sama dengan diri anda (Nafs)".*

<sup>6</sup> Lihat Hj Abdullah Hj Abdul Wahab, *Tentangan Dan Cabaran Kepada Islam Di Sepanjang Zaman*, ms 191.

Beliau telah mengaku salah di atas semua tuduhan yang dihadapkan kepadanya. Setelah disabitkan dan dipertimbangkan rayuaninya, hakim mahkamah iaitu Ustaz Ja'far bin Dayat telah menjatuhkan hukuman penjara selama 18 bulan dan denda sebanyak \$3,000.00 atau 9 bulan penjara tambahan di atas kelima-lima tuduhan yang telah disabitkan itu mengikut enekmin pentadbiran Agama Islam Johor, bilangan 14/1978, seperti berikut:

- ◆ Di bawah seksyen 166 penjara 3 bulan dan didenda \$500.00 atau penjara 45 hari.
- ◆ Di bawah seksyen 167 penjara 3 bulan dan didenda \$500.00 atau penjara 45 hari.
- ◆ Di bawah seksyen 168 penjara 3 bulan dan didenda \$500.00 atau penjara 45 hari.
- ◆ Di bawah seksyen 168 penjara 3 bulan dan didenda \$500.00 atau penjara 45 hari.
- ◆ Di bawah seksyen 169 penjara 3 bulan dan didenda \$500.00 atau penjara 45 hari.
- ◆ Di bawah seksyen 173 penjara 6 bulan dan didenda \$1,000.00 atau penjara 90 hari.

Manakala kelima-lima pengikutnya termasuk seorang rakyat Singapura yang dituduh bersubahat dengan Sheikh Muhammad Harith bin Busu telah mengaku salah di atas kesemua tuduhan yang dihadapkan kepada mereka.

Hakim telah menjatuhkan hukuman 6 bulan penjara dan \$1,500.00 denda atau 3 bulan penjara tambahan ke atas kelima-lima pengikutnya.

### **Ajaran Tarikat Annuar Asadullah**

Di antara ajaran Tarikat Annuar Asadullah menyentuh aqidah iman, sepertimana yang terdapat di dalam bukunya.



1. Hakikat setiap huruf ialah alif, hakikat alif ialah titik, hakikat titik ialah dakwat, hakikat dakwat ialah asap, hakikat asap ialah bijian, hakikat bijian ialah anasir dan hakikat anasir ialah Nurullah.

Kegelapan ialah cahaya zat. Di dalam kegelapan ialah air penghidupan. Jika anda perhatikan pada dakwat, huruf akan hilang dan jika anda perhatikan huruf-huruf, dakwat akan hilang.

2. Hakikat Allah s.w.t adalah sama dengan hakikat diri anda iaitu Nafs.

3. Bahawa Allah s.w.t bersifat Hayat maka binasakanlah sifat hidup anda dalam sifat yang hidup dan tidak akan mati selamanya. Apabila sudah berhasil atau sudah menjadi darah daging maka anda akan kekal baqa bersama-sama sifat Allah yang berkuasa di tujuh petala langit dan bumi, maka selamatlah anda dunia dan akhirat.

4. Sebab itulah orang-orang sufi yang hak memfana'kan dirinya untuk bersatu dan berada bersama Allah.

5. Apabila orang yang mencari Allah s.w.t. itu telah bertemu dengan Allah s.w.t maka dia pun tenggelam dalam kefana'an yakni tenggelamlah dia di dalam Allah s.w.t.

6. Adapun tanda-tanda seseorang memperolehi kasyaf di dalam kefana'an ada tiga:

- ◆ Dia fana' dari dirinya kerana nampak tuhan.
- ◆ Dia fana' dari sifat-sifat tuhan kerana nampak rahsia ketuhanan.
- ◆ Dia fana' dari segala yang bersangkutan sifat-sifatnya kerana tahkiknya zat Allah.

7. Terdapat juga dalam bukunya rangkap sajak mengenai dirinya:

- Harith Anwar jangan dicari lagi.  
Fana sudah dalam diri.
- Baqa dirinya bersama ilahi.  
Minum khamar sakar tidak terperi.

8. Mengenai firman Allah s.w.t

**فَنَّكَانَ يَرْجُوُنَا لِقَاءَ رَبِّهِ فَلَيَعْمَلْ عَمَلاً صَالِحًا وَلَا يُشْرِكُ بِعِبَادَةَ رَبِّهِ أَحَدًا**

"Dan barangsiapa berharap untuk bertemu tuhannya maka hendaklah ia beramal dengan amal soleh dan janganlah mensyirik dengan ibadah pada tuhannya sesuatu pun." (Al-Kafir : 410)

Ayat ini yang menjadi pegangan kaum sufi. Untuk mencapai tujuan itu, tokoh-tokoh sufi menempuh bermacam-macam tarikat yang dapat membawa mereka pada akhirnya bersatu dengan Allah "Hulu".

9. Demikianlah halnya seorang apabila sudah mencapai hakikat, sampailah dia kepada tujuan yang dikehendaki iaitu makrifat. Dalilnya ialah ayat:

**وَحَقِيقَةُ لُوْصُولِهِ إِلَى الْمَقْصِدِ وَمَسَاهِدُ نُورِ التَّحْلِيٰ يَأْنِ جَلَّا**

"Adapun bakikat iaitu Wushul (sampai) kepada tujuan yakni (Makrifat) mengenal ke hadrat Allah dengan batinya dan musyabadah iaitu melihat batinya akan nur Tajalli dengan jelasnya."

10. Permulaan kejadian yang ada ini di dalam kaitan wujud ialah Allah, dan Allah-lah semua kejadian atau sekalian perkara datang dari Allah dan kepadanya segala dikembalikan (dari Allah ia datang dan kepada Allah ia kembali). Allah itulah sumber segala kejadian.

### Ulasan

1. Tema utama ajaran beliau ialah menyeru manusia agar berusaha untuk mengenali Allah s.w.t melalui amalan yang mendekatkan diri padaNya dan kehidupan secara sufi mengikut kefahamannya sehingga mampu untuk fana' bersama Allah s.w.t. Dalam menerangkan konsep fana' jelas menunjukkan bahawa penulisan-penulisannya boleh membawa kepada penerimaan konsep Hulul dan Wahdatul Wujud. Konsep ini jelas bercanggah dengan aqidah Islam.
2. Penulisan beliau yang bersifat abstrak dan penggunaan ayat



serta perkataan yang membolehkan pelbagai pentafsiran adalah sesuatu yang perlu ditolak dan berbahaya kerana ia mengelirukan masyarakat umum.

Ini kerana dalam persoalan aqidah, sesuatu isu perlu dibahaskan secara jelas dan terang tanpa boleh wujud kesamaran kerana aqidah perlu ditegakkan atas keyakinan yang pasti tanpa ragu. Kesamaran dalam membahaskan isu aqidah dengan penggunaan gaya yang bersifat abstrak adalah bercanggah dengan prinsip ini.

Allah s.w.t berfirman:

وَإِنَّ الظُّنُنَ لَا يُفْتَنُ مِنَ الْحَقِّ شَيْئًا

"Sesungguhnya keraguan itu tidak memberi faedah pada kebenaran sesuatu pun." (An-Najm : 28)

Selain dari itu Hj. Abdullah Hj Abdul Wahab mengulas ajaran ini dengan menulis<sup>7</sup>

◆ Kepercayaan dan ajaran yang disarankan di dalam bukunya nyata dan terang telah sesat menyeleweng daripada ajaran Islam yang sebenar di mana ia menyatakan bahawa tarikat yang sebenar tidak bertentangan dengan syariat iaitu Al-Quran dan hadits Rasul, yang sah, tetapi terdapat beberapa ajarannya menyentuh aqidah iman telah bertentangan dengan Al-Quran dan hadits di mana ia telah membawa kepada syirik menggugat keesaan dan keagongan Allah. Manakala aqidah iman telah runtuh apa pun amalan sekali pun betul ia tidak lagi diterima dan tidak bernilai bagi Allah. Di antara ajarannya yang meruntuhkan iman itu ialah dengan menyatakan bahawa alam ini ialah badan, rohnya ialah Allah. Allah s.w.t. menguasai segala roh kerana Allah s.w.t. Maharaja roh. Demikian lagi menyatakan bahawa Nur Allah itu ialah hakikat anasir, dan kenyataan Allah sama dengan kenyataan diri anda "nafs."

<sup>7</sup> Hj. Abdullah Hj. Abdul Wahab, *Tentangan Dan Cabaran kepada Islam Sepanjang Zaman*, ms 193 - 196.

- ◆ Menurut dakwaannya, orang-orang sufi yang hak memfana'kan diri mereka untuk bersatu dan berada bersama Allah dan mendapat kasyaf di dalam kefana'an itu, fana' dirinya kerana nampaknya tuhan fana' dan sifat-sifat tuhan kerana nampak rahsia ketuhanan dan akhirnya fana' dengan segala yang bersangkut dengan sifat tuhan kerana tahkiknya zat Allah. Walau bagaimanapun takwil kata-kata yang nyata terang menggugat keesaan Allah, bersatu bersama Allah, nampak tuhan dan tahkik zatnya sama ada dirasa dengan rasa dzauq atau dengan pancaindera. Rasa dzauq itu tidak ada neraca yang menentukannya oleh itu amat mudah dirasuk dan diilhamkan oleh iblis yang menyesatkan. Pengajaran Al-Quran dan hadits yang sah tidak ada menunjukkan seperti tersebut, bahkan sebenarnya ia adalah pengajaran agama Kristian Majusi Parsi dan falsafah Greek diseludup dengan disandarkan kepada Islam dengan tafsiran-tafsiran luar biasa.
  
- ◆ Terdapat dalam bukunya menerangkan dirinya bahawa beliau telah fana' bersama-sama Allah dan meminum khamar sakar tidak terperi. Dakwaan seperti itu siapa pun boleh membuatnya tetapi yang sebenarnya adalah repekan bisikan iblis yang dirasa bagi mengabui orang, lebih-lebih lagi pengikutnya. Beliau menegaskan bahawa tokoh-tokoh sufi menempuh berbagai-bagai tarikat yang mana pada akhirnya sampai kepada tujuan "bulul" penjelmaan Allah kepada manusia sedang pengajaran "bulul" itu bukan ajaran Al-Quran dan hadits yang sah. Ia adalah kepercayaan Kristian, Majusi dan Buddha. Jika terdapat orang-orang sufi yang menyata teori tersebut, itulah yang dikatakan pelampau sufi sedang sufi yang sebenarnya samasekali tidak membuat ajaran, kepercayaan serta amalan ibadat yang bertentangan dengan Al-Quran dan hadits yang sah.
  
- ◆ Terdapat juga di dalam bukunya menyatakan bahawa Allah itulah sumber segala kejadian yang bererti segala kejadian ini adalah dari unsur Allah bukan dicipta oleh Allah sedang aqidah iman ialah segala kejadian ini dicipta oleh Allah. Allah bukan sumber tercetusnya segala kejadian. Fahaman-fahaman dan kepercayaan tersebut menggugat keesaan Allah dan menyatukan Allah dengan makhluk kejadian - inilah syirik menyengutukan Allah.



## Tarikat Mufarridiah (Ajaran Sheikh Makmun)<sup>8</sup>

### Pengenalan

Nama tarikat ini Tarikat Mufarridiah dikatakan diambil dari perkataan di dalam sebuah hadits Rasulullah yang berbunyi:

سَبَقَ الْمُفْرِدُونَ

yang diertikan oleh Sheikh Makmun sebagai:

*"Terkehadapan lab (menang di dalam perlumbaan) orang yang menyebut 'Allab-Allah' banyak-banyak."<sup>9</sup>*

Bukti-bukti yang ada menunjukkan bahawa nama Tarikat Mufarridiah ini adalah ciptaan pengasasnya sendiri iaitu Sheikh Makmun. Dengan demikian, tarikat ini juga dikenali dengan panggilan "Tarikat Makmun". Sebelum ini tidak ada satupun tarikat tasawuf bernama demikian.

### Kelahiran Tarikat Ini

Tarikat Mufarridiah ini mula lahir pada kira-kira tahun 1375H bersamaan 1955/56CE di Tanjung Pura, Langkat, Sumatra iaitu sekembalinya Sheikh Haji Makmun bin Yahya dari Mekah ke kampungnya itu. Pada mulanya beliau membuka pengajian ilmu agama yang dimasukkan ilmu-ilmu yang ganjil di dalamnya seperti ilmu mendapatkan kebal dan sebagainya. Ini menjadikan orang ramai kagum dan ingin mempelajari ilmu-ilmu itu.

Apabila didapati sambutan dari orang ramai memuaskan, beliau terus menjadikan kawasan rumahnya sebagai 'rubat' bagi memperkembangkan pengajaran dan tarikatnya itu. (*Rubat : رباط* : ialah

<sup>8</sup> Bahagian ini diambil dari tulisan Abdullah Fahim Hj. Abdul Rahman yang diterbitkan oleh MASA: *Jurnal Pusat Penyelidikan Islam Malaysia*, bil. 1, thn. 1 terbitan Pusat Penyelidikan Islam Malaysia, Jabatan Perdana Menteri (Bahagian Agama), 1978.

<sup>9</sup> Surat Siaran yang bertajuk "*Sabaqal Mufarridun*" yang diterbitkan oleh Haji Ahmad bin Haji Ali di Singapura, pada 22hb Februari 1974.

suatu istilah bagi kawasan yang menjadi tempat tinggal kaum Sufi). Dari masa inilah tarikat Mufarridiah ini mu a dikembang dan berkembang.

### Siapakah Sheikh Makmun

Latar belakang Sheikh Makmun bin Yahya sepenuhnya tidak dapat diketahui. Namun dari sumber-sumber mulut (wawancara dengan orang perseorangan) dan buku, dapatlah dikesan sedikit sebanyak mengenai diri Sheikh Makmun ini.

Sheikh Makmun bin Yahya berasal dari Tanjung Pura, Langkat, Sumatra Utara.

Beliau lama menetap di Mekah. Namun selama di sana, beliau tidak banyak bergaul dengan alim ulama' dan orang-orang yang bermukim di sana, melainkan selalu tinggal di tempat kediamannya, di rumah seorang Sheikh. Beliau pulang ke Tanjung Pura pada kira-kira tahun 1955/56.

Tidak lama kemudian terdengarlah berita yang menarik perhatian ramai mengenai pembawaan dan ajaran Haji Makmun itu. Kerapkali apabila beliau hendak menjawab pertanyaan orang, terlebih dahulu beliau memegang dan menggantungkan tasbih, lalu ia bertanya kepada sesuatu yang tidak nampak di mata hadirin dengan panggilan 'maulana'. Setelah tasbih itu bergoyang-goyang, jawapan pun diberikannya<sup>10</sup>.

Acapkali dia menghukumkan kafir terhadap seseorang hanya dengan melakukan cara di atas. Seorang bekas pengikutnya menceritakan bahawa ia pernah melihat Sheikh Makmun memegang sebilah parang tajam lalu memotong tangannya. Kemudian beberapa orang pengikutnya berbuat demikian, tetapi tidak luka, iaitu seperti perbuatan orang yang bermain dabus yang menikan-nikam dirinya. Maka dari sehari-kesepuhari pengikut-pengikutnya makin ramai dan pengaruhnya makin meluas<sup>11</sup>.

<sup>10</sup> M. Arsjad Talib Lubis, *Imam Mabdi*, Firma Islamiah, Medan, 1967, hal 105.

<sup>11</sup> M. Arsjad Talib Lubis, *Imam Mabdi*, Firma Islamiah, Medan, 1967, hal 104-105.

## Kedatangan Tarikat Mufarridiah ke Malaysia

Tarikat Mufarridiah ini pada mulanya dibawa masuk dan disebarluaskan di Singapura pada akhir tahun 1960an. Kemudian disebarluaskan pula di Malaysia melalui Johor oleh pengikut-pengikut tarikat ini yang pulang atau masuk ke sini.

Di Singapura, tarikat ini dikembangkan di kalangan anggota tentera dan juga polis. Seorang guru agama Kanan Tentera Laut Diraja Malaysia di Woodlands, Hj Ahmad bin Hj Ali, telah menjadi pengajur dan wakil Sheikh Makmun untuk menyebarkan tarikat ini. Beliau telah meninggal dunia pada tahun 1975.

Penyebaran rancak tarikat ini di Malaysia ialah sekitar tahun 1969 hingga tahun 1974. Walaubagaimanapun, penyebarannya boleh dikatakan meluas hanya di kalangan anggota tentera dan polis dan kurang meluas di kalangan orang ramai.

Dalam jarak masa inilah, Sheikh Makmun telah beberapa kali datang melawat dan membuat pertunjukkan tarikatnya di sini. Antara negeri yang telah didatanginya ialah Johor, Pulau Pinang dan Selangor. Pada masa inilah Sheikh Makmun melantik wakil-wakilnya untuk menyebarkan tarikat di sini. Dan melalui mereka lah tarikat ini disebarluaskan kepada umum.

### **Ringkasan Ajaran-ajaran dan Amalan Tarikat Mufarridiah**

Tarikat Mufarridiah bukan sahaja mengandungi amalan-amalan malah juga mengandungi kepercayaan-kepercayaan tertentu. Secara umum, ajaran-ajaran di dalam tarikat ini mempunyai dua peringkat amalan iaitu peringkat permulaan atau peringkat rendah dan peringkat tinggi.

#### **Amalan**

Di dalam Tarikat Mufarridiah mengandungi amalan-amalan berikut;

1. Zikir "Allah-Allah"

Zikir ini dilakukan setiap kali selepas sembahyang Fardhu. Ia dimulai dengan membaca ayat ini;

فَإِذْكُرْنِي أَذْكُرْكُمْ

"Maka ingatlah daku, nescaya aku akan ingatkan kamu." (Al-Baqarah: 153)

Lalu terus menyebut "Allah-Allah" seberapa banyak. Bersama-sama dengan zikir "Allah-Allah" yang diamalkan selepas sembahyang, terdapat amalan-amalan dan bacaan-bacaan yang disusun seperti ini,

- ◆ Baca Fatihah dan hadiahkan kepada Rasulullah (1x)

فَإِذْكُرْنِي أَذْكُرْكُمْ

"Ingatlah Aku nescaya aku akan mengingatimu." (Al-Baqarah : 153)

- ◆ Sebut "Allah-Allah" (seberapa banyak)

- ◆ Baca Surah At-Taubah, ayat 128-129 (3x)

لَقَدْ جَاءَكُمْ رَسُولٌ مِّنْ أَنفُسِكُمْ عَزِيزٌ عَلَيْهِ مَا عَنْتُمْ  
حَرِيصٌ عَلَيْكُم بِالْمُؤْمِنِينَ حَرِيصٌ رَّحِيمٌ إِنَّمَا تَوَلَّ أَفْقَلَ  
هُنَّا كُوَّةٌ إِلَّا لِلَّهِ إِلَّا هُوَ عَلَيْهِ تَوَكِّلُونَ وَهُوَ رَبُّ الْعَرْشِ الْعَظِيمِ

- ◆ Baca (1x)

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلِّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَسِّرِيَّا لِلَّذِينَ آمَنُوا صَلَوةً عَلَيْهِ  
وَسَلَّمُوا نَسِيلِمًا

"Sesunggubnya Allah dan malaikatnya sentiasa berselawat ke atas Nabi. Wabai orang-orang yang beriman, berselawatlah ke atasnya....." (Al-Abzab : 56)

- ◆ Baca (1x) sambil menadah tangan kemudian tutup ke muka

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ ~  
~ تَقَبَّلَ اللَّهُ مِنَّا وَمِنْكُمْ

- ◆ Baca (3x)

رَبَّاهُمْ بِمَا أَنْزَلَتْ وَاتَّبَعُنَا الرَّسُولُ فَأَكْتَبْنَا مَعَ الشَّهِيدِينَ



Kemudian doa meminta ampunkan dosa, kekalkan di dalam mengamalkan Tarikat Mufarridiah, dan doa kepada dua ibubapa dan hajat-hajat lain<sup>12</sup>.

## 2. Memberi dan Menerima Ijazah Tarikat

Orang-orang yang ingin memasuki tarikat ini mestilah terlebih dahulu menerima ijazah daripada Sheikh Makmun atau khalifah-khalifah yang dilantiknya. Ini dilakukan dengan cara-cara tertentu.

Orang yang memohon menjadi khalifah tidak semuanya layak. Kadang-kadang pemilihannya dibuat secara 'nasib' sahaja. Contohnya, apabila orang-orang yang memohon menjadi khalifah berhimpun dikelilingi Sheikh Makmun, nama-nama mereka itu dibaca satu demi satu. Sheikh Makmun hanya mengisyaratkan dengan tangannya apabila disebut nama seseorang itu samada orang itu layak atau tidak. Dan ini mengikutnya berlaku dengan kudrat-iradat Allah.

Terdapat juga ijazah yang diberikan oleh Sheikh Makmun secara berjumpa dengannya. Dan ada juga ijazah yang dikeluarkan oleh wakilnya.

## Martabat-martabat di dalam Tarikat Mufarridiah

Dalam Tarikat Mufarridiah terdapat lima mertabat mengikut banyaknya zikir yang dilakukan oleh seseorang itu. Martabat-martabat itu ialah :-

1. Martabat Pertama  
Berzikir "Allab-Allab" 1,000 kali sehari semalam.
2. Martabat Kedua  
Berzikir "Allab-Allab" 5,000 kali sehari semalam.
3. Martabat Ketiga  
Berzikir "Allab-Allab" 10,000 kali sehari semalam.

<sup>12</sup> Surat Siaran Tarikat Mufarridiah yang bertajuk : Diamalkan selepas tiap-tiap sembahyang fardhu (tanpa tarikh).

4. Martabat Keempat  
Berzikir "Allah-Allah" 100,000 kali sehari semalam.
5. Martabat Kelima  
Berzikir "Allah-Allah" 1,000,000 kali sehari semalam.

Martabat kelima ini mempunyai beberapa keistimewaan, antaranya:

- ◆ Mencapai peringkat kasyaf dimana perkara-perkara ghairi (diluar pancaindera) akan diketahui, misalnya dapat melihat orang yang telah mati yang sedang diseksa di dalam kubur.
- ◆ Mencapai kekuatan rohani dan jasmani. Kekuatan jasmani ialah seperti dapat menundukkan orang-orang yang degil dan keras hati dan membuatkan mereka menyerah diri, juga dapat menahan peluru.
- ◆ Dalam jasmaninya (orang mertabat kelima) terdapat Allah, begitu juga dalam rohaninya. Dengan demikian rohnya akan diambil sendiri oleh Allah, tidak oleh Malaikat Izrail.

### **Wirid Ditukar Dengan Zikir**

Mengikut tarikat ini, selepas sembahyang, tiada apa-apa wirid sebagaimana yang tersebut di dalam hadits-hadits. Yang ada hanyalah zikir "Allah-Allah". Bila ditanya, jawabnya ialah "*Dulu memang ada wirid selepas sembahyang tetapi kemudiannya Allah telah memberitahu kepada saya di dalam mimpi bahawa wirid tiada lagi.*"

### **Kepercayaan**

Selain daripada ajaran dan amalan zikir "Allah-Allah", memberi dan menerima ijazah dan pencapaian martabat-martabat di dalam tarikat ini, terdapat pula beberapa kepercayaan yang bersendiri iaitu :

1. Alamat Zikir diterima atau tidak

Mengikut Sheikh Makmun apabila zikir seseorang itu diterima, akan terdapat alamat sebagai tanda penerimaan zikir itu.

Umpamanya cahaya akan nampak di tengkok seseorang yang sedang berzikir apabila Sheikh Makmun atau wakilnya menyebut perkataan (kalimah) ‘*An-Nur*’ beberapa kali. Tetapi dalam pertunjukan beliau di Kem 11 Melayu, Keluang Johor dalam tahun 1969, cahaya yang didakwanya itu tidak nampak di tengkok orang yang berzikir. Tanda-tanda lain ialah seperti rasa panas sejuk, lapang dada, gementar atau datang suara ghaib atau sebagainya<sup>13</sup>.

## 2. Karakaz dan Karanaz

Sheikh Makmun di dalam tarikatnya, mengemukakan nama dua ‘malaikat’ yang diciptanya sendiri. Nama-nama itu ialah Karakaz dan Karanaz. Karakaz, mengikutnya ialah malaikat Al-Muqarrabin yang mengikutnya, penghulu segala malaikat dan yang paling disayangi dan paling dekat kepada Allah. Karanaz pula ialah malaikat Al-Muqarranin. Darjatnya sama dengan Karakaz tetapi tugasnya berlainan sedikit. Segala doa kepada Allah mesti melaluiinya untuk cepat diterima oleh Allah.

## 3. Bertawassulkan Karanaz dan Sheikh Makmun

Mengikut Sheikh Makmun segala doa-doa istighfar kepada Allah mesti melalui malaikat yang bernama Karanaz. Dengan demikian barulah cepat diterima oleh Allah. Karanaz ialah *Malaikat Al-Muqarranin* mengikut istilah Sheikh Makmun. Orang yang dapat bersahabat dengan Karanaz ialah orang yang sudah mencapai martabat (peringkat) keempat atau kelima di dalam tarikatnya. Orang ini jisimnya Allah dan rohnya adalah roh Allah.

Orang yang mencapai martabat kelima (zikir sejuta kali sehari semalam) boleh membela roh si mati dari diseksa di dalam kubur. Sheikh Makmun mendakwa nampak bagaimana azab dikenakan ke atas si mati itu. Orang yang ingin mendapat pembelaan ke atas keluarganya yang telah mati boleh membayar kepada Sheikh Makmun sekurang-kurangnya 26,000 rupiah bagi tiga malam.

<sup>13</sup> Surat Siaran oleh Haji Ahmad bin Haji Ali kepada semua petugas-petugas dan ahli-ahli zikir (tanpa tarikh).

Bertawassul kepada Sheikh Makmun terdapat di dalam cara-cara mengubat orang sakit. Dukun yang dilantik oleh Sheikh Makmun dalam 'pengubatannya' mesti berkata begini;

*"Dengan berkat Sheikh Makmun dan Imam Mahdi, si sakit ini akan sembuh"*

Di dalam doa pula, Sheikh Makmun menyuruh pengikutnya supaya berkata begini;

*"Dengan kuasa Allah dan berkat Sheikh Makmun ..... sebagai ganj kepada ..... dan berkat Nabi Muhamad....", atau menyebut: "Ya Allah, Ya Tubanku berkat Maulana Sheikh Makmun."*<sup>14</sup>

#### 4. Menentukan Kubur 'Wali-wali'

Untuk menunjukkan "kedudukannya yang tinggi di sisi Allah" Sheikh Makmun menunjukkan tempat-tempat di kawasan kota Langat yang kononnya adalah kubur wali-wali, lalu dibina kawasan kubur dan membesarinya. Sedangkan kawasan itu sebelum ini belum pernah dikenali. Maka dituliskan nama dan tanggal wali itu meninggal pada batu nisannya menurut petunjuk-petunjuk Sheikh Makmun.

#### 5. Mengaku Sebagai Imam Mahdi

Salah satu dakwaan yang penting oleh Sheikh Makmun ialah beliau sebagai Imam Mahdi. Pada mulanya beliau mendakwa bahawa tarikatnya ini iaitu zikir Mufarridiah adalah zikir Imam Mahdi. Kemudian lahir satu surat Pekeliling yang dikeluarkan oleh pengikut-pengikut Tarikat ini yang berbunyi;

*"Kepada sekalian abli Tarikat Mufarridiyah,*

*Bersama-sama ini dimaklumkan bahawa saya diminta oleh Tuan Guru Haji Ahmad yang telah menerima surat daripada Paduka Yang Mulia Sheikh kita (Sheikh Makmun) bahawa sampailah masanya bagi abli-abli sekalian mangetabui bahawa pemimpin besar kita Maulana Sheikh Maknum adalah*

<sup>14</sup> Surat Siaran oleh Haji Ahmad bin Haji Ali kepada semua petugas-petugas dan ahli-ahli zikir (tanpa tarikh).

Imam Mahdi. Pada ahli-ahli yang telah mengunjungi beliau yang mulia semasa beliau berada di Kuala Lumpur akan mengerti dan fabam dengan cara melihat kebesaran yang telah diperlibatkan oleh Maulana Sheikh Makmun, dari kebesarannya yang tiada seorang pun dapat menunjukkannya (kebesaran dan kehebatan) sebagai alamat dan tanda adanya Tuhan yang Maha Besar<sup>15</sup>."

Surat Pekililing itu menyebut lagi,

"Mulai tanggal jatuhnya amat tentang segala rob-rob manusia, pengakuan rob-rob itu, bila disebut nama sesiapa yang telah ditentukan Tuban sebagai "Khalisah Mahdi" atau "jesus" atau "Bapa Persatuan segala umat manusia", maka jatuhnya amar itu pada hari Jumaat tanggal 1hb Januari 1974/17Hb Zulhijjah 1393.<sup>16</sup>"

Dalam surat pekililing yang sama Sheikh Makmun disebutkan sebagai Jesus bagi kaum Kristian dan bapa segala umat manusia bagi kaum lainnya termasuk yang tidak beragama<sup>17</sup>.

## 6. Cuba Menunjukkan Kebolehan-kebolehan Luar Biasa.

Sheikh Makmun dalam usaha menarik orang ramai dan menguatkan tarikatnya, telah sedaya upaya menunjukkan kebolehannya yang luar biasa. Antaranya ialah:

### ◆ Boleh Melekatkan Tangan

Dalam pertunjukan zikir dan tarikatnya, umpamanya di kem Askar Melayu, Keluang, Johor pada tahun 1969 terdapat empat/lima orang yang mencantumkan kedua belah tangannya semasa berzikir, tidak dapat melerikannya, kononnya kerana mereka kurang yakin dengan zikir Sheikh Makmun itu. Tetapi apabila seorang guru

<sup>15</sup> Siaran oleh Sheth Hj Hassan T.C.M Jalan Tampoi, J. Baharu pada 1hb. Julai 1975. *Sheikh Makmun Sebagai Jesus dan Bapa Segala Manusia*.

<sup>16</sup> Siaran oleh Sheth Hj Hassan T.C.M Jalan Tampoi, J. Baharu pada 1hb. Julai 1975. *Sheikh Makmun Sebagai Jesus dan Bapa Segala Manusia*.

<sup>17</sup> Siaran oleh Sheth Hj Hassan T.C.M Jalan Tampoi, J. Baharu pada 1hb. Julai 1975. *Sheikh Makmun Sebagai Jesus dan Bapa Segala Manusia*.

agama tentera mencabar supaya dilekatkan tangannya, Sheikh Makmun tidak dapat membuatnya.

#### ◆ Nampak Cahaya Ditengkok

Dalam pertunjukan sedemikian juga, Sheikh Makmun selalu mendakwa bahawa dengan kudrat dan iradat Allah akan nampak cahaya ditengkoknya setelah ia membaca ayat:-

النورُ النورُ

dengan nyaringnya. Tetapi dalam pertunjukannya di Kem Kluang, Johor, tahun 1969, para haidirin mengatakan cahaya itu tidak nampak setelah seorang daripadanya seorang guru agama tentera mengatakan tidak nampak.

#### ◆ Nampak Piring Terbang

Dalam pertunjukannya di padang lapang di Benteng, Medan, Sumatra pada akhir tahun 1959, beliau cuba menampakkan piring terbang dan lain-lain yang ada di bulan dan di langit, dan cuba memperlihatkan malaikat-malaikatnya dan lain-lain untuk membuktikan keajaiban dirinya. Namun semua para hadirin yang datang berduyun-duyun untuk melihat semua itu telah hampa kerana tidak nampak satupun yang didakwanya. Selepas pertunjukan hingga larut malam yang gagal itu, seorang wartawan akhbar 'Waspada' medan telah menemui beliau. Jawab Sheikh Makmun bahawa orang yang tidak nampak itu adalah yang tidak ada rezeki<sup>18</sup>.

#### ◆ Mengubat Orang Sakit

Sheikh Makmun selalu mendakwa dapat mengubat segala penyakit hanya dengan 'doanya' sahaja, umpamanya untuk mencerahkan penglihatan dengan menjampikan cermin mata. Tetapi dalam pertunjukannya di Benteng, Medan di atas, beliau gagal menunjukkan kesan pengubatannya ke atas semua penyakit-penyakit yang diubatinya<sup>19</sup>.

<sup>18</sup> Lihat akhbar Waspada No. 3608, Khamis 17hb. Disember 1959.

## Tidak Sembahyang Jumaat dan Jamaah

Sheikh Makmun tidak pernah pergi sembahyang Jumaat di masjid kerana katanya beliau sembahyang di Masjid Al-Haram, Mekah atau di tempat-tempat lain. Tetapi di waktu itu beliau menguncikan dirinya di dalam bilik. Beliau juga tidak keluar sembahyang jamaah bersama pengikut-pengikutnya. Sebabnya ialah kerana beliau tidak layak menjadi Imam sembahyang kepada orang-orang biasa.

## Pengaruh Tarikat Mufarridiah

Tarikat Mufarridiah telah menjadi pengaruh yang kuat di dalam masyarakat Islam di Malaysia khasnya dikalangan tentera dan polis. Di Indonesia, tarikat ini amat meluas dan berpengaruh pada akhir tahun 1950an dan dalam tahun 1960an.

Di Malaysia, tarikat ini mula masuk pada akhir tahun 1960an apabila Sheikh Makmun melawat Singapura dan Malaysia. Tarikatnya berjaya mempengaruhi tentera dan polis di Singapura pada akhir tahun 1960an melalui guru agama tentera dan wakil-wakilnya. Kemudian, ia masuk ke Semenanjung melalui Johor samada melalui tentera/polis atau orang awam. Tidak lama kemudian, ia meresap pula ke seluruh Malaysia.

Sekarang ini, pengikut tarikat ini terdapat hampir di mana-mana negeri di Semenanjung. Kemuncak dari tarikat ini, sebagaimana yang diceritakan oleh orang ramai ialah apabila seseorang itu tidak perlu lagi sembahyang lima waktu dan cukup dengan berzikir sahaja. Dan apabila memerlukan sesuatu, mereka tidak perlu berusaha mendapatkan wang, sudah cukup dengan berdoa dan berzikir sahaja umpamanya untuk mendapat sebuah motosikal.

Di kalangan tentera/polis, lahir kepercayaan bahawa untuk mempertahankan diri dari serangan musuh, tidak perlu menggunakan senapang atau alat-alat lain, malah cukup dengan mengamalkan tarikat ini. Mereka percaya dengan sendiri akan menjadi kebal dan

<sup>19</sup> Lihat akhbar *Waspadा* No. 3608, Khamis 17hb. Disember 1959.

tidak ditembusi peluru.

Tetapi mulai awal tahun 1970an pengaruh Tarikat ini mulai merosot samada di Malaysia atau lebih-lebih lagi di Indonesia.

### **Tindakan dari Pihak Tentera**

Dalam satu surat Pekililing yang dikeluarkan oleh Bahagian Jawatan Anggota, Kementerian Pertahanan, Jalan Padang tembak, Kuala Lumpur bertarikh 19hb Februari, 1975 No KP/JAWAT CPA (4)/5062(45) yang bertajuk 'Penyebaran ajaran, zikir dan tarikat kepada Anggota Tentera', ada menyebutkan antara lain,

"Kakitangan Agama Angkatan Tentera tidak dibenarkan menyebarkan ajaran, zikir dan tarikat yang baru dan luar biasa, tanpa kelulusan dari Jabatan Nazir Agama .....

"Pensyarah-pensyarah luar yang ingin memberi syarahan atau dijemput untuk memberi syarahan, hendaklah terlebih dahulu dirujukkan kepada Jabatan Nazir Agama untuk mendapat kelulusan."

Maka dengan ini Kementerian Pertahanan melarang dan tidak membenarkan anggota-anggota tentera mengamalkan beramai-ramai sebarang ajaran, zikir atau tarikat di masjid-masjid dan surau-surau Angkatan Tentera. Tetapi mereka boleh beramal secara bersendirian ..... (Pekililing ini ditandatangi oleh Nazir Agama Angkatan Tentera, Haji Basirun bin Nasir, b.p. ketua Turus Jawatan Anggota)."

### **Faktor-faktor Kemerosotan Pengaruh Tarikat Mufarridiah**

Hingga tahun 1975, tarikat ini masih lagi bergerak walaupun tidak begitu aktif. Surat-surat sebaran oleh wakilnya di sini masih lagi

dikeluarkan. Namun pengaruhnya ternyata makin merosot dan perkembangannya hampir terhenti langsung. Maka mulai tahun 1975 inilah, fenomena tarikat ini menjadi makin pupus walaupun ada pengikut-pengikutnya yang masih bergerak secara bersendirian.

Antara faktor-faktor kemerosotannya ialah:

1. Pengaruh tarikat ini di Indonesia, khasnya di Sumatera telah merosot berikutan pandangan ulama'-ulama', cerdik pandai dan penulis-penulis yang menerangkan kekeliruan dan penyelewengan ajaran tarikat ini melalui sebaran-sebaran risalah, buku dan lain-lain.
2. Pada tahun 1975 ini juga Majlis Ulama' propensi Daerah Istimewa Aceh telah mengeluarkan pendapat dan keputusan mengenai tarikat ini. Pendapatnya ialah;

"Tarikat Mufarridiah yang telah diadakan penelitian oleh Majlis Ullama adalah ajaran yang berada di luar ajaran Islam."

Kemudian disebutnya lagi;

- 
- 
- 
3. Wakil-wakil tarikat ini di Malaysia telah tidak aktif lagi khasnya selepas kematian wakil utamanya iaitu Hj Ahmad bin Hj Ali dalam tahun 1975.
4. Tindakan pihak tentera menyekat kemasukan tarikat-tarikat dan ajaran secara bebas ke dalam kem-kem tentera sebagaimana surat pekelilingnya dalam bulan Februari 1975 telah benar-benar menjelaskan penyebaran dan amalan tarikat ini khasnya di kalangan para tentera.

5. Pendapat-pendapat dan pandangan ulama'-ulama' Malaysia terhadap tarikat ini telah menyedarkan orang ramai tentang penyelewengan yang terdapat di dalam ajaran tarikat ini. Ini dapat dilihat dari pendapat Timbalan Mufti Johor di dalam Warta Jabatan Agama Johor Bil: 255, Disember 1974 dan bilangan 256, Januari 1975. Demikian juga pendapat Tuan Hj Said Hj Ibrahim (waktu itu Imam Masjid Negara) melalui Radio Malaysia dalam tahun 1975.
6. Hasil kesedaran pengikut-pengikut tarikat ini tentang penyelewengannya yang selama ini dianut mereka, maka ramai diantara mereka telah keluar dari tarikat ini.

## Pandangan dan Ulasan

### ◆ Nama Tarikat

Nama Tarikat Mufarridiah yang dikatakan diambil dari sepotong hadits yang berbunyi "سَبَقَ الْمُفَرِّدُونَ" itu adalah tidak tepat dengan pengertian dan pembawaan tarikat ini. Yang dimaksudkan oleh hadits tersebut ialah tekun mengerjakan ibadat kepada Allah sepanjang waktu.

Inilah yang dimaksudkan 'mengingatkan Allah' (ذِكْرُ اللهِ)، bukan hanya menyebut perkataan "Allah-Allah" secara nyaring dan beramai-ramai sebagaimana yang dilakukan oleh Tarikat Mufarridiah ini.

### ◆ Zikir Allah-Allah

Ayat فَادْكُرُونِيْ اذْكُرْكُمْ yang dibaca sebelum memulakan zikir "Allah-Allah" itu bukanlah zikir, malah ayat ini adalah seruan supaya berzikir. Dengan demikian ia tidak perlu dibaca apabila hendak memulakan zikir kepada Allah.

Berzikir dengan kalimah "Allah-Allah" sahaja memang ada dilakukan oleh ahli-ahli tasawwuf. Tetapi yang lebih sempurna dan afdhal ialah berzikir dengan menyebut "Lailaha illallah" sepenuhnya. Oleh itu anggapan bahawa menyebut "Allah-Al-

"lab" itu yang lebih afdhal adalah tidak benar.

Susunan dan cara-cara bacaan yang terdapat di dalam amalan tarikat ini adalah rekaan Sheikh Makmun semata-semata, ianya tidak ada di dalam mana-mana hadits pun, umpamanya, selepas membaca Al-Fatihah mesti membaca "Fazkuruuni azkurkum" itu.

#### ◆ Memberi dan menerima ijazah

Konsep ijazah memang wujud di dalam memberi dan menerima satu-satu pengajaran agama, tetapi ini bukan suatu perkara yang mesti dilakukan.

Cara pemberian ijazah kepada seseorang secara spontan adalah salah dan palsu kerana tidak diketahui samada seseorang itu layak menerima ijazah atau tidak sebelum diperiksa.erti, orang itu harus diketahui keadaan dan latar belakang dirinya dahulu sebelum layak diberi ijazah.

Dengan demikian perbuatan Sheikh Makmun memberikan ijazah tarikat kepada pengikutnya secara spontan itu adalah salah.

#### ◆ Martabat-martabat

Martabat-martabat yang disebutkan di dalam Tarikat Sheikh Makmun itu tidak terdapat di dalam mana-mana Ilmu Islam atau tasawwuf Islam yang diiktiraf dan tidak ada rujukannya dari punca-punca Islam yang sah. Martabat-martabat tersebut adalah rekaan Sheikh Makmun sendiri.

Di dalam Islam, martabat atau kedudukan seseorang di sisi Allah hanya diketahui oleh Allah sahaja. Untuk mencapainya adalah dengan melakukan ketaatan dan taqwa yang sempurna kepada Allah, bukannya dengan berzikir demikian.

Firman Allah s.w.t:

إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَقْنَاطُكُمْ

"Sesungguhnya yang paling mulia diantara kamu disisi Allah yang lebih bertaqwa." (Al-Hujurat : 13)

- ◆ Taqwa adalah ketaatan kepada Allah yang ditunjukkan dengan jiwa dan raga. Perbuatan Sheikh Makmun mengiktiraf dirinya berada di martabat yang tinggi adalah melanggar disiplin ilmu di dalam Islam kerana manusia itu selama-lamanya tidak mengetahui martabatnya disisi Allah kerana mertabatnya adalah perkara ghaib.
- ◆ Wirid yang ma'tsur tidak boleh ditukar dengan zikir "Allah-Allah" Bacaan wirid selepas sembahyang lima waktu sebenarnya sudah menjadi amalan Rasulullah dan para sahabatnya sebagaimana tersebut di dalam hadits-hadits yang sahib. Dengan demikian, wirid yang ma'tsur tidak boleh diganti dengan bacaan yang selainnya seperti zikir "Allah-Allah" itu. Maka perbuatan Sheikh Makmun menukar wirid dengan zikir itu adalah menyalahi sunnah Rasulullah.
- ◆ Mimpi

Sheikh Makmun mendakwa beliau mendapat mimpi bahawa Allah menyuruhnya membatalkan wirid selepas sembahyang itu dengan zikir "Allah-Allah" sahaja. Dakwaan Sheikh Makmun ini boleh ditolak dengan beberapa kenyataan iaitu:

Di dalam Islam tidak ada sebarang pembatalan ke atas apa yang terkandung di dalam Al-Quran dan As-Sunnah. Aqidah dan syariah Islam telah pun sempurna. Allah s.w.t berfirman:

الْيَوْمَ أَكْلَمْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَعْمَلْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَةً وَرَضِيَتْ  
لَكُمْ الْإِسْلَامُ دِينًا

"Hari ini telah Aku sempurnakan agama kamu dan Aku telah sempurnakan nikmat-Ku kepada kamu, dan Aku telah meredahkan (mengakui) Islam itu sebagai agama." (Al-Maidah : 3)

Mimpi di dalam Islam tidak boleh dijadikan hujjah apalagi jika

bertentangan dengan syarak.

#### ◆ Konsep bercantum dengan Allah

Seorang manusia, walau setinggi manapun maqamnya di sisi Allah dan serapat mana hubungannya dengan Allah, tidak akan dapat bercantum dengan Allah kerana Allah itu amat berlainan sekali dalam apa segi pun dengan makhluk termasuk manusia. Kepercayaan bahawa manusia dapat bercantum dengan Allah boleh membawa kepada syirik atau kafir.

#### ◆ Kepercayaan Alamat Zikir Diterima

Dalam apakah pun, manusia itu tidak dapat mengetahui alamat zikir atau permintaannya itu diterima Allah atau tidak, sebelum permintaannya itu nyata berhasil. Ini kerana manusia tidak akan dapat mengetahui perkara ghaib atau yang belum wujud. Allah berfirman:

لَا يَعْلَمُهَا إِلَّا هُوَ

*"Sesiapa pun tidak akan mengetahuinya (perkara ghaib) kecuali Dia (Allah juga)." (Al-An'aam : 59)*

#### ◆ Karakaz dan Karanaz

Nama-nama tersebut bukanlah nama malaikat di dalam Islam, malah nama-nama itu adalah ciptaan Sheikh Makmun sendiri dan tidak terdapat samada di dalam Al-Quran atau di dalam Hadits. Dengan demikian beliau menolak Jibrail sebagai malaikat yang paling dekat kepada Allah dan menggantikannya dengan malaikat ciptaannya sendiri.

#### ◆ Tawassul Kepada Karakaz dan Sheikh Makmun

Sebenarnya tidak ada tawassul (berperantaraan) kepada kedua-dua, Karakaz dan Sheikh Makmun itu di dalam hal yang berhubung dengan Allah.

Demikian juga tidak boleh disebut "... dengan berkat Sheikh Makmun" kerana yang boleh disebut dengan berkatnya hanya

rasul atau nabi yang sah sahaja. Dan itu pun dibolehkan sekadar berdoa.

Demikian juga kepercayaan bahawa seseorang itu boleh memberi pertolongan kepada orang lain samada melalui pembayaran tertentu atau tidak. Ini adalah menyeleweng dari Islam. Dakwaan Sheikh Makmun boleh menolong orang yang telah mati adalah karut semata-mata.

#### ◆ Menentukan Kubur Wali

Perbuatan Sheikh Makmun menunjuk atau menentukan kubur wali adalah satu perbuatan yang karut. Tidak ada orang yang dapat mengetahui sesuatu yang ghaib atau tanpa melalui pancaindera.

#### ◆ Pengakuan Sebagai Imam Mahdi, Jesus dan Bapa segala manusia

Pengakuan Sheikh Makmun dirinya sebagai Imam Mahdi, Jesus Christ, dan bapa segala agama dan segala manusia adalah bohong semata-mata dan tujuannya tidak lain dari menarik pengikut yang ramai, dari semua bangsa dan agama termasuk golongan atheis.

Tidak ada bukti langsung untuk menunjukkan Sheikh Makmun itu adalah Imam Mahdi dan sebagai Jesus Christ. Dan terkeluar dari kepercayaan Islam jika seseorang Islam itu mengaku dirinya bapa segala agama dan manusia kerana hanya Islam agama yang diiktiraf oleh Allah.

Dakwaan-dakwaan Sheikh Makmun di atas adalah sama dengan dakwaan Mirza Ghulam Ahmad Qadiani yang telah terpesong dari agama Islam itu. Ajaran Qadiani adalah terkeluar dari Agama Islam.

#### ◆ Menunjukkan Kebolehan Luar Biasa

Perbuatan Sheikh Makmun yang cuba menunjukkan



kebolehan luar biasa umpamanya nampak piring terbang, adalah tipuan semata-mata. Beliau sebenarnya tidak pernah dapat membuktikan dakwaan-dakwaan luar biasanya itu.

#### ◆ Tidak Perlu Memakai Senjata Dalam Peperangan

Ajaran Sheikh Makmun yang menyatakan orang yang mengikuti tarikatnya tidak perlu lagi menggunakan senjata di dalam peperangan, malah cukup dengan zikirnya sahaja adalah berlawanan dengan undang-undang atau sunnah yang ditetapkan Allah.

Di dalam peperangan, Rasulullah tetap menggunakan senjata dan orang yang terkena senjata akan luka. Rasulullah sendiri pernah luka kakinya di dalam peperangan.

#### ◆ Tidak Datang Sembahyang Jumaat

Setiap lelaki Islam yang cukup syarat-syaratnya diwajibkan menunaikan sembahyang Jumaat tanpa sembarang pengecualian. Firman Allah:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا ثُوِدَتِ الْعَصْلَوَةُ مِنْ يَوْمِ الْجُمُعَةِ فَاسْعُطُوهُ الْإِذْكُرْ لِلَّهِ وَذَرُوهُ الْبَيْعَ

"Wahai orang-orang yang beriman, apabila (kamu) diserukan sembahyang pada hari Jumaat maka bendaklah kamu datang untuk mengingat Allah, dan bendaklah kamu meninggalkan jual beli." (Al-Jumuah : 9)

Dengan demikian, perbuatan Sheikh Makmun tidak hadir sembahyang Jumaat di masjid adalah melanggar ajaran Islam dan terkeluar dari sifat seorang Islam yang mukmin.

#### **Fatwa Mengenai Tarikat Mufarridiah<sup>20</sup>**

- Persidangan Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Islam Ke 18 pada 14 Mei 1980 di Pusat Islam, Kuala

<sup>20</sup> Lihat halaman web Pusat Islam Malaysia di [www.islam.gov.my/sesat/BM](http://www.islam.gov.my/sesat/BM)

- Lumpur dan dalam Mesyuarat Majlis Raja-raja yang ke 117 di Kuala Lumpur pada 20 & 21 Februari 1980 memutuskan bahawa ajaran ini bertentangan dengan ajaran Islam dan orang yang terlibat dengan ajaran ini hendaklah bertaubat.
2. Mufti Kerajaan Negeri Selangor mengeluarkan fatwa pada 16/9/1995, diwartakan pada 23/11/1995 No. Sel.P.U. 49:
    - Tarikat Mufarridiyah yang di ajar oleh Syeikh Makmun bin Yahya didapati menyeleweng daripada ajaran Islam yang sebenar. Oleh itu umat Islam dilarang mengamalkan ajaran ini.
    - Orang-orang Islam yang telah menerima ijazah dan mengamalkan tarikat Mufarridiyah yang diajar oleh Syeikh Makmun bin Yahya di mana-mana juga hendaklah meninggalkannya dan segera bertaubat serta memohon keampunan daripada Allah s.w.t.

Mengenai Tarikat Mufarridiyah, Majlis Ugama Islam Singapura telah dilaporkan dalam Berita Harian mengeluarkan kenyataan berikut

"Tarikat Mufarridiyah yang asal, ajaran Sheikh Makmun Yahya, memang menyeleweng daripada Islam dan adalah satu ajaran yang sesat yang tidak boleh diikuti."

Bagaimanapun, kumpulan Tarikat Mufarridiyah di sini (Singapura) mengamalkan amalan yang berbeza daripada Tarikat Mufarridiyah yang asal itu.

Kumpulan disini mengamalkan wirid yang dipetik daripada tarikat tersebut tetapi wirid itu tidak menyeleweng daripada Islam walau pun ia bukan wirid yang warid atau yang diwartakan amalannya daripada Rasulullah s.a.w.

Oleh itu kumpulan Tarikat Mufarridiyah di



Singapura tidak sesat. Ini diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS) pada Mei lalu setelah membincangkan dakwaan Yang Dipertuan Persatuan Pelajar-pelajar Agama Dewasa Singapura (Perdaus), Ustaz Embek Ali, bahawa Tarikat Mufarridiyah adalah satu ajaran sesat.

Namun Jawatankuasa itu menegaskan bahawa kumpulan di sini 'telah terkeliru dan terpengaruh dengan sesuatu yang mereka sendiri tidak mengetahuinya apabila mereka mengagungkan Syeikh Makmun.'

Ia juga berkata Tarikat Mufarridiyah ajaran Syeikh Makmun mesti ditinggalkan sepenuhnya bagi mengelakkan kekeliruan orang ramai terutama mereka yang cetek pengetahuan agama Islam. Mufti Syed Isa Semait telah menerangkan keputusan itu kepada Jawatankuasa Masjid Ahmad Ibrahim yang terlibat dalam satu pertemuan 18 Julai lalu.

Semasa ditemui Berita Harian untuk mendapatkan keterangan lanjut keputusan itu, Syed Isa berkata jawatankuasa fatwa mendapati apa yang diketengahkan oleh Ustaz Embek sebagai bukti penyelewengan Tarikat Mufarridiyah yang asal 'adalah benar.'

Antara lain, Ustaz Embek memetik laporan Majlis Ulama Indonesia Propinsi Daerah Aceh dan Jurnal Masa Pusat Penyelidikan Islam Malaysia Jabatan Perdana Menteri (Bahagian Agama) yang melaporkan bahawa Syeikh Makmun mendakwa dirinya sebagai Imam Mahdi bagi umat Islam, sebagai Jesus bagi kaum Kristian dan sebagai bapa bagi kaum lain, termasuk yang tidak beragama.

Dengan mengambil kira fatwa Majlis Ulama Indonesia, Propinsi Daerah Aceh dan Pusat Penyelidikan Malaysia, jawatankuasa itu memutuskan bahawa tarikat itu menyelaweng dari Islam.

Pengerusi Jawatankuasa Masjid Ahmad Ibrahim memberitahu Berita Harian bahawa kumpulan tarikat di Singapura mengamalkan bacaan surah Al-Fatiha selepas sembahyang untuk 'dihadiahkan kepada Rasulullah s.a.w' diikuti dengan doa meminta ampun dan apa yang dihajati, bacaan ayat 152 surah Al-Baqarah, zikir dengan menyebut Allah seberapa banyak yang mungkin dan bacaan ayat 128 hingga 129 surah At-Taubah.

Mengulas amalan tersebut, Syed Isa berkata

*"Amalan itu tidak warid atau tidak diwartakan amalaninya daripada Rasulullah s.a.w tetapi tidak salah dan tidak sesat Bagaimanapun, adalah lebih baik kita mengamalkan apa yang warid atau yang diwartakan amalannya daripada Rasulullah s.a.w kerana itulah yang disuruh oleh agama."*

Haji Sani kemudian memberitahu

*"Kami akan terus mengamalkan wirid tarikat ini sebagai bacaan tambahan setelah membaca wirid-wirid yang warid kerana telah biasa dengannya.<sup>21</sup>"*

### Kesimpulan

Berdasarkan keterangan-keterangan di atas, ternyata bahawa Tarikat Mufarridiyah ini mengandungi unsur-unsur yang bertentangan dengan Islam samada di segi amalan atau kepercayaan.

<sup>21</sup> Berita Harian, 30 Julai 1992.



Segala amalan-amalan diperingkat awal dalam tarikat ini yang tidak bertentangan dengan Islam adalah dipercayai bertujuan untuk memancing orang ramai supaya yakin dengan ajaran ini. Amalan-amalan itu ialah seperti sembahyang berjemaah, hadiah Fatihah kepada Rasulullah dan lain-lain lagi yang sememangnya digalakkan di dalam Islam. Tapi ia hendaklah diamalkan semata-mata kerana Allah dan ikhlas kepada-Nya.<sup>22</sup>

Penyelewengan dalam ajaran ini mula nampak apabila Sheikh Makmun menggantikan semua wirid selepas sembahyang dengan zikir "Allab-Allah" sahaja. Kemudian lebih menyeleweng lagi apabila beliau membuat berbagai-bagai dakwaan ke atas dirinya dan menyelewengkan iktikad asal dalam agama Islam sebagaimana yang telah disebutkan.

## AJARAN QADIANI (AHMADIAH / QADIANIAH)<sup>22</sup>

### Pendahuluan

Ajaran Qadiani ialah suatu ajaran yang diasaskan oleh Mirza Ghulam Ahmad Qadiani di India pada tahun 1889. Ajaran ini adalah bertentangan dan terkeluar dari ajaran Islam.

Perkataan Ahmadiyah adalah disandarkan kepada nama Mirza Ghulam Ahmad sendiri iaitu pengasas ajaran ini. Qadiani pula adalah diambil dari nama kampung atau kawasan tempat lahirnya Mirza, yang terletak di dalam daerah Gurdaspur, India. Dengan demikian ajaran ini dikenali juga dengan nama ajaran Qadiani atau Kadiyani bersandarkan kepada nama kawasan tempat lahirnya Mirza.

Ajaran ini telah tersebar hampir ke seluruh dunia sejak awal abad kedua puluh hingga sekarang oleh mubaligh-mubaligh atau pengikut-pengikut ajaran ini, atas nama agama Islam walaupun ianya tidak

<sup>22</sup> Bahagian ini dipetik dengan sedikit suntingan dari buku kecil bertajuk *Ajaran Qadiani (Satu Ajaran Sesat)* terbitan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia, cetakan kedua, 1983.

pernah diiktiraf oleh agama Islam sendiri.

### **Siapa Mirza Ghulam Ahmad Qadiani?**

#### **Keturunan**

Mirza Ghulam Ahmad dilahirkan pada tahun 1839 di Kampung Qadian, dalam daerah Gurdaspur, di peringkat akhir pemerintahan Sikh di situ. Bapanya bernama Mirza Ghulam Murtaza bin Mirza Atta Muhammad. Beliau berketurunan Borlas dari bangsa Monghul. Tetapi tidak berapa lama kemudian beliau mendakwa mendapat ilham bahawa beliau berasal dari bangsa Parsi. Keturunannya dipercayai berasal dari Samarkand, kemudian pindah ke India dan menetap di Qadian.

#### **Pendidikan**

Pendidikan awal Mirza Ghulam Ahmad, dimulai dengan pengajian membaca Al-Quran dan beberapa buah buku Parsi. Apabila berumur 10 tahun beliau belajar bahasa Arab. Di kala berumur 17 tahun beliau belajar ilmu-ilmu Nahu, Mantiq dan Falsafah secara berguru. Beliau belajar ilmu perubatan dengan ayahnya sendiri. Beliau tidak mempelajari ilmu agama dengan sesiapa pun cuma secara belajar sendiri sahaja. Beliau menerima pelajaran di rumah hingga ke peringkat menengah (*Middle Class*). Beliau seorang yang kuat belajar. Guru-gurunya yang mengajar nahu, mantiq (logik) dan falsafah ialah Maulavi Fazlillah, Maulavi Fazli Ahmad dan Maulavi Gul Ali Shah. Ayahnya sendiri seorang ahli ilmu perubatan (*physician*) yang berpengalaman

#### **Pekerjaan**

Dengan pengetahuan yang ada, Mirza bertugas di bawah Penolong Pesuruhjaya Sialkot dengan gaji yang kecil selama 4 tahun (1864-1868). Di masa ini beliau belajar sebuah atau dua buah buku Inggeris. Beliau telah cuba mengambil peperiksaan sijil Mukhtar, tetapi gagal. Tahun 1868 beliau meletakkan jawatan dan pulang ke Qadian menjaga tanah dan harta sendiri. Tetapi sebahagian besar masanya ditumpukan untuk menata Al-Quran serta buku-buku tafsir dan hadits.



## Kehidupan

Kehidupan awal Mirza adalah susah dan miskin seperti juga orang-orang biasa. Hanya setelah dakwaan-dakwaannya, beliau mendapat perhatian, berjaya dan mula mendapat hidup senang. Dalam tahun 1907 beliau menulis

“...Dulu saya tidak dikenali, hidup di kampung terpencil, Qadian dan tidur di ceruk sudut. Kemudian Allah telah menukarkan dunia ini kepada saya dan menolong saya dengan kemenangan demi kemenangan. Dulu sebenarnya saya tidak pernah ada harapan untuk mendapat 10 rupee sebulan. Tetapi sekarang saya dapat menerima kira-kira tiga ratus rupee atau lebih lagi. Mereka telah menghantarkan kepada saya wang dan emas dan saya tidak tahu nama mereka.”

## Kahwin dan Anak

Perkahwinan Mirza yang pertama ialah pada tahun 1852 atau 1853 iaitu dengan seorang dari kalangan keluarganya sendiri. Beliau mendapat dua orang anak iaitu Mirza Sultan Ahmad dan Mirza Fazal Ahmad.

Dalam tahun 1891 beliau menceraikan isterinya. Pada tahun 1884 beliau mengahwini anak perempuan Nawab Nasir, Delhi. Anak-anaknya yang lain adalah dengan isterinya ini, iaitu tiga orang. Mereka adalah;

- Mirza Bashiruddin Mahmood.
- Mirza Bashir Ahmad (Pengarang "Sirat Al-Mahdi")
- Mirza Sharif Ahmad.

## Meninggal Dunia

Pada 25hb. Mei 1908, Mirza jatuh sakit akibat penyakit ceret-beret di Lahore. Di masa itu juga beliau diserang penyakit taun. Pada keesokan harinya, 26hb. Mei 1908 Mirza menghembuskan nafasnya

yang terakhir. Menurut bapa mertuanya, beliau dikuburkan di Qadian yang sekarang di dalam negara Pakistan.

### **Bagaimana Munculnya Ajaran Qadiani**

Mirza Ghulam Ahmad adalah seorang yang kuat dan tekun belajar. Ia berminat dalam bidang Tafsir Al-Quran dan al-Hadits. Beliau juga adalah seorang yang bercita-cita tinggi dan amat sensitif dengan kedudukan agama Islam pada masa itu, yang sentiasa diancam oleh pengaruh luar khasnya kebudayaan Inggeris dan agama Kristian.

Di masa inilah Mirza telah bangun mempertahankan Islam dan menyerang Kristian. Beliau telah menulis risalah-risalah dan mengarang buku untuk mempertahankan Islam. Antaranya "Babarini-Abmadiyah". Mirza telah dipuji di atas hasilnya itu. Dan ini akhirnya menjadikannya merasa sangat bijak, pandai dan berjasa kepada Islam. Akhirnya pula beliau merasa cukup sesuai untuk membuat dakwaan luar biasa ke atas dirinya seperti '*reformer*' (*mujaddid*), Al-Mahdi dan lain-lain lagi. Di sinilah bermulanya penyelewengan- penyelewengan lain yang melahirkan ajaran Qadiani ini.

Di akhir abad ke-19 umat Islam, termasuk di India, menghadapi berbagai-bagai keadaan. Ullama-ulama bercakaran pendapat mengikut mazhab masing-masing. Perang mazhab sering mencetuskan keganasan yang mengakibatkan perpecahan. Imej ulama telah rosak. Ramai ahli sufi olok-olok mendakwa boleh menunjukkan sesuatu yang ajaib dan niendakwa menerima ihlam dari Allah. Mereka menarik minat masyarakat. Di samping itu, Punjab, tempat lahirnya Mirza Ghulam Ahmad, menjadi pusat konflik pemikiran karut-marut dan kejahilan di dalam agama. Mereka menderita akibat pemerintahan Sikh sejak lapan puluh tahun dahulu. Ajaran Islam sebenarnya hampir hilang. Masyarakat Islam menjadi pudar, kosong fikiran dan ragu-ragu.

Kekalahan orang-orang India dalam pemberontakan 1857 menentang penjajah Inggeris menambahkan lagi keperluan kepada seorang pemimpin yang mempunyai sifat kepimpinan yang teristimewa (*charismatic*). Segolongan orang Islam menunggu kemunculan Isa yang dijanjikan sebagaimana yang diberitahu kepada mereka. Maka dari keadaan dan peluang ini bangkitnya Mirza Ghulam Ahmad membuat

berbagai dakwaan berkenaan dengan dirinya.

Kesan dari ini terdapat dua peringkat dalam hasil karya Mirza iaitu,-

### Peringkat Pertama:

Mengandungi karya-karya yang membuktikan sahnya agama Islam dan membatalkan agama-agama lain. Dalam karya-karya ini tidak terdapat dakwaan menjadi Al-Masih.

Antara karya-karyanya itu ialah;

- Baharin Ahmadiah

- Surmah-i-Chashor-l-Arya

- Shahna-l-Haq

### Peringkat Kedua:

Bermula dengan dakwaannya menjadi Al-Masih kemudian diikuti dengan dakwaan-dakwaan lain berkenaan dengan dirinya. Dalam karya-karya ini penuh dengan sikap sombong dan mulia diri daripada masa yang lalu.

Karya pertamanya di peringkat ini ialah '*Faith Al-Islam*' yang dikeluarkan pada tahun 1891 di mana di dalam buku inilah beliau mendakwa dirinya sebagai bayangan kepada Al-Masih yang dijanjikan. Mirza Bashir Ahmad dalam bukunya '*Sirat Al-Mabdi*' mengatakan bahawa Al-Masih Isa telah mati.

### Kandungan Ajaran Qadiani

Kandungan ajaran Qadiani yang bertentangan dengan Islam itu boleh dilihat dari dakwaan-dakwaan Mirza Ghulam Ahmad dan perbuatan-perbuataannya.

### Siri Dakwaan Mirza

Mula-mula pada tahun 1885 Mirza Ghulam Ahmad mendakwa dirinya sebagai seorang reformis (mujaddid), kemudian pada tahun

1891 beliau mendakwa sebagai Imam Mahdi yang ditunggu-tunggu, kemudian mendakwa dirinya sebagai Al-Masih yang dijanjikan dan ini juga dilakukannya pada tahun 1891. Kemudian pada tahun 1901 beliau mengaku dirinya sebagai nabi.

Di samping itu pada 1hb November 1904 beliau mendakwa dirinya sebagai penjelmaan Krishna untuk orang-orang Hindu di samping sebagai Isa Al-Masih untuk orang-orang Islam dan Kristian.

### **Dakwaan Sebagai Imam Mahdi**

Sebelum Mirza Ghulam Ahmad, golongan-golongan Syiah telah terlebih dahulu mendakwa kedatangan Imam Mahdi dari kalangan tokoh-tokoh mereka, umpamanya Syiah Sabaiyah menganggap Ali bin Abi Talib adalah Imam Mahdi yang akan datang lagi ke dunia pada akhir zaman; Syiah Imamiah Ithna-Asyariyyah menganggap Muhammad bin Hassan Al-Askari, imam mereka yang kedua belas, sebagai Imam Mahdi yang sekarang dalam keadaan ghaib dan akan keluar lagi sebagai Imam Mahdi. Lain-lain golongan juga mendakwa mempunyai Imam Mahdi masing-masing.

Dengan demikian, tidak hairanlah jika Mirza Ghulam Ahmad yang mendakwa dirinya berjasa kepada Islam, mendakwa dirinya sebagai Imam Mahdi.

### **Dakwaan Sebagai Al-Masih**

Seperti juga kepercayaan Kristian dan Yahudi, Mirza Ghulam Ahmad mempercayai bahawa nabi Allah Isa a.s itu adalah telah mati sebagaimana kematian manusia biasa. Tetapi berlainan dari Kristian, beliau mendakwa mendapat ilham dari Allah pada tahun 1890 bahawa Isa tidak mati di atas palang, malah sebenarnya apabila beliau pengsan di atas palang beliau diturunkan dalam keadaan luka. Kemudian kononnya apabila beliau benar-benar sembuh, beliau pun lari ke Kashmir dan mati di sana dalam keadaan biasa dan kuburnya terdapat di Srinagar, Kashmir.

Pada mulanya kepercayaan Mirza kepada nabi Allah Isa a.s sama



dengan kepercayaan orang-orang Islam yang lain. Tetapi pada tahun 1891, Mirza mendakwa dirinya sebagai Isa Al-Masih.

Dengan demikian, supaya sesuai dengan dakwaannya, Mirza tidak lagi berpegang bahawa Isa Al-Masih yang akan turun itu adalah Isa Ibn Mariam, tetapi kononnya Al-Masih dari kalangan pengikut agama Islam dan pengikut Nabi Muhammad s.a.w tetapi ianya masih tetap mempunyai ciri, sifat dan peranan yang sama dengan Al-Masih Ibn Mariam yang dijanjikan itu. Dengan demikian juga Isa Ibn Mariam itu tidak akan turun lagi kerana beliau, Mirza Ghulam Ahmad, sendiri yang telah mengantikannya.

Untuk menguatkan lagi hujah ini beliau terus mengatakan bahawa Isa Ibn Mariam itu telah mati, bukan diangkat ke langit oleh Allah. Orang yang mati tidak mungkin akan hidup dan turun ke dunia lagi.

### **Dakwaan Menerima "Wahyu"**

Dalam bukunya (*Al-Khutbah Al-Illhamiah*) Mirza Ghulam Ahmad berkata:

"Ini adalah kitab yang telah diilhamkan oleh Tuhan kepadaku di satu hari daripada hari-hari perayaan, malah ia adalah hakikat yang diwahyukan Tuhan kepadaku."

Katanya lagi,

"Sesungguhnya telah sampai wahyu kepadaku daripada Tuhan sebelum diturunkan penyakit taun supaya aku membuat perahu (bahtera) dengan pertolongan wahyu Kami."

### **Dakwaan Sebagai Nabi**

Dakwaan Mirza Ghulam Ahmad yang paling merbahaya dan terakhir sekali ialah sebagai nabi iaitu pada tahun 1901. Dakwaan ini didahului oleh dakwaan menerima 'wahyu' dari Allah, tetapi bukan melalui malaikat Jibrail, malah melalui ilham terus dari Allah. Beliau mengakui

bahawa wahyu melalui Jibrail hanya kepada rasul yang membawa agama baru. Wahyu seperti itu telah pun ditutup.

Pada tahun 1901, beliau telah membuat pernyataan yang mutlak mengenai dirinya sebagai nabi yang sebenar:

"Demi Allah yang nyawa saya di tangannya, Dialah yang telah mengutus dan menamakan saya nabi ... dan menunjukkan bukti-bukti yang jelas tentang kebenaran dakwaan saya yang jumlahnya sampai tiga ratus ribu bukti."

Kemudian beliau menyamakan dirinya dengan nabi-nabi lain, malah akhirnya beliau mengatakan "Sayalah Muhammad, Rasul Allah."

### 'Mukjizat' Mirza

Selain daripada mengakui menerima 'wahyu' dari Allah yang taraf sahnya sama dengan wahyu Al-Quran, beliau mengakui juga mempunyai mukjizat. Katanya

"Nabi Allah itu telah menunjukkan tiga ribu mukjizat tetapi mukjizat saya melebihi dari satu juta."


Dalam risalah *Tjaz Abmadi* katanya;

"Bulan yang terang menjadi gerhana kerana saya, masakan dapat saya manafikan bulan dan matahari menjadi pucat kerana saya."

### Menafikan Jihad dan Mewajibkan Taat Kepada Inggeris

Mirza Ghulam Ahmad adalah seorang yang anti-jihad dan menjunjung tinggi penjajah Inggeris. Di bahagian lampiran dalam bukunya 'Shabdatul-Al-Quran' edisi keenam, atas tajuk 'Untuk Perhatian Segera Pemerintah', beliau menulis;

"Saya telah menerangkan beberapa kali bahawa



Islam yang saya anuti ini mengandungi dua bahagian;

Pertama : Taat kepada Allah.

Kedua : Taat kepada pemerintah yang telah memberikan keamanan dan perlindungan kepada kita, dan mengawal kita daripada dizalimi. Itulah dia kerajaan Inggeris."

Beliau menambah:

"Saya bukan saja menjadikan orang-orang India Muslim taat kepada kerajaan Inggeris, malah saya telah menulis beberapa buah buku dalam bahasa Arab dan Parsi juga Urdu menerangkan kepada penduduk-penduduk Islam bagaimana untuk hidup aman, nikmat bahagia dan bebas di bawah kepak sayap Kerajaan Inggeris."

Dan Mirza menambah lagi

"Saya yakin bahawa dengan bertambahnya bilangan pengikut-pengikut saya, maka berkuranglah orang yang percaya kepada jihad, kerana kepercayaan kepada saya sebagai Al-Masih dan Al-Mahdi, dengan sendirinya menafikan adanya jihad itu."

Mirza mengeluarkan hukum dan pendapat yang bertentangan sekali dengan kehendak ayat-ayat Al-Quran. Ini dapat ditunjukkan melalui kata-katanya di bawah;

- Jihad dengan pedang telah dilarang;
- Semua perang untuk agama sekarang ini telah ditegah;
- Sekarang jihad untuk tujuan agama telah diharamkan.
- Pada pendapat saya, tidak ada doktrin yang memburukkan nama Islam lebih daripada doktrin jihad.
- Saya menghabiskan sebahagian besar umur saya untuk mengiyakan kerajaan British dan menentang jihad.

## Mengubah Ayat-Ayat Al-Quran

Satu lagi penyelewengan dan kesalahan besar yang dilakukan oleh ajaran Qadiani ialah mengubah ayat-ayat Al-Quran atau disebut 'Tahrif Al-Quran'. Tahrif bererti mengubah atau meminda bentuk dan kedudukan ayat-ayat Al-Quran. Sebarang pengurangan yang sengaja, penghapusan dan penambahan terhadap ayat-ayat Al-Quran adalah merupakan tahrif. Usaha yang sengaja dilakukan untuk mentafsir ayat-ayat Al-Quran di luar dari erti yang sebenar dan jelas adalah juga dipanggil tahrif. Di antara contoh-contoh tahrif adalah seperti berikut:

### Ayat-ayat asal di dalam Al-Quran

١. وَإِنْ كُنْتُمْ فِي رَيْبٍ مِّمَّا نَزَّلْنَا  
عَلَى عَبْدِنَا فَأُثْوِرُ بِسُورَةٍ مِّنْ  
مِّثْلِهِ وَأَدْعُوا شُهَدَاءَ كُمْ مِّنْ  
دُونِ اللَّهِ إِنْ كُنْتُمْ صَدِيقِينَ  
فَإِنْ لَمْ تَفْعَلُوا أَوْ لَكُنْ تَفْعَلُوا  
(البقرة : ٢٣ - ٢٤)

Mirza telah membuang ayat-ayat yang bergaris di bawahnya.

٢. وَمَا أَرْسَلْنَا مِنْ قَبْلِكَ مِنْ رَسُولٍ  
وَلَا نَبِيٍّ إِذَا تَمَنَّى أَلْقَى الشَّيْطَانُ فِي  
أَمْنِيَّتِهِ (الجم : ٢٥)

Di sini perkataan منْ قَبْلِكَ telah dibuang oleh Mirza

٣. إِنَّ أَئْرَلَهُ فِي لَيْلَةِ الْقَدْرِ (القدر : ١)


Mirza menggantikan perkataan قَرِيبًا مِّنَ الْقَادِيَانِ dengan tujuan mengatakan bahawa nama atau

### Ayat-ayat yang diubah oleh Mirza

وَإِنْ كُنْتُمْ فِي رَيْبٍ مِّمَّا نَزَّلْنَا  
عَلَى عَبْدِنَا فَأُثْوِرُ بِسُورَةٍ مِّنْ  
بِسُورَةٍ مِّنْ مِثْلِهِ فَإِنْ لَمْ تَفْعَلُوا  
أَوْ لَكُنْ تَفْعَلُوا

وَمَا أَرْسَلْنَا مِنْ رَسُولٍ وَلَا نَبِيٍّ  
إِذَا تَمَنَّى أَلْقَى الشَّيْطَانُ فِي  
أَمْنِيَّتِهِ

إِنَّ أَئْرَلَهُ قَرِيبًا مِّنَ الْقَادِيَانِ



perkataan Qadian itu disebut oleh Allah di dalam Al-Quran.

Banyak lagi ayat-ayat yang diubah atau ditahrif oleh Mirza Ghulam Ahmad di dalam Al-Quran. Segala-galanya adalah untuk menguatkan segala dakwaannya.

### Dakwaan-dakwaan lain

Dakwaan-dakwaan lain yang dilakukan oleh Mirza Ghulam Ahmad antaranya ialah:-

- ◆ Para Nabi menyaksikan dirinya

Dalam bukunya '*Maktub Ahmad*' hal. 62, Mirza mendakwa,

"Nabi Allah Saleh telah menyaksikan kebenaran saya sebelum saya melahirkan seruan saya. Saya adalah Isa Al-Masih yang akan datang. Beliau menyebut nama saya serta nama kampung saya."

- ◆ Malaikat sebagai Pancaindera Tuhan

Dalam buku '*Hamamah Al-Busyra*' hal. 98, Mirza menegaskan:

"Lihatlah pada malaikat-malaikat itu bagaimana Al-lah menjadikan mereka itu sebagai pancainderanya."

- ◆ Ibadat Haji di Qadian

Orang-orang Qadiani menganggap bahawa daerah Qadian adalah merupakan salah satu dari tiga tempat yang suci disebutkan iaitu: Makkah, Madinah dan Qadian.

Harian '*Al-Fadhl*' bilangan 1848, jilid 10 Disember 1912 menyebut;

"Sesiapa yang menziarahi menara puteh Al-Masih yang dijanjikan (Mirza) akan diberikan berkat

yang hanya ditentukan kepada menara hijau Nabi di Madinah Al Munawwarah. Alangkah menderitanya orang yang menghalang dirinya daripada menikmati Haji Akbar di Qadian."

Dalam Harian '*Al-Fadl*' Jilid 20 bilangan 23 ada disebutkan katanya,

"Apa yang dimaksudkan dengan Masjid Al-Haram ialah Masjid Qadian. Andainya daerah Qadian menyamai Tanah Suci, malah mungkin lebih utama daripadanya, maka menziarahinya adalah menyamai Fardhu Haji dan mungkin melebihi daripadanya."

Dalam '*Bigam Sulbi*' jilid 21 bilangan 22, lidah rasmi Cawangan Lahore menyebut:

"Menunaikan Haji di Makkah tanpa melakukan Haji di Qadian adalah Haji yang kering dan kosong kerana menunaikan Haji di Makkah hari ini tidak memenuhi risalah dan tidak menunaikan fardhunya."

## Ulasan

### ◆ Dakwaan Menerima Wahyu

Penyelewengan yang nyata dalam ajaran Qadiani bernula dari dakwaan menerima wahyu dari Allah oleh Mirza Ghulam Ahmad. Sebenarnya tiada seorang pun selepas Nabi Muhammad s.a.w. samada dari kalangan sahabat atau kalangan *Al-Salaf Al-Salib* yang telah diturunkan wahyu.

Dengan demikian yang dimaksudkan wahyu oleh Mirza Ghulam Ahmad itu adalah rekaan semata-mata.

### ◆ Dakwaan Sebagai Imam Mahdi

Dakwaan Mirza Ghulam Ahmad sebagai Imam Mahdi adalah dakwaan

tanpa asas. Tidak ada orang yang mengetahui dengan tepat siapakah Imam Mahdi itu. Hadits-hadits mengenai Imam Mahdi hanyalah Hadits "Abad" dan tidak menjelaskan siapakah Imam Mahdi itu sebenarnya. Ulama'-ulama' Islaqm berselisih pendapat tentang akan lahirnya Imam Mahdi yang ditunggu-tunggu itu. Dengan demikian kemunculan Imam Mahdi itu bukan suatu aqidah di dalam aqidah Islam.

Gelaran Imam Mahdi yang disebutkan itu adalah rekaan golongan tertentu untuk mengagungkan pemimpin mereka. Dan Mirza telah mengambil kesempatan menggunakan nama tersebut untuk dirinya dan mendakwa ianya datang dari perintah Allah. Inilah tektik pembohongan Mirza yang selalu dilakukannya.

#### ◆ Dakwaan Isa (a.s.) Mati dan Kuburnya di Srinagar

Di dalam Al-Quran, Nabi Isa a.s bukan dibunuh dan disalibkan, tetapi rupanya telah diserupakan oleh Allah dengan seorang lain, malah Allah telah mengangkatnya kehadrat-Nya sebagaimana tersebut di dalam ayat:

وَقُولُّهُمْ إِنَّا قَاتَلْنَا الْمَسِيحَ عِيسَى ابْنَ مَرْيَمَ رَسُولَ اللَّهِ وَمَا قَاتَلُوهُ وَمَا صَلَبُوهُ  
وَلَكِنْ شَيْءٌ لَهُمْ فِي الَّذِينَ أَخْلَقُوا فِيهِ لَفْقًا شَكَّ مِنْهُ مَا هُمْ بِهِ مِنْ عَلِمٍ  
إِلَّا أَتَيْعَ الظَّنَّ وَمَا قَاتَلُوهُ يَقِيْنًا بَلْ رَفَعَهُ اللَّهُ إِلَيْهِ وَكَانَ اللَّهُ أَعْلَمُ بِأَحْكَمِ

"Dan (disebabkan) dakwaan mereka dengan mengatakan: "Sesunggubnya kami telah membunuh Al-Masib Isa Ibn Maryam, Rasulullah". Pada bal mereka tidak meyalibnya (dikayu palang salib) tetapi diserupakan bagi mereka (orang yang mereka bunuh itu seperti Nabi Isa). Dan sesunggubnya orang-orang yang telah berselisih sabah mengenai (Nabi) Isa, sebenarnya mereka berada dalam syak (ragu-ragu) tentang menentukan pembunuhannya. Tiada sesuatu pengetahuan pun bagi mereka mengenainya selain daripada mengikut sangkaan semata-mata dan mereka (pula) tidak membunuhnya dengan yakin. Babkan Allah telah mengangkat (Nabi) Isa kepadanya, dan adalah Allah Maha Kuasa lagi Maha Bijaksana." (An-Nisa' : 157 - 158)

Dengan demikian, umat Islam percaya bahawa Nabi Isa a.s itu tidak mati di tiang salib atau di mana-mana, malah telah diangkatkan

Allah ke hadratnya. Hadits-hadits juga telah menyebutkan demikian. Dengan itu kubur Nabi Isa a.s tentulah tidak ada di mana-mana jua pun.

### ◆ Dakwaan Sebagai Isa Al-Masih

Dakwaan tersebut oleh Mirza Ghulam Ahmad ternyata karutnya. Ada dua perkara yang mesti difahami dalam soal ini:

1. Soal turunnya Isa Al-Masih ke dunia ini bukanlah boleh difahami dengan mudah. Ulama Islam berselisih pendapat mengenainya. Sebuah hadits yang diriwayatkan oleh An-Nuwwas bin Sam'an r.a mengatakan bahawa Rasulullah s.a.w ada menjelaskan yang bermaksud:

*"... semasa Dajjal itu bermabarajalela, Allah menghantar turun Nabi Isa Al-Masih anak Maryam. Lalu ia turun berhampiran menara puteh yang letaknya di timur bandar Damsyik ... maka Nabi Isa pun mengejar Dajjal sehingga dapat menawannya di pintu kampung yang bernama 'Lud' lalu membunuhnya..." (Riwayat Muslim).*

2. Apa yang tersebut di dalam Hadits di atas tidak ada kaitan langsung dengan Mirza. Dengan demikian Mirza Ghulam Ahmad itu bukan sekali-kali Isa Al-Masih.

2. Isa Al-Masih yang disebutkan akan turun ke dunia menjelang kiamat itu jelas sekali adalah tidak lain dari Isa anak Maryam dari keturunan Bani Israel yang tidak berbapa, sedangkan Mirza Ghulam Ahmad adalah berbapa dari keturunan Borlas dari bangsa Monghul, bukan sekali-kali anak Maryam.

### ◆ Dakwaan Sebagai Nabi

Dakwaan Mirza yang paling merbahaya sekali ialah dakwaan dirinya sebagai seorang nabi. Ayat yang digunakan oleh Mirza untuk menyokong dakwaannya ialah firman Allah s.w.t:

**مَا كَانَ مُحَمَّدًا أَبَا الْمُحْدِمِينَ رَجُالَكُمْ وَلَكُنْ رَسُولَ اللَّهِ وَخَاتَمَ النَّبِيِّنَ وَكَانَ اللَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلَيْهِمَا**



"Babawa Muhammad itu bukanlah bapa kepada seorang lelaki kamu (Zaid b. Harithah, anak angkat Rasulullah) malah beliau adalah rasul (utusan) Allah dan penyudah segala nabi-nabi (yang terdabulu). Dan adalah Allah itu mengetahui segala-galanya." (Al-Ahzab : 40)

Mengikut ajaran Qadiani, maksud 'Khatam An-Nabiyyin' itu ialah bahawa Muhammad itu adalah mohor (*seal*) atau pengesah kepada segala nabi-nabi selepasnya, khasnya Mirza Ghulam Ahmad.

Kesilapan dan pembelotan yang dilakukan oleh Qadiani di sini ialah ia memberi erti adanya 'nabi-nabi selepas Nabi Muhammad' kepada perkataan 'Khatam An-Nabiyyin' itu. Ini semata-mata untuk membuka pintu kepadanya mengisyiharkan dirinya sebagai nabi, sedangkan makna sebenar 'Khatam An-Nabiyyin' itu ialah tidak akan ada lagi nabi selepas Nabi Muhammad s.a.w.

Di zaman sahabat dahulu, setelah wafatnya Rasulullah s.a.w terdapat orang-orang yang mendakwa diri mereka sebagai nabi umpamanya Musailamah Al-Kazzab. Mereka ini telah diperangi dan ada yang dibunuh.

#### ◆ 'Mukjizat' Mirza

Mukjizat ialah kebolehan luar biasa yang tidak dapat dicabar oleh manusia dan dianugerahkan Allah kepada Rasul dan nabiNya.

Untuk membuktikan kenabian / kerasulan misalnya, mukjizat Nabi Muhammad s.a.w ialah keluarnya air dari celah-celah jari baginda apabila baginda meletakkan tangan di bumi.

Oleh kerana Mirza bukan nabi dan bukan rasul, maka tentunya beliau tidak mempunyai mukjizat apa-apa. Dan memang beliau tidak dapat menunjukkan apa-apa mukjizat.

#### ◆ Menafikan Jihad

Mirza telah melawan hukum Allah di dalam Al-Quran apabila beliau menafikan jihad. Jihad yang dimaksudkan di dalam konteks ini ialah

berjuang memerangi musuh yang menceroboh agama Allah dan umatnya. Di dalam Al-Quran, kewajipan berjihad terhadap seteru-seteru yang merampas hak-hak orang Islam adalah jelas, dan tidak siapa yang menafikan. Firman Allah s.w.t:

وَقَاتَلُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ الَّذِينَ يَقْتَلُونَكُمْ وَلَا تَعْسَدُوا أَ... وَأَفْتَوْهُمْ حَيْثُ شَفَقُوكُمْ  
وَآخْرُجُوهُم مِّنْ حَيْثُ أَخْرَجُوكُمْ وَلِفَتْحِهَا أَشْدَمُنَ الْفَتْلِ ... وَقَاتَلُوهُمْ حَتَّى لَا تَكُونَ فِتْنَةٌ

"Berperanglah untuk jalan Allah (berjihad) terhadap orang-orang yang memerangi kamu, dan janganlah kamu melampaui ... dan perangilah mereka di mana saja kamu berjumpa, dan usirkan mereka keluar sebagaimana (setakat mana) mereka telah mengusirkan kamu. Dan fitnah itu adalah lebih dabsyat daripada pembunuhan ... Dan perangilah mereka bingga tidak ada lagi fitnah ..." (Al-Baqarah : 190 - 194)

#### ◆ Mengubah Ayat-Ayat Al-Quran

Perbuatan 'tabrif' iaitu mengubah atau meminda bentuk dan kedudukan ayat-ayat Al-Quran dengan sengaja adalah dianggap kafir. Setiap orang Islam yang mempercayai bahawa Al-Quran itu wahyu dari Allah, tidak akan berani dan sanggup melakukan 'tabrif' sedemikian.

#### ◆ Para Nabi Menyaksikan Mirza

Dakwaan Mirza yang para nabi, seperti Nabi Saleh a.s menyaksi dan mengakui Mirza sebagai Al-Masih adalah satu pembohongan yang amat nyata yang tidak masuk akal.

Kalau itu berlaku di dalam mimpi, maka mimpi manusia tidak boleh dipegang lebih-lebih lagi mengenai perkara yang tidak betul dan tidak dapat dibuktikan.

#### ◆ Malaikat Pancaidera Tuhan

Kata-kata bahawa malaikat adalah pancaidera Tuhan ternyata sesat dan salah sekalipun diucapkan dalam bentuk simbolik.

Semua makhluk tidak boleh dicantumkan dengan Zat Allah yang



Maha Suci dari segala makhlukNya.

### ◆ Haji Di Qadian

Amat sesat jika terdapat dakwaan adanya tempat lain untuk ibadat Haji selain dari Makkah tempat terletaknya Baitullah. Perkara ini sudah jelas di dalam Al-Quran dan Al-Hadits.

### Kumpulan Qadian Dan Kumpulan Lahore

Antara sifat-sifat penting kumpulan Lahore ini ialah;

- ◆ Ia tidak mengakui kenabian Mirza Ghulam Ahmad, tetapi mereka mengakui ajaran Mirza (Golongan Qadian memang mengakui Mirza sebagai nabi).
- ◆ Ia mendakwa bahawa Isa itu adalah anak 'Yusuf Tukang Kayu' bukan tidak berapa.

Namun kedua-dua kumpulan iaitu Kumpulan Qadian dan Kumpulan Lahore adalah pengikut ajaran Qadiani yang sesat dan terpesong dari Agama Islam.

### Ajaran Qadiani Di Malaysia (dan Singapura)

Kedatangan ajaran Qadiani ke Malaysia (dan Singapura) dipercayai pada awal tahun 1930an dan penyebarinya yang pertama dipercayai Maulana Husin Iyaz yang datang ke Singapura pada tahun 1935 dan pejabatnya ialah di No. 116, Onan Road. Melalui pangkalannya di situ beliau menyebarluaskan ajaran ini.

Selepas Maulana Husin Iyaz, datang pula Maulana Imanuddin dan Tuan Abdul Hay. Kemudian datang pula Maulana Mohd. Sadiq bin Barakatullah pada 22hb. Disember, 1949 sebagai wakil penyebarnya di sini.

Kemasukan ajaran Qadiani ke Malaysia ini telah ditentang hebat oleh ulama Islam. Di Jeram, Selangor Ketua Qadiani di situ, iaitu Syed Abdul Rahman bin Syed Alwi, telah meminta Sultan Selangor mengadakan penyelidikan ke atas ajaran ini pada bulan Mei, 1951.

Pada 23hb. Julai 1951 satu majlis perbahasan telah diadakan di hadapan baginda di Istana Selangor, Kuala Lumpur. Pihak Qadiani diwakili oleh Mohd. Sadiq Barakatullah dan Mohd. Zuhdi Fadhlji. Pihak ulama Islam diwakili oleh Mahmud Zuhdi dan ulama di Pejabat Agama Islam Negeri Selangor.

Keputusan perbincangan ialah bahawa golongan Qadiani tidak diiktiraf sebagai golongan Islam, malah terkeluar dari Islam.

### Kedudukan Ahmadiyah/Qadiani

Sejak berlakunya dialog antara ketua Ahmadiyah/Qadiani dengan ulama-ulama tempatan yang berlangsung di hadapan Sultan Selangor dalam tahun 1951 itu, ajaran ini menjadi makin lemah dan tidak mempunyai pemimpin yang benar-benar dikenali. Lebih-lebih lagi kerana ajaran ini tidak diiktiraf sebagai ajaran Islam yang sebenar.

Dengan demikian ianya tidak dapat berkembang ke seluruh negara, cuma hidup di tempat yang ia telah lahir sebelum itu.

Mesyuarat Majlis Raja-Raja (negeri-negeri yang mengambil bahagian sahaja) yang tersebut telah mempersetujui pendapat Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia mengenai Puak Kadiyaniah/Ahmadiyah, selepas pindaan seperti berikut:-

"Puak Kadiyaniah/Ahmadiyah adalah puak yang terkeluar daripada Islam dan tidak boleh menikmati hak-hak sebagai seorang Islam termasuk perkebumian dalam tanah perkuburan Islam."

"Majlis (Negeri-Negeri yang mengambil bahagian sahaja) bersetuju satu kertas putih mengenai penyelewengan Puak Kadiyaniah/Ahmadiyah hendaklah dikeluarkan oleh Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam, Malaysia."



"Majlis (Negeri-Negeri yang mengambil bahagian sahaja) bersetuju iaitu Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam, Malaysia hendaklah mengambil tindakan berutus dengan Kerajaan-Kerajaan Negeri (yang mengambil bahagian sahaja) supaya pendapat-pendapat terkandung dalam keputusan-keputusan (i) dan (ii) diatas diisyiharkan oleh Kerajaan-Kerajaan Negeri itu."

Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam, Malaysia.

Majlis Agama Islam Singapura pula telah mengeluarkan fatwa seperti berikut:

Dalam perbincangan mengenai perkara ini, sebuah kitab bernama 'Anjam Atham' dalam bahasa Urdu-Arab, yang ditulis sendiri oleh Mirza Ghulam Ahmad, telah ditimbulkan. Inilah satu-satunya kitab yang diakui sah oleh pengikut-pengikut Ahmadiyah baik di Singapura maupun di Malaysia.

Mirza Ghulam Ahmad bukan sahaja seorang kafir murtad bahkan pengajarannya adalah sesat lagi menyesatkan. Antara hujah-hujah yang didasarkan kepada beberapa tulisan dalam kitab tersebut, nyatakan bahawa dia kafir dan sesat, umpamanya perkataan Mirza yang bermaksud:

1. "Wahai Ahmad (Mirza) sempurnalah namamu dan tidak pula sempurna nama-Ku (Allah)."
2. "Sesungguhnya Kami (Allah) telah menurunkan (Al-Quran) berdekatan dengan Qadian."
3. "Allah memuji engkau (Mirza) dari Arasy-Nya

dan Allah datang berjalan mengadapmu (Mirza)."

4. "Engkau (Mirza) dari mani Kami (Allah)."
5. "Seakan-akan Allah telah turun dari langit, nama-Nya Manuwel."
6. "Sesiapa jua manusia yang tidak beriman kepada-ku (Mirza) mereka semuanya kafir dan bakal penghuni neraka."

Selain daripada yang dinyatakan itu, masih banyak lagi perkataan dan pengakuan Ghulam Ahmad yang membuktikan bahawa dia telah kafir. Al'allamah Ash Shaikh Muhammad Anuar Al-Kashmiri dalam kitabnya *'Ikfarul Mulbidin'* menyatakan, ada 77 pengakuan Ghulam Ahmad yang kufur. Dalam pada itu pun ada juga satu pengakuannya yang terpenting sekali yang dapat dijadikan hujah untuk mengkafirkannya dan pengikutnya ialah pengakuan Mirza menjadi nabi dan rasul selepas Nabi Muhammad; ini sesudah terang-terang menyalahi Al-Quran dan sunnah Nabi juga ijma' ulama.

Hujah-hujah ini disokong oleh fatwa Mufti Johor yang termuat dalam kitabnya yang bernama '*Anwarul Quran Al-Mabiyati Li Zulhamati Mutanabbien Qadiyan*', penggal ketiga muka surat 1 hingga 4.

Berdasarkan kepercayaan Qadiani sebagaimana yang telah dibentangkan di atas tadi bahawa orang-orang Qadiani (Ahmadiyah) dan yang serupa dengannya adalah kafir dan sesat. Begitu juga fatwa-fatwa dari semua negara Islam, bahawa fahaman Ahmadiyah Qadiani adalah

<sup>23</sup> Lihat *Fatwa MUIS*, jld 1, fatwa 20.



terkeluar dari Islam. Mayat-mayat mereka tidak boleh ditanam di perkuburan orang-orang Islam<sup>23</sup>."

## AJARAN INGKAR SUNNAH

Ajaran Ingkar Sunnah bermaksud ajaran yang menafikan sunnah Rasulullah s.a.w sebagai sumber dan dasar hukum Islam atau mereka menerima Sunnah sebagai dasar hukum Islam tetapi menolak semua hadits yang ada sekarang ini atas dakwaan bahawa semuanya adalah palsu dan tidak boleh dipercayai.

Ajaran ini mula berkembang dengan pesat apabila Kassim Ahmad, penulis buku '*Hadits : Satu Penilaian Semula*' memaklumkan keyakinannya kepada umum bahawa sunnah yang ada adalah palsu dan orang Islam hanya cukup berpandukan Al-Quran bagi mengamalkan Islam.

Bagi mengetahui pandangan Islam mengenai ajaran ini, sila rujuk bab 4 di tajuk yang berkaitan penyelewengan sunnah.

Walau bagaimanapun di bawah ini disertakan Fatwa Majlis Agama Islam Singapura mengenai ajaran ini,

"Al-Hadits/As-Sunah adalah sesuatu yang datang dari Rasulullah s.a.w sama ada perkataan, perbuatan, persetujuan atau sifatnya. Banyak firman Allah yang menyuruh kita taatkan Allah dan Rasul-Nya.

Taat pada Rasulullah bererti wajib bagi kita menerima pengajaran Rasul dan hukum yang ditentukan dan dilarang kita mengingkarinya. Terdapat juga banyak ayat Al-Quran yang menerangkan bahawa Rasulullah telah diberi tugas untuk menjelaskan apa yang tidak nyata dari perintah-perintah Allah di dalam Al-Quran,

antaranya adalah Firman Allah yang bermaksud,

*"Hai orang-orang yang beriman! Taatlah kepada Allah dan taatlah kepada Rasul, dan orang yang memegang kekuasan dari kalangan kamu ... "(An-Nisa: 59)*

*"Dan siapa yang taat kepada Rasul itu (Muhammad), maka sesungguhnya dia telah taat kepada Allah dan siapa yang berpaling, maka Kami tidak mengutus engkau (Muhammad) untuk menjadi penjaga mereka." (An-Nisa: 80)*

*"Apakah yang diberikan oleh Rasul kepada kamu bendaklah kamu terima, dan apakah yang dilarang bendaklah kamu bentikkan." (Al-Hasyr: 7)*

*"Sebab itu, bendaklah mereka yang melanggar perintah Rasul itu berjaga-jaga bahwa mereka akan ditimpa fitnah atau ditimpa azab yang sangat pedih." (An-Nur: 63)*

*"Dan Kami turunkan kepada engkau (Muhammad) pengajaran (Quran) supaya engkau jelaskan/terangkan kepada manusia apa yang telah diturunkan kepada mereka" (An-Nahl: 44)*

*"Maka tidak! Demi Tuhan engkau, mereka tidak beriman sebingga mereka menjadikan engkau (Muhammad) hakim pada perkara-perkara yang mereka perselisihkan. Kemudian mereka tidak mendapati di dalam diri mereka sebarang keberatan untuk menerima apa yang telah engkau putuskan dan mereka patuh dengan sepenuhnya." (An-Nisa: 65)*

Ayat-ayat Al-Quran tadi adalah jelas menyuruh kita patuh kepada Nabi Muhammad s.a.w. Caranya ialah dengan menurut sunnahnya. Walaupun ada juga hadits yang kurang sahih,

<sup>24</sup> Lihat *Fatwa MUIIS*, jld 1, fatwa 44.

<sup>25</sup> Lihat halaman web Pusat Islam Malaysia di [www.islam.gov.my/scsat/BM](http://www.islam.gov.my/scsat/BM)



yang ditekankan di sini ialah mengikuti sunnah rasul. Sesungguhnya rasul itu tidak bercakap atau bertindak sesuka hatinya tanpa ilham dari Allah swt.

Ulama Islam tidak pernah berselisih dalam menerima as-Sunah sebagai sumber hukum syarak selepas Al-Quran.

Orang yang menolak As-Sunah ertinya menolak Al-Quran itu sendiri, kerana ia tidak percaya kepada sebahagian daripada Al-Quran. Ulama' Islam telah sepakat tentang hukumnya iaitu orang yang berbuat demikian adalah bukan dari golongan orang Islam. Mereka adalah orang kafir<sup>24</sup>."

Ingkar Sunnah / Anti-Hadits juga telah difatwakan sebagai haram, sesat dan murtad oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri<sup>25</sup>:

- Wilayah Persekutuan - 15 Jan 1996
- Selangor - 23 Nov 1995, Sel P.U. 46
- Melaka - 29 Feb 1996, No 78
- Negeri Sembilan - 5 Jan 1996, N.S.P.U. 3

## CONTOH-CONTOH AJARAN YANG MENYELEWENG YANG DITEMUI

### a. Berkaitan Dengan Dua Kalimah Shahadah

Dalam buku *Hakikat Insan*<sup>26</sup> tertulis

أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ  
Adapun kalimah dinamakan Syuhadat Tauhid, sebab di dalam kalimah tersebutlah kita bersaksi dengan sepenuh

<sup>26</sup> Haji Ahmad Laksamana bin Omar, *Hakikat Insan*, cetakan pertama, Kota Bahru, 1985.

rasa bahawa tiada yang lain hanya Allah semata-mata tiada sekutu baginya di dalam segala-gala hal dan tiada sesuatu pun yang bercampur aduk dengannya kecuali Dia sedia-dia. Oleh itulah kita bersaksi dengan diri kita sendiri tiada yang nyata pada kita hanya Allah semata, kita nafi tubuh kita dan kita isbatkannya kepada nyatanya Allah semata-mata (diri batin kita).

Adapun kalimah **أَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّداً رَسُولُ اللَّهِ** itu dinamakan Syuhadat Rasul. Sebab pada kalimah ini kita melafazkan bersaksi bahawa yang menyampaikan dan menanggung diri rahsia Allah adalah **محمد** iaitu diri zahir kita dan dengan melafazkan kalimah tersebut maka berikrar dan bersaksilah kita dengan diri kita sendiri bahawa diri zahir kita tetap akan menanggung rahsia Allah dan akan menjaganya buat selama-lama.

Adapun hakikat ketuhanan itu adalah diri batin kita (Rohani) dan hakikat kerasulan itu adalah diri zahir kita (Jasmani). Diri batin adalah sebenar-benar diri yang menyatakan rahsia Tuhan dan untuk menyatakan diri rahsia Allah tersebut adalah diri zahir kita. Jadi diri zahir kita lah, yang menyatakan rahsia ketuhanan Allah s.w.t. Oleh yang demikianlah diri zahir kita ini digelar Hakikat Rasul.

Bila kita melafazkan kalimah

**لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ**

Maknanya

*"Tiada nyata banya Allah"*

Dari sini jelaslah kalimah

**لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ**

Itu sudahlah terang bagi menyatakan tentang diri



batin kita. Bila sahaja kita lafazkan kalimah tersebut dengan jelas kita memperakui dengan sesungguhnya, bahawasanya "Tiada nyata hanya Allah" dialah rahsia Allah yang dikandung oleh tubuh zahir kita.

Adapun kalimah:-

**مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ**

Pula pada menyatakan diri kasar kita kerana hakikat bentuk manusia itu berhakikat dengan huruf "Muhammad".

Justeru itu bila kita melafazkan kalimah.

**أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَشْهَدُ أَنْ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ**  
maka kalimah yang telah dilafazkan itu adalah meliputi pada menyatakan diri batin dan diri zahir kita (Rohani dan Jasmani) iaitu kita menyaksikan bahawa yang dikandung oleh diri kasar kita ini adalah diri rahsia Allah s.w.t. dan diri kasar inilah merupakan sarongnya.

Seperti firman Allah s.w.t. di dalam hadits Qudsi:-

**الإِنْسَانُ سِرِّيُّ وَكَانَ سِرِّهُ**

Ertinya:-

"Manusia itu adalah rahsiaKu dan Akulah rabsianya."

Allah s.w.t. mengurniakan manusia untuk memegang dan bertanggungjawab terhadap rahsiaNya yang ditanggung oleh manusia itulah Allah s.w.t. telah memberi satu penghormatan besar terhadap kejadian manusia Al-Quran.

Kejadian manusia adalah satu-satu kejadian yang paling rapi. Elok tersusun pada zahir dan batin.

Duduk kemuliaan manusia adalah kerana manusialah sahaja kejadian Allah yang sanggup memegang rahsiaNya. Sedangkan sebelumnya Allah s.w.t. sendiri pernah menawarkan rahsia ini kepada langit, bumi, bukit bukau untuk menanggungnya. Tetapi semuanya makhluk kejadian tersebut tidak mempunyai kesanggupan untuk menanggungnya.

Seperti firman Allah di dalam Al-Quran:

Ertinya:-

*"Sesungguhnya rabsia Aku ini pernahKu tawarkan kepada langit, bumi gunung ganang tetapi mereka enggan menerimanya kerana takut mengabaikannya tetapi yang sanggup menerima adalah manusia."*

Dari itu bila kita mengucap:

اَشْهُدُ اَنْ لَا إِلَهَ اِلَّا اللَّهُ وَأَشْهُدُ اَنْ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ  
maka bererti kita bersaksi dengan diri kita sendiri bahawa tiada yang nyata pada diri kita hanya Allah semata-mata dan tubuh zahir kita adalah tukang penyata pada rahsia Allah semata-mata.

Di samping itu diingatkan bahawa kalimah tauhid ini juga mengandungi 24 huruf semuanya bagi menandakan kehidupan manusia adalah 24 jam dalam sehari semalam, 12 jam siang dan 12 jam malam<sup>27</sup>.

Bermula ﴿ tu adalah martabat zat semata-mata atau bolehlah dinamakan juga martabat لَائِقٌ pada peringkat ini belum awal, belum akhir, belum jadi matahari dan belum jadi sesuatupun. Ghaibul ghuyub غائب الغيوب

<sup>27</sup> Haji Ahmad Laksamana bin Omar, *Hakikat Insan*, ms 105.



makamnya adalah pada makam sir مقام الیسر atau rahsia semata-mata.

Pada martabat لَكْعَبَانْ اَحَدَهُ ini alam adalah dan dirinya adalah diri sendiri.

Syariatnya adalah pada lidah.

Bermula الله itu letaknya pada martabat sifat ataupun dinamakan juga martabat لَكْعَبَانْ اُولَى iaitu sabit nyata awal. Martabat ini juga pernah dipanggil martabat "Noktah Satu".

Pada peringkatnya ini, makamnya adalah kalbi قلب". Alam di martabat ini adalah alam "واحدة". Adapun diri pada martabat ini adalah diri Terdiri.

### Hakikat Pada Kalbi

Adapun "الله" itu letaknya pada martabat Asma' "اسْمَاءٍ" atau ianya juga disebut sebagai martabat لَكْعَبَانْ ثَانِي atau sabit nyata kedua. Ianya juga biasa digelar sebagai martabat Noktah Dua.

Pada peringkat ini makamnya adalah zikir. Manakala alamnya adalah alam "واحدية".

Di samping itu perlu ditegaskan diri pada martabat ini adalah Diri Tajalli dan Tarikatnya adalah zikir.

Adapun "الله" itu dinamakan dia martabat Afaal "افعال". Ianya juga dinamakan martabat "Alif" atau martabat "Insanul Kamil". انسان كامل Makamnya pada peringkat ini adalah makam anggota rahsia (diri rahsia).

Dan alamnya pada martabat ini adalah alam Insan

"علم انسان" manakala dirinya adalah diri Terperinci sedangkan makrifatnya adalah anggota rahsia. (diri batin manusia).

### Hakikat Huruf "Muhammad"

Adapun perkataan "محمد" itu terdiri daripada empat huruf iaitu "Mim Ha Mim Dal" (م ح م د). Adapun huruf "م" yang pertama itu adalah kepala kita. Huruf "ح" itu adalah hakikat dada kita, huruf "ه" kedua itu adalah hakikat pusat kita dan "د" itu adalah hakikat kaki kita dan sayugia diingatkan bahawa hakikat "محمد" itu adalah diri kasar kita.

### Hakikat huruf "Rasul".

Adapun hakikat perkataan "رسول" itu adalah hakikat nyawa kita yang menjadi penyambung rahsia di antara jasmani dengan rohani.


Bermula huruf rasul itu mengandungi empat huruf "Ra Sin Wau Lam" (ر س و ل). Adapun huruf "ر" itu adalah hakikat nafas "نفس". Huruf "س" itu adalah hakikat Ampas "النفاس". Huruf "و" itu adalah hakikat Tanapas "تنفاس" dan huruf "ل" itu adalah hakikat Nupus "نوفس". Perlu ditegaskan di sini bahawa nyawa itu dijadikan dari Jauhar Basita dan ianya terbahagi kepada 4 peringkat:

1. Nafas
2. Ampas
3. Tanapas
4. Nupus<sup>28</sup>

Seterusnya tertulis di dalam buku Hakikat Insan<sup>29</sup>

<sup>28</sup> Haji Ahmad Laksamana bin Omar, *Hakikat Insan*, ss 119 - 121.

<sup>29</sup> Haji Ahmad Laksamana bin Omar, *Hakikat Insan*, ms 93 - 95.



"Di sini terang dan jelaslah bahawa kalimah penting itu dilafazkan oleh kita bagi tujuan supaya kita menilik diri kita dengan mata hati kita bahawa akulah yang membawa rahsia Allah dan kita tilik dengan mata zahir dan batin kita bahawa kita adalah Allah semata-mata, tiada sesuatu pada kita hanya Allah semata-mata..."

Di sini terang dan jelaslah bahawa kalimah penting itu dilafazkan oleh kita bagi tujuan supaya kita menilik diri kita dengan mata hati kita bahawa akulah yang membawa rahsia Allah dan kita tilik dengan mata zahir dan batin kita bahawa kita adalah Allah semata-mata tiada sesuatu pada kita hanya Allah semata-mata."

Ditulis juga dalam buku *Hakikat Insan*<sup>30</sup>

Dan sayugia diingatkan bahawa kenyataan yang dinyatakan diatas bukanlah sekali-kali kita boleh beriktikad bahawa Allah s.w.t. itu duduk di dalam diri kita. Jika kita beranggapan begitu maka kafir jadinya dan keadaan yang diterangkan diatas juga bukan sekali-kali boleh beriktikad bahawa diri batin kita (roh) itu Tuhan dan bertuhankan diri. Jika berbuat demikian kafir pula jadinya.

Mengenai dua kalimah syahadah, ada ajaran pula yang menyatakan:

"**لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ**" itu terdiri dari dua belas huruf iaitu;

*Lam* bermaksud Allah

*Alif* bermaksud Kehendak

*Alif* bermaksud Hidup

*Lam* bermaksud Puji

*Ha* bermaksud Kasih

<sup>30</sup> Haji Ahmad Laksamana bin Omar, *Hakikat Insan*, ms 94

*Alif* bermaksud Anugerahi  
*Lam* bermaksud Isi  
*Alif* bermaksud Hati  
*Alif* bermaksud Gerak  
*Lam* bermaksud Kitabullah  
*Lam* bermaksud Ujud  
*Ha* bermaksud Zat Allah

Huraiannya ialah Allah itu kehendak, Kehendak itu hidup, hidup itu puji, puji itu kasih, kasih itu anugerahi, anugerah itu isi, isi itu hati, hati itu gerak, gerak itu dinamai Kitabullah, Kitabullah itu huruf, huruf itu ujud dan ujud itu zat Allah.

### b. Pengertian Islam

Di dalam buku *Hakikat Insan*<sup>31</sup> ditulis

"Bermula "ا" itu mengandungi empat huruf yang masing-masing mempunyai makna yang lain dan bersambung di antara satu dengan lain. Huruf-huruf tersebut ialah "Alif Sin Lam Alif Mim". (ا س ل ا م )".

Adapun "ا" itu mengisyaratkan kepada "الله" dan "س" itu mengisyaratkan kepada "سلام" dan huruf "ل" itu mengisyaratkan kepada syuhadat tauhid iaitu "لِإِلَهٍ إِلَّا اللَّهُ" dan huruf "م" itu mengisyaratkan kepada syuhadat rasul iaitu "محمد رسول الله".

Maka jika dirangkaikan berbunyi "Islam" ialah:

اللَّهُ سَلَامٌ لَا إِلَهٌ إِلَّا اللَّهُ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ  
 "Allabu salamu lailaha illabu Mubammadurrasulullah".

<sup>31</sup> Haji Ahmad Laksamana bin Omar, *Hakikat Insan*, ms 66 - 73.



Dengan pengertian kasar adalah: "Allah menyelamatkan mereka yang berkata *Lailabai'llallah Muhammadrusulullah*", iaitu orang yang mengaku Allah adalah Tuhan dan Nabi Muhammad itu Rasul Allah.

Dalam konteks kedua-dua huruf Islam "اسلام" dalam bahasa Arab itu mengandungi 5 huruf iaitu "Alif Sin Lam Alif Mim" (ا س ل ا م).

Bermula "Alif" itu mengisyaratkan kepada "Allah" iaitu:

قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ \* اللَّهُ الصَّمَدُ \* لَمْ يَكُنْ لَّهُ كُفُولٌ \*  
وَلَمْ يَكُنْ لَّهُ شَفِيعٌ \*

"Katakanlah Allah itu Esa. Allah menunaikan hajat. Ia tidak beranak dan tidak diperanakkan. Dan tiada bagiNya sekutu apa pun juga."

Dimana ianya meliputi martabat Ahdah, Wahdah, Wahdiah, alam roh, alam Misal, alam Ihsan dan alam Insan. Dialah Tuhan yang memerintah dunia dan akhirat dan Dialah diri Empunya Diri yang memberi tanggungjawab kepada manusia memikul akan rahsiaNya (amanahNya).

Bermula huruf "Sin" itu adalah mengisyaratkan kepada "Salam" iaitu selamat di dunia dan akhirat. Seperti firman Allah di dalam Al-Quran:

وَالسَّلَامُ عَلَيْهِ يَوْمَ وُلْدَةِ وَيَوْمَ يَمُوتُ وَيَوْمَ يُبَعْثَ حَيَا

"Selamat (kesejahteraan) atas dirinya pada bari ia dilahirkan dan pada bari ia meninggal dan pada bari ia dibangkitkan (hidup kembali)."

Surah Maryam : ayat 15

Dan bermula huruf "ل" pada "لَّا" itu adalah membawa makna kepada "اللطيف" iaitu liut

(lemah lembut) dan terkandunglah ia di dalam "أَمْ" iaitu

الله لطيف محيط

Ertinya:

"Allah itu lut (lemah lembut) dan sangat hampir(tidak boleh dipisahkan)"

Adapun huruf "ل" pada huruf "لـ" itu mengisyiharkan kepada "آدَم" (Adam) iaitu bapa sekalian jasad.

Di mana Adam dan anak cucunya yang menanggung rahsia Allah ini akan diuji kesetiaan sumpah janji dengan ujian iblis, syaitan dan kuncu-kuncunya. Mereka harus tahan diuji jika mahu menjadi pemegang amanah yang sejati dan khalifah Allah di alam maya ini.

Seperti firman Allah di dalam Al-Quran:-

وَإِذْ قُلْنَا لِلْمَلَائِكَةَ اسْجُدُوا لِآدَمَ فَسَجَدُوا إِلَّا إِبْرِيلُسَ

"Dan ingatlah, Kami berfirman kepada malaikat supaya sujud kepada Adam, maka sujudlah mereka kecuali iblis"  
(Surah Al-Baqarah:34)

Dan firman Allah lagi:

أَلَّا أَعْهَدَ إِلَيْكُمْ بَنِي آدَمَ أَنْ لَا تَعْبُدُوا الشَّيْطَانَ  
إِنَّهُ لَكُمْ عَذُولُمُّينَ

"Bukan Aku telah memerintah kepada kamu bai Bani Adam supaya kamu tidak mematubi kehendak syaitan. Sesungguhnya syaitan itu adalah musuh yang nyata"  
(Surah Yasin :60)

Dan firman Allah lagi:



## لَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَنَ فِي كُلِّ

"Sesungguhnya Aku jadikan manusia itu adalah untuk diuji (susah payah)" (Surah Al-Balad : ayat 4)

Dan bermula huruf "م" itu mengisyaratkan kepada "محمد" iaitu Muhammad (bapa roh) kerana setiap yang ada dan wujud ini adalah daripada "نُورٌ مُّهَمَّدٌ" yang ditajallikan dari alam "غَيْوَبٌ الْغَيْوَبِ".

Seperti firman Allah di dalam Al-Quran, surah Al-Hadid, ayat 3.

وَهُوَ بِكُلِّ شَفَاعٍ عَلَيْهِ

Iaitu pada menyatakan "أَوَّلُ مُحَمَّدٌ", "بَاطِنُ مُحَمَّدٌ" dan "ظَاهِرُ مُحَمَّدٌ", "آخِرُ مُحَمَّدٌ".

Di samping itu untuk menjadi contoh atau model segala corak hidup yang direhui oleh Allah s.w.t. adalah cara kehidupan Nabi Muhammad s.a.w. Seperti firman Allah s.w.t.

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ

"TidakKu utuskan engkau (Muhammad) kecuali untuk membawa rahmat kepada sekalian alam" (Surah: Al-Anbiyyaa' : ayat 107)

Dialah contoh yang harus diikuti oleh manusia, jika keredhaan Allah hendak dicapai."

### c. Pengertian Iman

Rujuk bahagian lampiran buku ini. Rajah menerangkan Iman dari buku Hakikat Insan<sup>32</sup>.

<sup>32</sup> Haji Ahmad Laksamana bin Omar, *Hakikat Insan*, ms 77 - 78.



#### d. Pengertian Makrifat

Rujuk bahagian lampiran buku ini. Rajah yang ditunjukkan<sup>33</sup>.

#### e. Penerangan Nama Allah

Rujuk bahagian lampiran buku ini. Rajah yang ditunjukkan<sup>34</sup>.

#### f. Hakikat Sembahyang

"Adapun hakikat sembahyang itu adalah berdiri menyaksikan diri sendiri. Sembahyang untuk bersaksikan dengan diri kita sendiri bahawa tiada yang nyata pada kita adalah "Allah" (diri batin) dan "Muhammad" itu adalah diri zahir kita yang membawa dari menanggung rahsia Allah s.w.t.

Adapun hakikat sembahyang itu terkandung di dalam Al-Fatihah iaitu pada perkataan "الْحَمْدُ لِلّٰهِ" kerana sembahyang yang diterima oleh Rasulullah ketika Isra' dan Mi'raj itu berhakikatkan perkataan "الْحَمْدُ لِلّٰهِ", kerana mengambil sempena akan hakikat perkataan pertama lembaga Adam (a.s.) setelah Jibrail memasukkan roh (diri batin) Adam. Di mana apabila sahaja roh tersebut sampai ketahap dada lembaga Adam pun terus cuba berdiri dan bersin dengan disertakan kata "الْحَمْدُ لِلّٰهِ".

Ertinya:-

Pujaan terhadap Allah dan di atas asas tersebutlah Nabi Besar Muhammad (s.a.w.) menerima sembahyang dari Tuhanya berdasarkan **الْحَمْدُ لِلّٰهِ**.

<sup>33</sup> Haji Ahmad Laksamana bin Omar, *Hakikat Insan*, ms 84.

<sup>34</sup> Haji Ahmad Laksamana bin Omar, *Hakikat Insan*, ms 114 - 115.



Adapun hakikat sembahyang sesuguhnya berhakikat "الحمد". Bermula huruf "ا" itu adalah hakikat niat sembahyang kita. Huruf "ل" itu adalah hakikat berdiri. Huruf "ح" itu adalah hakikat rukuk dan "س" itu adalah hakikat sujud dan "د" itu adalah hakikat duduk di antara dua sujud sebab itulah sembahyang kita tidak mempunyai persamaan dengan sembahyang agama-agama lain.

Adapun perkataan "الحمد" ertiinya memuji, apa yang dipuja adalah zat, sifat, asma' dan apaal Allah s.w.t.

Sebagai firman Allah di dalam Hadits Qudsi:-

*"Manusia itu adalah rabsiaKu dan Akulah rabsianya"*

Perkataan pertama di dalam pemujaan dan pujian kita di dalam sembahyang adalah dengan kita berkata "الله أكْبَرُ" iaitu di dalam Takbir-atul-ihram. Kita berkata demikian kerana mengambil sempena kata-kata manusia pertama Adam (a.s.) di kala sempurnanya roh "Ruh Rabbani". diri rahsia Allah dimasukkan ke dalam tubuh lembaganya. Lantas Adam pun berdiri menilik dirinya yang elok dan terus baginda berkata "الله أكْبَرُ".

Adapun hakikat rukun sembahyang itu adalah 13 perkara. Iaitu kerana mengambil sempena hakikat sendi besar manusia yang bergerak dan membolehkan manusia membuat kerja dan sebagainya.

Sendi-sendi tersebut adalah seperti berikut: -

1. Sendi tengkok
2. Sendi bahu kanan

3. Sendi lengan kanan
4. Sendi tangan kanan
5. Sendi bahu kiri
6. Sendi lengan kiri
7. Sendi tangan kiri
8. Sendi paha kanan
9. Sendi paha kiri
10. Sendi lutut kanan
11. Sendi kaki kanan
12. Sendi lutut kiri dan
13. Sendi kaki kiri

Adapun hakikat kenapa 17 rakaat sembahyang lima waktu sehari semalam kerana mengambil sempena dengan lima perkara. Iaitu "هُوَيْ، اَدَمْ، مُحَمَّدْ، اللَّهْ، اَهْ"

Adapun perkara "اه" itu mengandungi 2 huruf menandakan sembahyang Subuh.


Perkataan "الله" itu mengisyaratkan kepada sembahyang Zohor. Perkataan "محمد" itu mengisyaratkan sembahyang Asar. Perkataan "Adam" itu mengisyaratkan sembahyang Maghrib, dan perkataan "هُوَيْ" itu adalah mengisyaratkan sembahyang Isyak.

Bermula sembahyang Subuh itu dua rakaat sebab tabiat sesuatu itu adalah dengan dua perkara iaitu Zat dan Sifat.

Sembahyang Zuhur 4 rakaat sebab Tajalli "تَجَلِّي" Allah itu dengan perkara iaitu...

Sembahyang Asar 4 rakaat sebab Tajalli hamba itu dengan 4 perkara iaitu tanah, air, api dan angin.

Sembahyang Maghrib itu 3 rakaat sebab Tajalli



Tuhan itu dengan 3 perkara iaitu "اَحَدٌ" "وَحْدَةٌ"  
dan "وَحْدَيْةٌ".

Sembahyang Isyak itu 4 rakaat sebab Tajalli  
hamba itu dengan 4 perkara iaitu "وَادِيٌّ", "دِيٌّ",  
"مَنْيَكُمْ" dan "مَانِيْكُمْ"<sup>35</sup>.

Mengenai sembahyang, di dalam nota ajaran bernama Hak Aku<sup>36</sup>  
tertulis pula:

### "TAJALLI WAKTU"

Ini bab pada menyatakan asal tajalli waktu kalam  
Nabi s.a.w.

Maka sabda Nabi s.a.w.

"Ketahuilah olehmu hai Talib asal tajalli waktu.  
Maka sabda Rasulullah kepada Abu Bakar dan  
Umar dari Osman dan Ali r.a., maka sabda  
Rasulullah s.a.w. "Barang siapa mengetahui tajalli  
waktu itu maka sempurnalah sembahyang dan  
makrifatnya dan inilah yang dinamai asal fardu  
itu dua raka'at kerana ta'in itu dua perkara  
pertama zat kedua sifat". Maka sembah baginda  
Ali, "Ya Junjunganku apa sebab waktu zuhur itu  
empat raka'at?" Pertama ujud, kedua ilmu, ketiga  
Nur, keempat suhud. Maka sembah Ali, "Ya  
Junjunganku apa sebab waktu Asar empat  
raka'at?" Kerana Tajalli hamba itu empat perkara:  
Pertama air, kedua api, ketiga tanah dan keempat  
angin. Maka sembah baginda Ali, "Ya  
Junjunganku apa sebab Maghrib itu tiga raka'at?"  
Maka sabda Rasulullah s.a.w. "Ya Ali, waktu  
maghrib tiga raka'at sebab tajalli Allah itu tiga

<sup>35</sup> Haji Ahmad Laksamana bin Omar, *Hakikat Insan*, ms 143 - 145.

<sup>36</sup> Nota ajaran sesat yang diserahkan kepada PERDAUS.

perkara. Pertama Ahdiyat ertinya zat, kedua wahdat ertinya sifat, ketiga wahdiyat ertinya af'al". Maka sembah baginda Ali, "Ya Rasulullah apa sebab waktu Isyak itu empat raka'at?" Maka sabda Rasulullah, "Kerana Tajalli hamba itu empat perkara. Pertama Wadi, kedua mazi, ketiga mani, keempat maknikam. Adapun wadi itu menjadi darah dan mazi itu menjadi daging dan mani itu menjadi aurat dan maknikam itu menjadi cahaya".

Adapun perbuatannya sembahyang empat perkara.. Kiamu yakni berdiri betul, kedua rukun yakni tunduk, ketiga sujud yakni mencengkur dan keempat duduk yakni tetap. Maka kiamu itu peel api dan rukun itu angin dan sujud itu af'al air dan duduk itu af'al tanah. Adapun waktu yang lima itu keluar daripada huruf, maka adalah waktu yang lima itu keluar daripada huruf Alham(du). Maka waktu zuhur itu keluar daripada huruf "Alif" dan waktu Asar itu keluar daripada huruf "Lam" dan waktu Maghrib itu keluar daripada huruf "Ha" dan waktu Isyak itu keluar daripada huruf "Mim" dan waktu Subuh itu keluar daripada huruf "Dal".

Adapun waktu Zuhur itu dan waktu Asar itu disucikan... bacaannya dan waktu Maghrib dan waktu Isyak dan Subuh itu dinyaringkan bacaannya ialah kerana huruf Alif dan huruf Lam itu keluar daripada lafas namanya Allah s.w.t kerana bahawasanya Allah s.w.t itu tiada berlain kerana ia batin dan sebab itulah sembahyang, Zuhur itu disucikan adapun waktu yang ketiga itu sebab dinyaringkan kerana keluar huruf Ha dan Mim dan Dal itu kerana huruf Ahmad itu puhan Ta'in. Inilah menyatakan Zat Allah dan Sifat Allah.



Adapun sekelian Ta'in itu menzahirkan tanda ada Allah S.w.t. Itulah nyata daripada sebabnya maka tiga waktu dinyaringkan kemudian disucikan pula dan segala Ta'in itu daripada Ta'in juga adanya ... Maka kembalikan pula kepada Ta'in juga seperti hundur Rahmat Illahi. Ka-makan ertinya dahulu pun adanya sekarang pun adanya. Jika dahulu pun tiada berta'in maka sekarang pun tiada berta'in kerana zahir itu kembali kepada batin. Maka pertama dinyaringkan, kemudian dibunyikan pula.

Maka barangsiapa tahu akan hakikat sembahyangnya, ketahui olehnya kiblat sembahyang tiga perkara. Pertama kiblat tubuh Kaabah Allah. Maka hendaklah segala orang Islam itu sembahyang mengadap kiblat itu tiada sah sembahyangnya. Maka hendaklah kita hadapkan dada kita itu kepada Kaabah Allah yakni segala uratnya dan dagingnya dan darahnya dan ruhnya sekelian hendaklah dihadapkan kepada Kaabah Allah kerana difardukan Allah s.w.t. Segala orang Islam itu mengadap Kaabah Allah itu maka sahlah sembahyangnya. Adapun kiblat hati kepada Tuhan Kaabah Allah. Adapun kiblat nyawa itu kepada rahsia maka bahwasanya Allah s.w.t itu tiada pada Kaabah Allah dan tiada kiri dan tiada ia kanan dan tiada ia dihadapan dan tiada dibelakang dan tiada ia diatas dan tiada ia di bawah, boleh ditentukan dengan suatu tempat tetapi meliputi sekelian "Alhamdu" ertinya Isak Allah s.w.t meliputi sekelian alam seperti firman Allah s.w.t di dalam Al-Quran:

Wallah muhitun minal alamin.

Ertinya "Allah juga meliputinya sekelian alam."

### **g. Martabat Tujuh & Hakikat Kejadian Manusia**

Martabat Tujuh adalah ajaran yang menyatakan bahawa kejadian alam dan manusia adalah hasil limpahan atau tajalli Allah s.w.t yang berlaku sebanyak tujuh tahap, proses, martabat atau maqam.

Ajaran ini wujud dalam banyak ajaran-jaran yang menyeleweng yang berselindungkan ajaran tarikat dan tasawuf.

Bahaya ajaran ini ialah ia menimbulkan syubhat bahawa alam dan manusia ini adalah sebahagian dari zat Allah s.w.t. Oleh itu untuk mencapai makrifat dan hakikat ia perlulah mempertingkatkan dirinya sehingga mampu untuk kembali kepada Allah dan fana' atau hulul 'serap' bersama Allah s.w.t.

Ajaran ini juga menimbulkan syubhat bahawa dalam diri manusia ada unsur zat Allah s.w.t dan ia boleh bergabung dengan Allah s.w.t apabila mencapai kesempurnaan.

Rujuk ulasan buku '*Hakikat Insan*', '*Ad-Dur An-Nafis*' dan '*Kamarul Huda*'.

### **h. Penerangan mengenai huruf-huruf Arab**

Pengenalan hak-hak huruf dari Alif hingga Ya<sup>37</sup>:

Huruf	Erti	Huraian
Alif	Diri	Allah jadikan alam dunia ini untuk
Ba	Benih	mengetahui hak-hak Allah dalam dunia
Ta	Taat	jadikan diri kita umat Islam dan
Tsa	Pengakuan	beriman kepada Allah ikut perjalanan Nabi Muhammad

<sup>37</sup> Dipetik dari sebuah nota ajaran sesat yang dilaporkan pada PERDAUS.


Jim Ha Kha Dal	Perjalanan Ahmad Faham Sujud	Allah bagi kita perjalanan dalam dunia ini ikut perjalanan Nabi Muhammad supaya kita faham untuk sujud kepada Allah selagi hidup hak berbuat kita bekal mati
Dzal Ra Zai Sin	Zaman Rahmat Zalim Suara	Allah jadikan kita zaman kecil dahulu banyak rahmat yang kita rasakan dan janganlah sudah besar kita menjadi zalim pada suara kita nanti
Syin Sod Dhod To	Saat Solih Da'if Tamak	Allah jadikan hari siang dan malam adalah daripada saat yang kita kejar waktu soleh jangan kurang ibadat kita pada Allah jadi kita tidak daif di akhirat nanti. Biarlah kita tamak hak perjalanan Rasulullah punya sunatnya itu tidak menjadi apa-apa.
Dzo Ain Ghain Fa'	Tahif (Zahir) Anggota Ghaib Fana'	Allah berikan tahif (zahir) ini kepada Nabi Muhammad yang punya anggota berbeza daripada makhluk yang lain Allah ciptakan dan dialah satu-satunya yang mendapat kuasa ghaib berserta dapat memfana'kan hak Allah
Qaf Kaf Lam Mim	Al-Quran Rangka Allah Mukmin	Allah jadikan Nabi Adam dalam tubuh dialah hak Al-Quran serta rangkanya dengan huruf-huruf Allah pada mereka orang yang pertama sekali mukmin kepada Allah
Nun Wau Ha Lam alif	Nazran Umat Hamilan Allah dengan diri kita	Allah jadikan kita dengan "anazaran" Nabi Adam jadilah satu umat yalah Siti Hawa dalam hamilan Nabi Adam Allah dan Hawa berserta ada pada diri kita semuanya.

Di dalam sebuah nota yang bernama Seri Manikam<sup>38</sup> ditulis pula

Faedah-faedah huruf yang ada dalam diri kita:

Alif	Urat Putihku yang tiada berdarah	Nabi Adam a.s.
Be	Benihku Mustika Muhammad Tulang Saibi	Siti Hawa a.s.
Te	Kedua-dua keningku	Nabinya Yusuf a.s
Tha	Jantungnya	Nabinya Tab a.s
Jim	Tulangku	Nabinya Yakob a.s
Ha	Dadaku	Nabinya Harun a.s
Kha	Halkomku	Nabinya Ishak a.s
Dal	Dahiku	Nabinya Ayub a.s
Zal	Tengkokku	Nabinya Hud a.s
Ra	Tulang rusokku	Nabinya Elias a.s
Zai	Bulu Romaku	Nabinya Dzulkifli a.s
Sin	Kuku-kuku semuanya	Nabinya Alisak a.s
Syin	Batang leherku	Nabinya Tupsir Dzulkarnain a.s
Sad	Mempedu	Nabinya Yusak a.s
Dhad	Anak tekakkku	Nabinya Daud a.s

<sup>38</sup> Dipetik dari sebuah nota ajaran sesat yang dilaporkan pada PERDAUS.



Thaa	Kulitku	Nabinya Eunus a.s
Zha	Dagingku	Nabinya Ismail a.s
A'in	Rambutku	Nabinya Sri Tawakal Ibrahim a.s
Ghain	Darahku	Nabinya Talut a.s
Fa	Pusatku	Nabinya Nuh a.s
Kaf	Susuku, tetekku kedua	Nabinya Yahya a.s
Qaf	Limpaku	Nabinya Zakariah a.s
Lam	Lidahku	Nabinya Musa a.s
Mim	Mataku kedua	Nabinya Idris a.s
Nun	Ubonku	Nabinya Muhammadinil Mustafa s.a.w
Waw	Otakku	Nabinya Seth a.s
Haa	Hatiku	Nabinya Hidir a.s
Lam alif	Rohku	Nabinya Isa a.s
Hamzah	Shahwatku	Nabinya Sulaiman a.s
Ya	Mani manikam	Embun setitik embun sejati

## i. Nur Muhammad

Di dalam buku *Hakikat Insan* telah ditulis,

Sesungguhnya 'Nur Muhammad' itu adalah dari 'Nur Allah' yang ditajalli dengan empat anasir iaitu 'Shuhud' - 'Nur'- 'Ilmu' - 'Wujud' dan Adam itu dari 'Nur Muhammad' yang ditajalli dengan empat anasir iaitu Tanah Nuruni, Angin Nuruni, Air Nuruni dan Api dan bermula manusia itu adalah daripada Adam dengan ditajallikan dengan empat perkara juga iaitu 'Di', 'Wadi', 'Mani' dan 'Manikam'<sup>39</sup>

## j. Penjelasan Mengenai Al-Fatihah

Di dalam sebuah nota ajaran sesat ditemui ajaran berikut

Penerangan tersirat dari ayat Al-Fatihah<sup>40</sup>

Bismillah	Menemui ia akan dirinya
Ar-Rahman	Ya Muhammad Engkau jua keadaanku
Ar-Rahim	Ya Muhammad engkau kekasih ku tiada lain dari padamu
Al-Hamdulillah	Ya Muhammad yang sembahyangmu ganti sembahyangku tempat aku memuji diriku
Rabbil Alamin	Ya Muhammad aku tuhan sekalian alam
Ar-Rahmanir Rahim	Ya Muhammad aku membaca Al-Fatihah aku yang memuji pun aku

<sup>39</sup> Haji Ahmad Laksamana bin Omar, *Hakikat Insan*, ms 145

<sup>40</sup> Dipetik dari nota *Tarikatul Islam* dalam simpanan PERDAUIS. Lihat juga Hj. Abdullah Hj. Abd Wahab, *Tentangan Dan Cabaran Kepada Islam Sepanjang Zaman*, ms : 74 bagi perbandingan.



Maliki yaumiddin	Ya Muhammad akulah raja yang maha besar engkaulah kerajaanku
Iyyaka na'budu	Ya Muhammad yang sembahyang itu aku memuji akan diriku
Wa iyyaka nastā'in	Ya Muhammad tiada kenyataanku jika tiada engkau kerana engkau kenyataanku
Ihdinas Siratal Mustaqim	Ya Muhammad yang awal dan yang akhir dan keadaanmu itu keadaanku
Siratallazina An'amta Alaihim	Ya Muhammad sebab pun aku sukakanmu kerana aku murahkanmu
Chairil Maghdubi Alaihim	Ya Muhammad kerana aku murah kepada mu engkau kekasihku kepada aku
Walad Dhalin	Ya Muhammad jika tiada aku tiadamu
Amin	Ya Muhammad rahsiaku, rahsiamu

Terdapat juga ajaran yang menyatakan bahawa ayat Al-Fatiyah menyatakan sembilan nabi<sup>41</sup>

Al-Hamdulillah Rabbil Alamin	Kepada Nabi Adam
Ar-Rahmanir Rahim	Kepada Nabi Daud
Maliki yaumiddin	Kepada Nabi Sulaiman

<sup>41</sup> Hj. Abdullah Hj. Abd Wahab, *Tentangan Dan Cabaran Kepada Islam Sepanjang Zaman*, ms : 75 - 76.

Iyyaka na'budu	Kepada Nabi Ibrahim
Wa iyyaka nastā'in	Kepada Nabi Ayub
Ihdinas Siratal Mustaqim	Kepada Nabi Yakub
Siratallazzina An'amta Alaihim	Kepada Nabi Musa
Ghairil Maghdubi Alaihim	Kepada Nabi Isa
Walad Dhalin	Kepada Nabi Muhammad

Terdapat juga ajaran yang menyatakan bahawa ayat Al-Fatiyah yang ada dalam tubuh Nabi Muhammad s.a.w<sup>42</sup>

Al-Hamdu	Badan Muhammad
Lillah	Hati Muhammad
Rabbil Alamin	Rasa Muhammad
Ar-Rahman	Nur Muhammad
Ar-Rahim	Kulit Muhammad
Maliki	Darah Muhammad
Yaumiddin	Urat Muhammad
Iyyaka	Kuku Muhammad

<sup>42</sup> Ibid, ms 76.



Nā'budu	Pusat Muhammad
Wa iyyaka	Daging Muhammad
Nasta'in	Ucapan Muhammad
Ihdina	Pembahu Muhammad
As-Sirat	Pendengaran Muhammad
Al-Mustaqim	Pemandangan Muhammad
Sirat	Mata Muhammad
Allazina	Limpa Muhammad
An'amta	Nabinya Muhammad
Alaihim	Walinya Muhammad
Ghairil Maghdubi	Shahadahnya Muhammad
Alaihim Walad Dhalin	Sumsum Muhammad, Penerimaan Muhammad
Amin	Kasih keduanya Allah dengan Muhammad

Di dalam sebuah nota ajaran yang bernama *Hak Aku* ditulis:<sup>43</sup>

### **"Syariat Di Dalam Fateha**

"Inilah sah Fateha yang terikat di dalam Insan, sekiranya sesiapa mengetahui barulah sah ia mengerjakan apa-apa. Barang siapa tidak


<sup>43</sup> Nota ajaran bernama *Hak Aku* bertulis tangan.

mengetahui akan hakikat yang demikian tidaklah boleh membaca doa dan mengajar Al-Quran juga berdalil Al-Quran atau "muzakara-kipaya". Kerana ialah ilmunya yang terkandung di dalam Al-Fateha."

Bissmilla	- maknanya kepala kepada kita
Rahman	- otak kepada kita
Rahim	- angkara (pusat) yakni akal kepada kita
Alhamdulillah	- muka kepada kita
Rabbilalamin	- telinga kanan bagi kita
Nirrahim	- telinga sebelah kiri kita
Malikiyaumiddin	- tapak tangan kanan kita
Iyakanakbudu	- tulang belakang pada kita
Waiyakanasta'in	- dada pada kita
Jhdiyassiratalmustakim	- niat ataupun yang lebihnya
SiratallazinaanamS.w.tihim	- yang telah ada dinadakan pada kita
Ghairilmaghdbil	- limpa kepada kita
Alaihim	- hati kepada kita
Walladdalin	- guru (akal) pada kita
Amin	- jantong pada kita"

## Kesimpulan

Kesimpulannya ialah, semua ajaran di atas adalah tertolak. Oleh itu, sesiapa sahaja yang menemui ajaran yang dinyatakan di atas atau yang seumpamanya maka hendaklah meninggalkan ajaran berkenaan atau tempat pengajian berkenaan.



### 3. BUKU & KITAB YANG MENGANDUNGI AJARAN YANG MERAGUKAN

#### a. Buku Hakikat Insan

Buku ini dikarang oleh Haji Ahmad Laksamana b. Omar. Naskhah yang ada adalah dalam bentuk salinan fotokopi dari yang asal tanpa nama penerbit dan cetakan pertama pada tahun 1985.

#### Ringkasan Buku Hakikat Ihsan<sup>44</sup>

Ajaran Agama Taslim ini ialah tasawuf Wahdatul-Wujud atau mysticism. Asas pemikirannya ialah mengenal diri adalah sama dengan mengenal Allah. Mengenal diri kita berasal daripada Allah perlu menggunakan saluran falsafah iminasi atau Martabat Tujuh. Maka diri batin manusia ialah Allah dan diri zahir manusia pula dari Nur Muhammad. Juga melalui saluran iminasi Martabat Tujuh, Nur Muhammad daripada Allah, maka zahir manusia ialah Muhammad. Hasilnya ialah kenyataan "Kenallah dirimu bai manusia, bahwa engkau ialah Allah + Muhammad."

Dengan menyedari hakikat ini, maka konsep aqidah dan menyembah Allah atau ibadat tidak wujud. Dua kalimah syahadat "Laa ilaaha illallaah Muhammadur rasuulullaah" bukan lagi bermakna seperti yang difaham umum tapi ditafsirkan menurut bilangan kalimah dan kalimah itu menurut bilangan huruf. Tiap satu huruf itu diregukan dengan kalimah-kalimah istilah Mertabat Tujuh, kebatinan dan lain-lain yang bersangkutan. Demikian juga sembahyang lima waktu tidak lagi wujud sebagai ibadah, malah semua terkandung dalam kalimah (الحمد لله) "Alhamdu" yang mempunyai lima huruf. Tiap-tiap satu huruf digantung dengan kalimah-kalimah lain seperti yang dilakukan pada dua kalimah syahadat.

Selain daripada dua kalimah syahadat dan "Alhamdu" maka banyak lagi kalimah-kalimah dan ayat-ayat lain yang bersangkutan seperti

<sup>44</sup> Bahagian ini dipertik dari buku *Kebatilan Agama Taslim* oleh Abdul Fattah Haron Ibrahim, terbitan Majlis Agama Islam Singapura, 1989, ms 5 -19.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ "Bismillaahir rahmaanir rabim" "الله اکبر" "Allaahu Akbar", الله "Allah" dan محمد "Muhammad".

Hatta ada yang menggunakan surah "Qul huallaabu abad" hingga akhir menurut model pecahan huruf-huruf tersebut.

Semua tafsiran-tafsiran itu bermatlamatkan tak lain daripada menghapuskan semua konsep ibadat dan kewujudan Tuhan dan hamba kerana menegakkan bahwa "manusia tak lain daripada Allah + Muhammad". Bukan lagi "Muhammaddur Rasulullah", tapi Muhammad yang mula asal jadi daripada Nur Allah bererti Muhammad itu juga Allah.

Bermain dengan angka-angka dan huruf-huruf adalah dari ajaran batiniah lebih-lebih lagi bila mentafsirkan bentuk tulisan "ا" itu kepala, "ج" itu bahu, "ه" itu pongpong, "د" itu kaki = Muhamrnad, maka inilah yang telah dilakukan oleh puak Batiniah di Asia barat di zaman Abbasiyah kira-kira seribu tahun yang lalu<sup>45</sup>.

Ajaran Taslim ini menekankan zikir tetapi jangan pula difaham bahwa zikir ini sebagai ibadat biasa. Dalam usaha mereka "mengenal diri" dan "kelahiran diri" melalui Mertabat Tujuh, dirasakan ada gangguan yang digelar nafsu menjadi hijab yang mesti dilawan untuk mengenal Allah.

Maka zikir mereka lebih kepada meditasi dalam "mysticism". Di antara zikir yang paling kemuncak ialah "آه آه آه" (ah ah ah), huruf pertama dan akhir daripada lafaz Al-Jallaalah (Allah). Ditafsirkan (alif) itu adalah kemaluan lelaki dan "ه" (ha') itu berlubang alat kemaluan perempuan. Di waktu zikir di peringkat ini dilakukan kerja persetubuhan dengan cara bebas seperti haiwan. Tafsiran mereka ialah kerana "ab ab" itu Zikir Ma'rifat Allah. Sebab itu diambil "alif" dan "ha" pada lafaz Allah itu yang tajalli dari Ahadiyah, Wehdah, Wahidiyah, Alam Arwah, Alam Misal, Alam Ajsam Alam Insan. Alam Misal (benih lelaki), Alam Ajsam (benih perempuan) keduanya datang dari Allah, sebab itu diambil alif dan ha' simbol kemaluan lelaki dan perempuan.

<sup>45</sup> Lihat Al-Ghazali, *Fadhbah Al-Batiniyah*, Ad-Darul Qaumiah, Kahirah, 1964, ms 66 - 67.



Jelas sekali bahwa ini adalah satu komplot sulit yang amat licin bertujuan mengejek dan menghina Islam).

Buku-buku "Hakikat Insan" ini mengandungi 23 bab yang boleh dibahagikan kepada tujuh masalah yang paling pokok:

1. Bab 1 hingga 7 tentang tasawuf.
2. Bab 8 hingga 10 tentang dua kalimah syahadat.
3. Bab 11 hingga 13 tentang sembahyang
4. Bab 14 tentang Mertabat Tujuh
5. Bab 15, 16 dan 20 tentang kejadian manusia.
6. Bab 17, 18, 19 tentang zikir.
7. Bab 22, orang mengaku diri Tuhan itu Fir'aun dan amalan yang tak mempunyai persambungan dengan Rasulullah itu batil dan karut semata-mata. (Tetapi saya dapat ajaran Mertabat Tujuh dan batiniah yang menjadi dasar dan keseluruhan isi buku "Hakikat Insan" ini sekali-kali bukanlah dari Rasulullah).

### **Bab 1 : Teknologi Islam ialah perkara-perkara karamat dan mujizat**

Dalam bab ini, Haji Ahmad Laksamana membahagikan ilmu kepada tiga bahagian dengan menggunakan istilah-istilah ganjil iaitu ilmu qalam, ilmu ghaib, dan ilmu syahadat. Dalam bab ini, ia memandang sepi kemajuan sains dan teknologi dunia moden sekarang, kerana itu ia menarik perhatian para pembaca kepada perkara-perkara mujizat dan karamat yang menurutnya, adalah kemajuan sains teknologi Islam yang paling tinggi dan sempurna.

(Menurut pengertian biasa perkara-perkara mukjizat dan karamat tidak termasuk dalam ta'rif ilmu sains dan teknologi).

### **Bab 2 : Ke arah memperolehi kelebihan seperti karamat dan mujizat itu hendaklah mengenal diri.**

Dalam bab ini, pengarangnya menegaskan bahwa sebelum Tuhan bernama Allah, maka ZatNya bertajalli lalu lahir Nur Allah;

Kemudian Nur Muhamrnad, Insan Kamil Mertabat aku engkau engkau aku. Diri yang bernama Allah itulah diri batin manusia dan yang bernama Muhammad ialah diri zahir manusia. Tegasnya, manusia ialah Allah Muhammad. Iblis jadi pengacau sebab itu manusia perlu bukan kepada syariat sahaja tetapi juga tarikat, hakikat, dan makrifat. Matlamat akhir makrifat ialah untuk kembali semula jadi Tuhan (halaman 23).

(Dalam kajian tasawuf tajalli Allah kepada tujuh mertabat digelar "tanazzul" (menurun) dan memerlukan syariat, tarekat, hakikat. Makrifat itu "taraqqi" (menaik) kembali semula jadi Tuhan kerana datangnya dari Tuhan).

### **Bab 3 : Bagaimana boleh kembali semula jadi Tuhan? Ambillah ilmu dari Wali-wali, Nabi-nabi, Rasul-rasul malah Tuhan sendiri.**

Dalam bab ini, pengarangnya membahagikan ilmu kepada ilmu biasa yang boleh dipelajari oleh semua manusia, ilmu yang boleh dipelajari oleh orang-orang tertentu dengan bergurukan para Wali, Nabi, dan Rasul, dan ilmu yang diajar oleh Tuhan sendiri bila sudah sampai ke mertabat Wali.

(Ini bermakna nabi-nabi dan rasul-rasul itu masih menyampaikan ajaran mereka kepada orang-orang tertentu sahaja. Maka bercanggahlah dengan fahaman bahwa ajaran mereka berakhir dengan kewafatan mereka dari alam nyata dunia ini. Tuhan sendiri mengajar kepada orang-orang yang sampai ke martabat Wali. Ini juga bercanggah dengan fahaman bahwa ajaran Tuhan itu melalui nabi-nabi dan rasul-rasul sahaja. Ini melibatkan masalah kasyaf dan pengasas-pengasas tarikat tasawuf mendakwa dapat ajaran dari Rasulullah bukan sahaja di waktu mimpi tapi juga di waktu jaga. Apa yang didakwa oleh Haji Ahmad Laksamana mencerminkan pemikiran tarikat-tarikat tasawuf).

### **Bab 4 : Untuk kembali semula menjadi Tuhan dan memperolehi ilmu tersebut itu, seseorang perlu melawan nafsu.**

Menurut pengarangnya, nafsu itu ada tujuh iaitu "ammaarab".

"lawwaamah", "mulhamah", "muthmainnah", "raadbiab", "mardbiab" dan "kamaliyah". Dari "kamaliah" kepada "abadiyah" (Tuhan, Mertabat Tujuh) menurun kepada "webdah", "wahidiyah", "alam rub", "alam misal", "alam ajsam", "alam insan". Insan ini ada tujuh nafsu pertama "ammaarab" meningkat kepada "lawwaamah". Demikianlah seterusnya menaik kemudian menurun. (Pusingan Insan Kamil).

(Ini jelas membayangkan konsep wehdatul-wujud Mertabat Tujuh. Mertabat Tujuh ini bukan dari Al-Quran dan sunnah. Di samping itu dalam bab ini, malah di tempat-tempat lain dalam buku itu, pemikiran pengarangnya amat terikat dengan perkara-perkara karamat dan mujizat).

#### **Bab 5 : Bila diri sudah suci sampai (ke nafsu Kamaliah) maka bolehlah jadi Wali.**

Jalan menjadi Wali, menurut pengarangnya, ialah dengan mengenal diri serta menjalankan latihan dan amalan di bawah bimbingan guru mursyid yang mesti dipatuhi dengan sepenuhnya. Kemudian orang itu akan beroleh mimpi, nur, tajalli daripada Tuhan, mata bashir (*bashirah?*) dapat melihat tujuh petala langit dan tujuh petala bumi.

Guru ghaib yang terdiri dari para wali, nabi-nabi, rasul-rasul datang mengajar ilmu ladunni.

Apabila fana' dengan Allah, mulut terlatah kata "Anal-haq". Setelah itu, murid ini sudah jadi wali besar, dilawati oleh para tetamu yang terdiri daripada para wali, nabi-nabi dan rasul-rasul, secara hidup bukan mimpi, kata pengarang (halaman 59).

(Pengarangnya lagi-lagi menekankan para mukjizat dan karamat, mulut masin dan sakti, barang dipinta barang boleh, barang kehendak barang jadi pada halaman 61).

#### **Bab 6 : Agar dapat jadi wali besar ini pengarangnya suruh cari guru mursyid.**

Dalam bab ini, pengarangnya memberi gambaran sifat guru mursyid yang agak terperinci. Yang merupakan guru mursyid itu ada tapi

tidak diberitahu di mana dan apa nama mereka.<sup>46</sup>

(Bolehkah para ulama dan pihak yang berkuasa memperkenalkan tokoh-tokoh guru mursyid ini agar boleh dibuat pakar rujukan dalam ilmu tasawuf? Bolehkah mereka diberi tauliah seperti yang diberikan kepada guru-guru agama biasa?).

Bab 1 hingga 6 berakhir dengan galakkan mencari guru mursyid untuk mendapat bimbingan rohaniah untuk jadi wali dan menerima tetamu ghaib yang terdiri dari para wali, nabi-nabi dan rasul-rasul.

Dari bab 7 hingga akhir, tiada didapati selain daripada pemikiran tasawuf Mertabat Tujuh dan tafsiran kalimah kepada huruf-huruf cara batiniah. Maka adakah ini dari ajaran guru mursyid?

### **Bab 7 : Mengenai Islam, Iman, Tauhid, Makrifat.**

Menurut pengarangnya, empat kalimah itu tak boleh bercerai tanggal bermula dengan Islam atau syariat kemuncaknya makrifat (mengenal Allah) dengan mengenal diri. Digunakan beberapa ayat Al-Quran dan kata-kata istilah Mertabat Tujuh dan lain-lain bagi meregukan tiap-tiap huruf yang dipecahkan daripada satu kalimah.

Umpamanya kalimah "Islam" jadi "الله" - Allah, "سalam" سلام - salam, "لـ" - lathif, "أـ" - Adam, "مـ" - Muhammad. Contohnya lagi kalimah "قلب" qalbi, "قـ" qaf - wujud, "لـ" - ilmu, "نـ" - nur, "يـ" - syuhud.

Wujud, nur, ilmu, syuhud, ialah istilah tafsiran Mertabat Tujuh atau tajalli Zat Allah seperti yang dijelaskan oleh Hamzah Fanshurii dalam "شَرَابُ الْعَاسِقِينَ" Syaraabul 'Aasyiqin". Manakala pecahan kalimah kepada huruf adalah dari ajaran Batiniah.

Jelaslah bahwa dalam bab 7 ini hingga akhir buku itu terdapat ajaran batiniah yang dicampur dengan tasawuf Mertabat Tujuh.

<sup>46</sup> Konsep guru mursyid ini saling tidak tumpah seperti konsep dakwaan puak Batiniyah ada "Imam Ghairi" guru mereka yang sebenar. Lihat Al-Munqidz Minadhb Dhalal, Maktabah Al-Anglo Al-Misriyyah, Kahirah, 1962, ms. 170-171.

## Bab 8 hingga 10 : Mengenai dua kalimah syahadat “Laa ilaaha illallaah Muhammadur Rasuulullaah”

Menurut cara seperti tersebut di atas huruf-huruf dari dua kalimah syahadat inilah dipecah dan diregukan kalimah-kalimah istilah dan huraian angka yang bermacam-macam ragam. Contohnya “**لَا إِلَهَ إِلاَّ اللَّهُ**” ada 24 huruf sempena 24 jam sehari semalam. Tanpa disedarinya bahwa kalimah “**مُحَمَّدٌ**” (Muhammad) dan “**رَسُولٌ**” (illaa) itu ada “syaddah” jadi dua huruf bertambah, maka kalimah Muhammad ada lima huruf, dan “illaa” ada empat maka jadilah jumlahnya 26 bukan 24.

Yang amat jelas ajaran batiniah ialah pada kalimah Muhammad, dikatakan itulah diri zahir manusia, “**فُ**” - kepala, “**جُ**” - bahu, “**فُ**” - punggong, “**كُ**” - kaki. (Lihat kitab “Fadhaaih Albathiniah” tentang batiniah oleh Imam Al-Ghazali).

Di atas telah saya jelaskan bahwa Allah itu diri batin manusia. Muhammad itu diri zahir manusia. Tegasnya manusia itu ialah Allah Muhammad, maka dalam bab ini dilukiskan kalimah “**الله**” bertindih dengan kalimah “**مُحَمَّدٌ**” (halaman 99). Dimaksudkan diri manusia zahir dan batin ialah Allah + Muhammad diliputi dalam tujuh mertabat *Abadiyah*, *Wehdah*, *Wahidiyah*, *Alam Arwah*, *Alam Misal*, *Alam Ajsam* dan *Alam Insan*.

Oleh kerana Allah dan Muhammad itu pada hakikatnya satu jua iaitu diri manusia, diri zahir dan diri batin, maka hendaklah dibaca “**لَا إِلَهَ إِلاَّ اللَّهُ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ**” dengan satu nafas bersambung tak boleh putus.

Maka tiada yang disembah dan tiada penyembah dan sembahyang itu tak lain daripada penyaksian diri kita sendiri, pembawa dan pemegang rahsia Allah (halaman 93). Ialu dibawanya Hadits “*Al-insaanu sirrii wa ana sirruhu*” (bukan hadits).

Mulai dari *Abadiyah* hingga *Alam Insan* ada tujuh mertabat kemudian dari sini maka nafsu “**إِمَارَةٌ**”, *Ammaarah* hingga nafsu *Kamaliah* juga tujuh, sampai balik kepada “**أَحَدِيَّةٌ**” *Abadiyah* (Allah) inilah tafsiran “**إِنَّ اللَّهَ وَإِنَّ إِلَيْهِ رَاجِعُونَ**” *Innaa Lillaahi Wa Inna Ilaihi Raaji'uu*”. Halaman 135.

(Saya berpendapat tafsir ini benar jika konsep Mertabat Tujuh itu benar, jika salah, maka tafsir ini pun salah. Sebelum menyalahkan tafsiran ini, cubalah pastikan lebih dahulu apakah hukum akidah Mertabat Tujuh dalam Islam).

### Bab 11 hingga 13 : Hakikat Sembahyang.

Ahmad Laksamana menolak konsep sembahyang dengan erti sembah yang Maha Esa iaitu Allah S.w.t. Menurut fahamannya jika demikian, maka Allah itu ada di hadapan kita. Maka perbuatan seperti ini tiadalah beza dengan agama-agama yang lain yang menyembah berhala dan fahaman jahiliah. Bagi Haji Ahmad Laksamana sholat atau sembahyang itu membolehkan kita berdiri menyaksikan diri kita sendiri. Diri batin kita Allah dan zahir kita Muhammad, penanggung rahsia Allah. Sebab itu, bagi Haji Ahmad Laksamana, tiada penyembahan dan tiada yang disembah "لَا عَابِدٌ وَلَا مَعْبُودٌ" (Laa A'a'bidiun Wa Laa Ma'budi) bila sampai kepada ayat "إِنَّكَ تَعْبُدُ" dalam surah Fatihah dertiakan "kepadanya dibaktikan" (halaman 280). Erti sebenarnya ialah "akan diKau kami sembah" demikian juga "sembahlah Allah seolah-olah engkau melihatNya jika engkau tiada melihatNya tapi Dia libat engkau" sama sekali tak wujud dalam Ajaran Taslim Ahmad Laksamana ini. Dengan itu maka konsep "ibadat" tak wujud dalam Ajaran Taslim seperti yang ditonjol oleh Haji Ahmad Laksamana ini.

Di antara kalimah-kalimah dan ayat-ayat yang menjadi sasaran pecahan kepada huruf-huruf yang tiap-tiap satunya diregukan dengan kalimah atau ayat lain yang kononnya derti dengan sembahyang menurut cara tasawuf ialah kalimah "الحمدُ", "اَهُمْ", "ادم", "محمد", "الحمدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ", "الله اکبر". Contohnya ialah seperti:- Hakikat syahadat, "lam" - hakikat sembahyang, - hakikat puasa, - hakikat zakat, - hakikat haji. Atau - Allah, - api, - angin, - air, - tanah. Dan banyak lagi jika disusun sekali lagi kelihatan seperti berikut:

	(Alif)	(Lam)	(Ha)	(Mim)
1	Allah	api	angin	air
2	syahadat	sembahyang	puasa	zakat
3	subuh	zuhur	asar	maghrib
4	Allah	Muhammad	Rasul	Allah

Dari tafsiran ini bermakna sembahyang lima waktu terletak dalam huruf "الْحَمْدُ" yang lima. Dengan itu ia meliputi keseluruhan apa sahaja yang boleh dibilang lima atau dicuba cukupkan jadi lima. Seperti (1) contoh di atas Allah - api - angin - air - tanah empat anasir alam disamakan dengan Allah. Contoh (2) syahadat - sembahyang - puasa - zakat - haji iaitu rukun Islam yang lima sudah terkandung dalam alhamdu. Sebab itu dalam Agama Taslim tiada menyentuh hakikat puasa zakat dan haji kerana semuanya itu sudah terkandung dalam "الْحَمْدُ".

Contoh (3) subuh - zuhur - asar - maghrib - isyak semuanya sudah terkandung dalam "alhamdu" juga, sebab itu dalam Agama Taslim tiada penekanan kepada menunaikan sembahyang dalam waktunya kerana semuanya itu sudah terkandung dalam "الْحَمْدُ".

Contoh (4) lebih lucu lagi kerana tiap-tiap satu daripada lafadz Allah - Muhammad - Rasul - Allah dalil dipecahkan kepada huruf-dulu ditafsirkan semula menurut kaedah "الْحَمْدُ" (lihat halaman 161 hingga 165). Seperti tersebut di atas tiada dilupakan bila sampai kepada Muhammad, dilukisnya huruf dalam bentuk kepala, bahu, punggung dan kaki.

Contohnya lagi, rukun 13 dalam sembahyang ialah 13 sendi besar dalam badan manusia. Tegasnya, sembahyang itu ialah manusia sendiri. Seperti yang dijelaskan, dalam Agama Taslim seperti yang diajar oleh Haji Ahmad Laksamana dalam bukunya Hakikat Insan ini bahwa sembahyang itu membolehkan kita berdiri menyaksikan diri kita sendiri (tiada 'abid dan tiada ma'bud). Dia menuduh bahwa sembahyang ulama' dan muslimin semuanya tak betul. Cara sembahyangnya sahaja yang betul kerana kononnya Nabi sendiri datang mengajarnya, disaksikan oleh Nabi Yusuf, Wali Quthub, Abdul Qadir Jailani, dan Imam Syafi'i serta disahkan oleh Nabi Hidir dan diperakui oleh guru mursyidnya (lihat bab 12).

Erti sembahyang menurut Haji Laksamana ialah penyaksian ke atas diri kita sendiri dan ini perlu dilakukan setiap saat, maka itulah dinamakan "shalat daim". Katanya, itulah amalan rasul-rasul, nabi-nabi, wali, dan khawafil hawwah (kbbawaasul-khawash?) maka shalat daim ini ada kaitan dengan zikir nafas (sila lihat bahagian zikir).

(Catatan: Menafikan ada 'abid dan ma'bud dan ibadah terang-terang menyalahi nas Al-Quran dan sunnah).

### Bab 14 : Martabat Tujuh

Demikianlah, bagaimana Agama Taslim Haji Ahmad Laksamana menghuraikan pengertian dua kalimah syahadat dan sembahyang lima waktu. Huraian-huraian tersebut berdasarkan kalimah-kalimah dan ayat-ayat Al-Quran yang tertentu yang dipecah-pecahkan jadi huruf. Maka inilah perbuatan puak batiniah yang terkeluar dari Islam.

Di antara kalimah yang menjadi pilihan itu ialah Islam dan Iman (tapi tiada Ihsan). Menyentuh rukun Islam hanya terbatas kepada syahadah dan sembahyang dan sembahyang segala-galanya terkandung dalam "الحمد لله" termasuklah puasa, zakat dan haji. Sama sekali tiada huraian mengenai Rukun Iman yang enam. Manakala kalimah "إِحْسَانٌ" yang menjadi salah satu punca huraian Tasawuf Sunni sama sekali tiada disentuh.

Dengan selesainya perbincangan syahadah dan sembahyang seperti tersebut, maka Haji Ahmad Laksamana memulakan pula perbincangan mengenai Martabat Tujuh pada bab 14 dari bukunya itu.

Pemikiran asas dalam ajaran Martabat Tujuh ialah kesatuan segala yang ada atau Wahdatul Wujud yang tiada awal dan akhir, malah dialah awal dan dialah akhir pada hakikatnya. Jika demikian bagaimakah ditafsirkan gejala-gejala "mazhabir" (مظاهر) yang banyak ini? Maka dijawabnya bahawa, itu hanyalah susunan yang biasanya disebut tujuh lapis atau Mertabat Tujuh pada anggapan kita, bukan pada hakikat yang sebenarnya. Maka lahirlah dalam perbincangan ini konsep menurun dan menaik yang merupakan pusingan yang satu. Seperti tersebut di atas pusingan menurun ialah daripada ahadiyah, wahdiah, wahidiah, alam arwah, alam misal, alam ajsam dan alam insan. Insan digoda iblis dan nafsu yang merupakan hijab, tak lagi ingat dan kenal akan "Ahadiyah" nya maka perlu dilawani nafsu ini menaik (*taraqqi*) semula bermula dari ammarah, naik meningkat-tingkat kepada *lawwaamah*, *mulbamah*, *mutbmainnah*, *radhiyah*, *mardhiyah* dan *kamaliah* barulah sampai dan kenal Ahadiyah (Tuhan atau mutlak) yang menurun balik kepada *wabdah*, *wahidiah*, *alam arwah*,

demikianlah seterusnya berbalik semula pusingan itu menurut perhitungan kita juga. Bukan hakikat yang sebenar.

Makrifat Allah tak mungkin tercapai tanpa kembali semula menjadi Tuhan (Ahadiah) iaitu mertabat asal diri. Sebab itu tugas kita ialah menyuci diri (*taraqqi*) semula hingga sampai kepada Martabat Ahadiah itu. Yang perlu dicucikan itu ialah nafsu yang menjadi hijab.

Dalam proses tanazzul itu menunjukkan alam dan diri kita ini daripada ada kepada ada (bukannya daripada tiada kepada ada) yang diumpamakan "semacam pokok besar yang masih di dalam biji" (halaman 196). Bagi Ajaran Taslim, alam misal ialah bapa disebut "*wadi*", "*mazi*" dan "*mani*". Masuk benih itu ke rahim ibu digelar "*manikam*" atau alam ajsam maka lahirlah seorang manusia atau alam insan. Oleh kerana *Alam Insan* dari *Alam Ajsam*, *Alam Ajsam* dari *Alam Misal*, *Alam Misal* dari *Alam Arwah*, *Alam Arwah* dari *Wabidiyah*, *Wabidiyah* dari *Wabdah*, *Wabdah* dari *Abadiyah* Tuhan atau mutlak maka itulah dimaksudkan oleh Haji Ahmad Laksamana bahawa diri kita mengandungi diri Tuhan, diri kita dengan diri Tuhan adalah satu, diri kita itulah Tuhan, dan diri Tuhan itu adalah kita (halaman 220).

Dalam membincangkan ajaran Mertabat Tujuh ini ada beberapa perkara yang perlu diawasi:

1. Dalil dari Al-Quran dan hadits tidak ada. Haji Ahmad Laksamana mengada-adakan dalil dari surah "*Qul buwallaabu abad*". Maka didapati surah "*Qul buwallaab*" hingga akhir memang betul tetapi madulunya iaitu pemikiran Mertabat Tujuh tak ada kena mengena dengan surah ini. Lihatlah cara pendalilannya yang salah. Huruf-huruf yang dipecahkan dari ayat dan kalimah surah ini diregukan dengan kalimah-kalimah lain sebagai erti menurut kaedah yang sama seperti yang dilakukan ke atas "*الحمد لله*" dan seumpamanya.
2. Tidak semestinya tujuh, tapi ada yang membilangnya sampai empat puluh seperti yang dilakukan oleh Abdul Karim Aljili dan ada pula yang membataskan setakat lima sahaja seperti yang dibuat oleh Syamsyuddin Pasai yang sealiran dengan Hamzah Fanshuri. Manakala Hamzah Fanshuri pula menggunakan

istilah lain iaitu "Laa Ta'aiyyun", "Ta'aiyyun Awal" terbahagi kepada *wujud, nur, ilmu, syubud*. Dari sini timbul lagi istilah, istilah lain seperti *tajalli, Shbaarul'ilmiyah, Haqiqatul-Asyah, Ruh Idbafi, A'yan Tsabitah, Ta'aiyyun-Tsanii, Ta'aayyun-Tsalits* dan seterusnya. Istilah-istilah seperti ini bertaburan dalam keseluruhan buku *Hakikat Insan* oleh Haji Ahmad Laksamana. Orang-orang yang belum membiasakan perhatian dalam bidang ini, tentu mendapat kesukaran dalam memahaminya.

3. Berasaskan teori pusingan "Tanazzul - Taraqqi" tujuh nafsu menaik dan tujuh martabat menurun maka Haji Ahmad Laksamana berdalil dengan ayat "*Innaa lillaahi wa inna ilaibi raaji'uun*" yang diberi erti "sesunggubnya dirimu itu Allah (Tuhan asal dirimu) dan bendaklah kamu pulang menja di Tuban kembali". Perlu saya ulangi di sini bahawa pada fahaman saya, kalau mahu salahkan tafsiran Haji Ahmad Laksamana ini, hendaklah salahkan falsafah Mertabat Tujuh itu terlebih dahulu. Jika Mertabat Tujuh itu betul, tafsirannya pun betul, jika Mertabat Tujuh itu salah dari segi aqidah Islam, maka tafsirannya pun salah.
4. Walaubagaimanapun, pemikiran Mertabat Tujuh ini terdapat di dalam kitab-kitab Tasawuf seperti di dalam kitab risalah Asraaruddin di tepi kitab *Miftaabul-jannah*, Kitab *Siarus-saalikin* dan Kitab *Ad-Durrunnafis*. Kitab-kitab Tasawuf dari jenis ini menjadi cacat jika Mertabat Tujuh itu disalahkan.
5. Martabat Tujuh menjelaskan bahwa alam dan manusia ini terkeluar (*As-Sudur Al-Inbitsaq - Emanation*) dari Allah bukannya dijadikan dari tiada kepada ada. Malah dari ada kepada ada, seperti adanya pokok dengan adanya benih, adanya ombak dengan adanya laut. Maka ini bercanggah dengan zahir nas Al-Quran.

### **Bab 15, 16, 20 : Nyawa, jasad dan maut kejadian manusia.**

Setelah selesai pembentangan konsep Mertabat Tujuh, dan dimana letaknya manusia dalam susunan itu maka di bahagian ini kita dapat Haji Ahmad Laksamana menekankan tentang manusia dari sudut



nyawa dan jasadnya, matinya dan kejadiannya.

Menurut Ajaran Taslim ini manusia itu terikat dengan kaedah Martabat Tujuh digelar alam insan. Datangnya manusia dari ibunya yang digelar manikam (*Alam Ajsam*) yang ditanam ke dalam rahimnya *mazi*, *wadi*, dan *mani* si bapa (*alam misal*). (Pentafsiran alam misal, alam ajsam dan alam insan di sini menyeleweng dari pengertian asal).

Agama Taslim membicarakan nyawa dan jasad. Dimaksudkan dengan nyawa ialah pernafasan turun, naik hisap dan hembus udara yang diberi nama "nafas" jika di mulut, "ansus" di hidung, "tanaffus" di belakang kepala di antara dua telinga dan "nufus" jika di jantung. Serta dilengkapkan pula dengan zikir iaitu **هُوَ، هُوَ، اللَّهُ، اللَّهُ، اَللَّهُ، اَللَّهُ، اَغْلَقَ، اَغْلَقَ، اَغْلَقَ، اَغْلَقَ**. Bahagian yang akhir ini digelar zikir makrifat.

Penjelasan nyawa dan jasad dalam bab ini sekali lagi diulangi perkara *tanazzul* dari *Abadiyah*, *Nur Allah*, *Nur Muhammad*, *Adam*, *wadi*, *mazi*, *mani*, *manikam* berakhir dengan jasad, nyawa dan ruh maka itulah "محمد". Di sini Haji Ahmad Laksamana lukis huruf "م" "ح" "د" "م" "د" berupa "م" kepala, "ح" bahu, "م" punggung, dan "د" kaki. Dimaksudkan kita semua manusia ialah Muhammad kerana kita semua ada kepala, bahu, punggung dan kaki.

Tiap-tiap manusia akan mati yang ditarifkan "kembali diri rahsia kita kepada Allah s.w.t". Menurut Haji Ahmad Laksamana, orang-orang wali dan arif billah dapat mengetahui lima kali dalam masa setahun sebelum mati iaitu dalam tempoh setahun, sebelum enam bulan, sebelum 100 hari, 40 hari, dan 70 hari dengan 9 jenis gerak-gerak di bahagian tertentu badan seseorang.

Firman Allah s.w.t:

**وَمَا نَدِرَى نَفْسٌ بِأَيِّ أَرْضٍ تَمُوتُ**

Dan tiada seorang pun yang dapat mengetahui di bumi mana ia akan mati (*Luqman: 34*).

Bandingkan ayat ini dengan apa yang diperkatakan oleh Haji Ahmad Laksamana.

## Bab 20 : Haji Ahmad Laksamana membincangkan hakikat kejadian manusia.

Oleh kerana janya menolak konsep penyembahan Allah atau ibadat, "لَا عَبْدٌ", dan "لَا مُعْبُودٌ" maka apakala ia datangkan ayat:

"Wa Ma Khalaqtul Jimma Wal Insa Illa Li yakbuduni" (Az-Zariat : 56).

diberi erti "tidakKu jadikan jin dan manusia kecuali untuk berbakti (mengenal diri)" (halaman 303). Ertinya yang sebenar ialah "dan tidakKu menciptakan jin dan manusia melainkan supaya mereka menyembahKu".

Dengan ini jelas bahawa Haji Ahmad Laksamana menolak konsep ibadat sebagaimana yang terdapat dalam Al-Quran. Tegasnya, Haji Ahmad Laksamana menyalahi Al-Quran.

Dalam bab 20 ini, Haji Ahmad Laksamana jadikan "Bismillaahir Rahmanirrahim" sebagai sasaran pemecahan ayat dan kalimah kepada huruf-huruf yang digantung ertinya dengan kalimah lain seperti yang dilakukan ke atas kalimah Islam, "الْحَمْدُ لِلّٰهِ" dan lain-lain yang telah disentuh di awal penulisan ini. Di antara perkara yang menarik perhatian:

1. Sebelum "ba" pada "Bismillabirrabmanirrabim" " ﴿ ﴾" (alif) dan huruf "ھ" (ha) jadi yang digelarnya "alif batin" maka jadilah tambahan ke atas ayat Al-Quran dengan satu huruf alif itu. Jika ada orang yang membilang huruf بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ itu 19 maka sekarang bertambah satu jadi 20.
2. Dengan 20 huruf "basmalah" ini maka dilengkapkan dengan 20 sifat Allah (sifat dua puluh). Atau dicampur sebahagian dari sifat dua puluh dengan istilah-istilah Mertabat Tujuh, atau nama-nama alam dan bermacam ragam lagi.
3. Yang paling menggerikan ialah huruf " ﴿ ﴾" (alif) dan huruf "ھ" (ha) yang terdapat dalam "Bismillabirrabmanirrabim" maka bagi Ahmad Laksamana, " ﴿ ﴾" (alif) itu zakar (kemaluan lelaki) manakala "ھ" (ha') itu dilukis dengan berlubang di tengah ialah faraj (kemaluan perempuan).



(Bahasa lucah dan mencarut juga digunakan oleh Haji Ahmad Laksamana. Lihat halaman 305-307).

Apakala zakar ingatkan faraj ia pun bangun jadi keras dan tegang, dikiaskan demikianlah jua bila ingatkan Allah. Di saat ini zikirnya " ﴿ ﴾ " (ah) yang dinamakan zikir ma'rifat. Perhatikan bahawa zikir ma'rifat ini terdiri dari (*alif* dan *ba'*) simbol kepada kemaluan lelaki bertemu dengan kemaluan perempuan.

Menurut berita, apakala puak Taslim ini berkumpul, apa yang dilakukan dengan zikir "Laa ilaa ha illallaah", bertukar jadi "هُوَ اللّٰهُ هُوَ هُوَ" (huhu, Allah hu, hu Allah), kemudian beralih kepada "اَمْ اَغْ اَعْ اَغْ اَعْ" (aa-aa ii uu dan 'if, 'uu', ah) (zikir makrifat namanya) maka di waktu itulah gurunya menarik perempuan di majlis zikir itu dan melakukan persetubuhan, seperti yang digambarkan dalam drama "Ikhtilaf" Tayangan RTM pada malam Maulid Nabi Rabu, 12 Rabiul Awwal bersamaan 4 November 1987. Jika mengandung, dapat anak saleh.

4. Mengejek dan menghina Islam amat jelas dalam ajaran agama Haji Ahmad Laksamana ini. Apakah tulisan lafaz al-jalalah itu diambil "alif" dan "ba" dengan tafsir seperti tersebut di atas.

**Bab 17 : Zikir nafas ada kaitan dengan sembahyang sentiasa (Salat Daim) seperti yang telah dibincangkan.**

Menurut Haji Ahmad Laksamana, seperti yang telah diterangkan, nyawa terbahagi kepada *nafas* jika dari mulut, *ansus* dari hidung, *tanaffus* dari belakang kepala di antara dua telinga, dan *nusus* jika di jantung. Zikirnya tersebut di mula dengan "laa ilaa ha illaah" melarat kepada "أَللّٰهُوَاللّٰهُوَاللّٰهُوَاللّٰهُ" "bubu, Allah bu, bu Allah, Aa li Uu" dan "أَمَّا أَنْعَمْنَا عَلَيْكُمْ فَمَا لَمْ تَرَوْ" "Aa, Ti, 'Uu, Ab" proses pernafasan nyawa ini turun hingga pusat, dan naik hingga ke ubun-ubun, dilakukan demikian sepanjang pernafasan, sentiasa selagi kita bernafas. Sentiasa inilah dinamakan sembahyang sentiasa (*shalat daim*).

Agama Taslim adalah pengaruh dari Tasawuf. Dalam Tasawuf, zikir

itu dianggap lebih penting daripada mengerjakan sembahyang itu sendiri. Segala bilangan yang bersangkutan dengan bacaan dan kelakuan sembahyang itu diletakkan pada diri manusia seperti rukun 13 diertikan dengan 13 sendi besar manusia (halaman 151).

Tujuh ayat Al-Fatiha dengan 7 hari seminggu, dan sekian banyak perkara-perkara terletak dalam "الحمد لله" maka sebenarnya shalat atau sembahyang itu bukan lagi dengan cara kebiasaan yang dilakukan oleh ummat Islam selama ini tetapi sembahyang itu ialah diri manusia itu sendiri dikatakan itulah Allah + Muhammad: diri batin Allah, diri zahir Muhammad. Maka hilanglah ibadat sembahyang biasa yang diketahui selama ini dan ditinggallah sembahyang itu tak lain manusia (Allah + Muhammad) itu sendiri yang bernyawa sentiasa maka lengkapkanlah nyawa atau bernafas itu dengan zikir seperti tersebut di atas maka sentiasalah orang itu bersembahyang.

Ulasan

1. Haji Ahmad Laksamana mengembangkan Agama Taslim yang menolak konsep 'ubudiah.'
  2. Segala takwilan-takwilan atau simbol seperti " ﷺ " " ﷲ " " حَمْدُ اللَّهِ " " مَحْمُودٌ " dan " حَمْدٌ لِلَّهِ " dan lain-lain itu jelaslah dari angkara puak batiniah mengejek-ejek amalan ibadat Islam.
  3. Manakala istilah *Nafas*, *Nusus*, *Anfus* dan *Tanassus* itu adalah dari "Wirid Hidayat Jati". Manakata *Mani*, *Mazi*, *Wadi*, dan *Manikam* daripada istilah "Sirat Wirid". Keduanya ini dari aliran kebatinan jawa.

Dengan itu terbuktilah sepanjang perbincangan ini bahwa Agama Taslim mengandungi unsur-unsur Tasawuf Wahdatul-Wujud, Martabat Tujuh, tafsiran huruf cara batiniyah dan amalan Kebatinan Jawa.

Dari tinjauan ini saya dapat gerakan Agama Taslim mempunyai pertalian yang rapat dan berakar umbi yang jauh datangnya daripada:



## Ilmu Tasawuf Wehdatal-Wujud Mertabat Tujuh.

1. Ilmu Tasawuf Wehdatal-Wujud Mertabat Tujuh.
2. Ajaran puak batiniah yang dianggap terkeluar dari Islam.
3. Kebatinan Jawa.

Tegasnya, Agama Taslim ada mempunyai pertailan dengan seberang laut dan dengan sejarah pertarungan aqidah ummat Islam yang timbul dari abad permulaan Islam lagi.

Dalam sejarah perkembangan aqidah, kita dapatil tokoh-tokoh Ahli Sunnah seperti

- ⦿ Al-Ghazali dengan bukunya *Al-Munqidz Minadhb-dhalal, Fadhaib Al-Bathiniyah, Al-Qisthas Al-Mustaqiim,*
- ⦿ Asy-Syah-rastani dengan *Al-Milal Wan Niba,*
- ⦿ Al-Iraqi Al-Hanafi dengan *Al-Firaqu Al-Mustariqab,*
- ⦿ Al-Baghdadi dengan *Al-Farqu Bainal Firaq,*
- ⦿ Al- Qadhi Abdul Jabbar Al-Hamazani dengan *Tatbiitu Dalaail An-Nubuwah.*
- ⦿ Al-Hammadi dengan *Kasyfu Asrari Al-Bathiniyah*
- ⦿ berterusan hingga ke zaman moden seperti
- ⦿ Jamal Al-Afghani, Muhammad Abdūh dengan *Ar-Raddu 'Ala Ad-Dhabriyyin,*
- ⦿ Professor Rasyhidi dengan *Islam Dan Kebatinan,*
- ⦿ Hamka dengan *Sejarah Kebatinan Di Indonesia*

telah mendedah malah melancarkan tentangan hebat dan memberitahu kaum muslimin tentang bahaya gerakan Batiniah ini. Demikian contoh beberapa tokoh Ahli Sunnah dalam melancarkan

tentangan ke atas aliran Ismailiah Batiniah.

Tapi puak-puak Ismailiah Batiniah tidak kurang pula menegakkan aliran mereka dengan mengeluarkan kitab masing-masing seperti

- As-Sajastaani dengan bukunya *Al-Yanabi'*,
  - Al-Qadhi an-Nu'man dengan *Da'aaim Al-Islam*, dan *Asas At-Takwif*,
  - Al-Karmani dengan *Rahab Al-Aqli* dan *Ar-Risalah Ad-Durriyyah*
- dan banyak lagi hingga sampai ke zaman moden ini di Asia Barat lahir tokoh intelek Isma'iliah Batiniah seperti
- Doktor Mustafa Chalib dengan bukunya *A'lam Al-Isma'iliah* dan *Tarikh Al-Harakat Al-Batiniah*.

Di antara perkara yang menarik di sini ialah semua dalam buku *A'lam Al-Isma'iliah* (tokoh-tokoh Isma'iliah) disenaraikan nama-nama tokoh lebih dari seratus tiga puluh orang ramainya mulai daripada Ali bin Abi Thalib hingga kepada Ali bin Hasan Shah Agha Khan zaman moden sekarang, maka di antara mereka ini termasuklah beberapa tokoh sufi seperti Ibnu 'Arabi, Jalaluddin Ar-Rumi, Fariduddin Al-'Aththar yang dikenali dan dibaca karangan-karangan mereka di Malaysia ini.

Mustaffa Chalib menjelaskan mengapa tokoh-tokoh sufi ini ialah juga tokoh Ismailiah Batiniah?

Jawabnya ialah kerana ada kaitan rapat di sebabkan falsafah tasawuf itu memasukkan ajaran Batiniah Isma'iliah ke dalam pemikiran mereka (*A'lam Al-Isma'iliah*) (halaman 505)<sup>47</sup>.

Kaitan yang rapat juga boleh dilihat dengan jelas dalam ajaran kebatinan Jawa yang merupakan unsur-unsur peninggalan Hindu-Buddha bercampur dengan Tasawuf Wehdatul Wujud Mertabat Tujuh.

---

<sup>47</sup> Lihat Mustafa Chalib, *A'lam Al-Isma'iliah*, Beirut, Darul Yaqazah, 1964.



Dengan ini tidaklah menghairankan kita apakah dapat bahawa ajaran Agama Taslim tak lain daripada campuran dari kebatinan Jawa, Tasawuf Mertabat Tujuh dan Batiniah.

### Fatwa Mengenai Buku Hakikat Insan & Tindakan

Majlis Ugama Islam Singapura telah memfatwakan seperti berikut:

"Setelah meneliti buku tersebut (*Hakikat Insan*), Jawatankuasa Fatwa berpendapat bahawa buku "Hakikat Insan" ini menyesatkan. Ia tidak harus diedarkan kerana banyak mudaratnya dan tidak ada manfaatnya<sup>48</sup>."

Dj Malaysia fatwa-fatwa berikut telah dikeluarkan mengenai buku *Hakikat Insan*<sup>49</sup>:

1. Mesyuarat Jamaah Ulama Majlis Agama Kelantan telah menfatwakan pada 5.6.86 dan Warta 3/7/86 No.255 bahawa ajaran Ahmad Laksamana bertentangan dengan Aqidah dan hukum Islam dan beliau juga menganut dan menyebarkan ajaran salah.
2. Jawatankuasa Fatwa Selangor memutuskan ajaran ini sesat. Diwartakan pada 23 Nov.1995 Sel.P.U. 44.

Ahmad Laksamana, pengarang buku *Hakikat Insan* telah dikenakan tindakan berikut oleh Mahkamah Kota Bharu berikut<sup>50</sup>:

- Di bawah undang-undang 68(1) Majlis Agama Islam 2/6 dan denda RM250.00 atau sebulan penjara.

<sup>48</sup> Lihat Fatwa MUIS, jld 2, Fatwa no. 44.

<sup>49</sup> Lihat halaman web Pusat Islam Malaysia di [www.islam.gov.my/sesat/BM/](http://www.islam.gov.my/sesat/BM/)

<sup>50</sup> Lihat halaman web Pusat Islam Malaysia di [www.islam.gov.my/sesat/BM/](http://www.islam.gov.my/sesat/BM/)

- Di bawah undang- undang 69 Enakmen yang sama dan didenda RM250.00 atau penjara 3 bulan.
- Di bawah undang- undang 74(1) Enakmen yang sama dengan penjara selama 3 bulan.

### b. Buku Ad-Dur An-Nafis

Buku ini adalah karangan Asy-Syeikh Muhammad Nafis b. Idris Al-Banjari. Naskhah yang ada adalah terbitan *Maktabah Wa Matba'ah Dar Al-Maarif* di Pulau Pinang, Malaysia. Tiada tahun percetakan dinyatakan dalam naskhah ini.

Dinyatakan dalam naskhah yang ada bahawa kandungan yang terdapat dalam naskhah ini tidak sama semuanya dengan kitab asal. Penerbit telah mencetak buku ini berdasarkan naskhah yang ada padanya semata-mata.

### Ringkasan Kandungan Kitab

Buku ini boleh dibahagikan kepada bahagian-bahagian berikut,

- Pendahuluan
- Fasal Satu
- Fasal Dua
- Fasal Tiga
- Fasal Empat
- Penutup

Berikut adalah ringkasan kitab ini, sebelum dinyatakan ulasan mengenainya.

### Pendahuluan

Di dalam pendahuluan, buku ini menyatakan mengenai perkara yang

<sup>50</sup> Libat halaman web Pusat Islam Malaysia di [www.islam.gov.my/seSAT/BM](http://www.islam.gov.my/seSAT/BM)



menbatalkan suluk (tingkah laku) iaitu malas, *futur* (lemah) dan *malal* (jemu). Penulis kemudian menyatakan pula perkara yang menegahkan suluk - *syirik khafi* (yang tersembunyi), *riya'*, *sum'ab* dan *ijib*.

### Fasal Satu

Fasal satu membincangkan mengenai "*Taubid Al-Af'al*" (Mengesakan Perbuatan Allah). "*Taubid Al-Af'al*" bererti berkeyakinan bahawa semua perbuatan dari Allah S.wt baik yang buruk atau yang baik.

Walau bagaimanapun, semua manusia tidak boleh melampaui syariat Nabi Muhammad s.a.w dengan mengerjakan suruhan dan menjauhi larangan. Tidak boleh juga beriktikad bahawa gugur taklif dengan keyakinan di atas. Ini supaya manusia tidak menjadikannya sebagai alasan bagi melakukan keburukan.

Berkaitan dengan tingkah laku manusia, pengarang kitab menyatakan empat pandangan mazhab, iaitu,

1. Semua perbuatan adalah dari manusia semata-mata. Ini adalah pandangan Muktazilah.
2. Semua perbuatan adalah dari Allah S.wt sahaja. Ini adalah pandangan Jabariyah.
3. Semua perbuatan adalah dari Allah S.wt tetapi manusia berusaha. Ini adalah pandangan Ahlus Sunnah.
4. Semua perbuatan dipandang dari Allah S.wt tetapi sandarannya pada hamba. Ini adalah pandangan Ahli Kasyaf.

*Taubid Al-Af'al* adalah maqam pertama yang diberikan kepada seorang yang salik.

### Fasal Dua

Fasal ini membincarkan mengenai "*Taubid Al-Asma'*" (Pengesaan Nama-nama Allah). "*Taubid Al-Asma'*" adalah pandangan hamba dengan mata kepala dan mata hati bahawa segala *asma'* (benda) itu kembali pada Allah s.w.t. Setiap kali kita melihat alam ini, seorang hamba merasakan bahawa setiap sesuatu hanyalah gambaran pada Allah s.w.t.

Tiada wujud sebenar hanya wujud Allah. Wujud alam hanyalah khayalan. Ini adalah maqam kedua. Ini adalah maqam golongan Arifin.

### Fasal Tiga

Fasal ini membicarakan mengenai "Taubid As-Sifat" (Pengesaan Sifat-sifat Allah). "Taubid As-Sifat" bermaksud mengesakan Allah S.w.t pada segala sifat yang berdiri pada zat Allah atau fana' sifat makhluk dalam sifat Allah s.w.t.

Ertinya setiap kali seorang hamba melihat dengan mata hati bahawa segala sifat yang ada pada makhluk hanya ada pada Allah sahaja. Sifat yang disandarkan pada makhluk hanya kiasan sahaja. Dengan itu setiap kali seorang hamba melihat sifat makhluk ia akan merasa atau mengingat sifat Allah s.w.t.

Ini adalah maqam ketiga. Setelah sampai maqam "Taubid As-Sifat" dengan sempurna baru boleh memperolehi tauhid seterusnya.

### Fasal Empat

Fasal ini membicarakan mengenai "Taubid Az-Zat" (Pengesaan Zat Allah). "Taubid Az-Zat" bermaksud mengesakan Allah pada zatnya. Ini adalah maqam yang tertinggi. Setelah maqam ini tiada siapa yang boleh mencapai maqam seterusnya iaitu mengenal hakikat zat Allah S.w.t. Tiada yang boleh mencapai maqam seterusnya kecuali Nabi Muhammad s.a.w kerana tiada yang dijadikan dengan zat Allah s.w.t kecuali Nabi Muhammad.

"Taubid Az-Zat" adalah pandangan dengan mata hati dan mata kepala bahawa tiada yang maujud dalam wujud ini hanya Allah sahaja. "Taubid Az-Zat" ialah memfana'kan segala zat pada zat Allah S.w.t. "Taubid Az-Zat" bermaksud makhluk tidak wujud kecuali dengan wujud Allah S.w.t.

Selepas itu pengarang kitab menulis dan mengaitkan pula dengan konsep menyaksikan yang tunggal pada yang banyak dan konsep 'شَهُودُ الْوَحْدَةِ فِي الْكُثُرَةِ' - menyaksikan yang banyak pada yang tunggal.



Dalam fasal ini pengarang kitab ini mengatakan pula bahawa maqam ada 2 kategori iaitu maqam *Fana'* dan maqam *Baq'a*.

Maqam *Fana'* ialah dengan mencapai empat perkara - *Taubid Al-Af'al*, *Taubid Al-Asma'*, *Taubid As-Sifat* dan *Taubid Az-Zat*.

Maqam *Baq'a* ialah dengan mencapai dua perkara - konsep شهود الكثرة في الوحدة menyaksikan yang tunggal pada yang banyak dan konsep شهود الكثرة في الكثرة menyaksikan yang banyak pada yang tunggal.

Maqam *Baq'a* lebih mulia dari maqam *Fana'*. *Fana'* hilang di bawah 'Ahadiyah Allah. Maqam *Baq'a* pula hilang di bawah 'Wahidiyah Allah.

Maqam *Baq'a* mencapai pada peringkat

مَارَأَيْتُ شَيْئاً إِلَّا رَأَيْتُ اللَّهَ مَعَهُ وَفِيهِ وَقْبَلَهُ وَمَعْهُ

"Aku tidak melihat sesuatu kecuali aku melihat Allah bersamanya, padanya, sebelumnya dan sesudahnya"

Maqam *Baq'a* tidak boleh dicapai kecuali sesudah mencapai maqam *Fana'*.

### **Penutup**

Dalam bahagian penutup ini, pengarang kitab menerangkan konsep *Martabat Tajalli Zat*, iaitu yang meliputi tujuh martabat berikut

1. *Abadiyah* iaitu zahir padanya segala *Sifat* dan *Asma'* tetapi binasa pada *Zat*.
2. *Wabidah* iaitu zahir padanya segala *Sifat* dan *Asma'* dengan ijmal iaitulah hakikat Nabi Muhammad s.a.w yang merupakan asal daripada segala yang maujud dan segala kehidupan alam ini kerana segala sesuatu dijadikan dari Nur Muhammad s.a.w. Ruh Nabi Muhammad s.a.w pula dijadikan dari *Zat Allah S.w.t.*
3. *Wahidiyah* iaitu zahir padanya segala *Sifat* dan *Asma'* dengan

mentafsikkan (memperincikan) akan barang yang ada (wujud) secara ijmal pada hadrat Wahdah.

- Pengarang kitab menyatakan pula bahawa segala yang dinyatakan di atas (*Abadiyah*, *Wabdah* dan *Wabidiah*) semuanya *Qadim*.
- 4. *Alam Arwah* iaitu alam yang tidak tersusun dan keadaannya terhampar luas.
- 5. *Alam Mitsal* iaitu alam bagi segala perkara yang dijadikan berupa yang halus dan boleh dibahagi-bahagi.
- 6. *Alam Ajsad* iaitu alam bagi segala perkara yang dijadikan yang berupa kasar dan boleh dibahagi-bahagi.
- 7. *Tajalli* iaitu yang menghimpunkan segala martabat yang dinyatakan. Ia adalah martabat insan.

Pengarang kemudian menulis bahawa insan boleh meningkat martabatnya menaik sehingga ke martabat pertama. Pada ketika ini insan berkenaan menjadi insan kamil. Apabila seseorang itu mencapai martabat insan kamil maka segala perbuatannya adalah perbuatan Allah s.w.t, segala asma'nya adalah asma' Allah s.w.t dan segala sifatnya adalah sifat Allah s.w.t Dengan mencapai martabat sedemikian, seseorang itu mencapai makrifat. Tiada makrifat pula tanpa ilmu ladunni.

Jalan untuk mencapai ini ialah mengenal diri. Mengenal diri ialah dengan mengenal Tuhan. Mengenal Tuhan ialah dengan jahil diri. Dengan makrifat seseorang itu memperolehi kasyaf iaitu terbuka hakikat segala sesuatu yang membawa pada *Fana'* sehingga sampai pula pada *Fana'ul Fana'*. Kemudian sampai pula pada maqam *Baq'a'*.

*Fana'* bererti tidak melihat dirinya tetapi hanya melihat Allah s.w.t semata-mata. *Baq'a'* bererti melihat bahawa Allah s.w.t meliputi segala sesuatu. *Fana'* pula mempunyai tiga peringkat, *Fana' Perbuatan*, *Fana' Sifat* dan *Fana' Zat*.

Dalam bahagian penutup, pengarang kitab menyatakan bahawa apa



yang ditulis adalah rahsia yang halus dan perkataan yang dalam. Ia tidak diketahui kecuali oleh ulama yang *rasikh*. Tidak boleh pula menyatakan atau menzahirkan kepada bukan ahlinya.

Pengarang kemudian menerangkan pengertian Syariat, Tarikat dan Hakikat. Syariat ialah mengikut perintah dan menjauhi larangan tanpa diikuti dengan amal di hati. Tarikat ialah menyembah Allah s.w.t dengan ilmu dan amal atau mengamalkan apa yang diketahui. Hakikat ialah memandang akan Allah s.w.t dengan cahaya yang diletakkan dalam diri. Syariat dan Hakikat saling melazimi antara satu sama lain.

Dengan mencapai hakikat akan memperolehi *wilayah* (taraf wali). *Wilayah* boleh diusahakan oleh hamba dengan ibadah.

Pengarang kemudian menerangkan erti *Mujababah*, *Riadhabah*, *Muraqabah* dan *Syubud*. Pengarang kemudian menerangkan mengenai keramat. Pengarang kemudian menyenaraikan 20 keramat di dunia dan 20 keramat di akhirat berdasarkan pandangan Imam Al-Ghazali.

Akhir sekali pengarang menerangkan mengenai selawat dan kelebihannya.

### **Ulasan**

1. Buku ini mengandungi banyak Hadits-hadits Dh'aif yang tidak mempunyai asal usul.

Berikut adalah senarai Hadits-hadits Dh'aif / Maudhu' yang didapati;

النَّاسُ نِيَامٌ فَإِذَا مَأْتُوا إِنْتَهِيَّا

"Manusia itu semuanya tidur. Apabila ia mati maka bangunlah ia"<sup>51</sup>

<sup>51</sup> Ad-Dur An-Nafis, ms 14. Muhammad Nasirudin Al-Bani dalam bukunya *Silsilah Al-Abadits Ad-Daifah Wa Al-Mauduhah* terbitan Maktabah Al-Ma'arif, Riyadh, jld 1, hadits no. 102 telah menulis bahawa hadits ini tidak ada sumber aslinya. Telah diriwayatkan oleh Al-Ghazali dalam *Ihya'* 4/20 secara marfu' kepada Rasulullah s.a.w. Oleh sebab itu, Al-'Iraqi dalam kitabnya *Takhrij Al-Abadits Al-Ihya'* 4/170 berkata "Saya tidak mendapati hadits tersebut bersanad marfu' bingga Rasulullah s.a.w akan tetapi menganggap berasal dari Ali b. Abi Talib r.a."

مُؤْتُوا قَبْلَ أَنْ شُمُّوا

"Matilah kamu sebelum kamu mati"<sup>52</sup>

كُنْتُ كَذَا مَخْفِيًّا فَأَحْبَبْتُ أَنْ أُعْرَفَ فَخَلَقْتُ الْخَلْقَ لِيَعْرِفُنِي

"Aku adalah perbandaraan yang tersembunyi. Aku suka untuk dikenali. Maka aku cipta makhluk agar mereka mengenaliKu"<sup>53</sup>

مَنْ عَمِلَ بِمَا عَلِمَ وَرَأَهُ اللَّهُ مَا لَمْ يَعْلَمْ

"Sesiapa beramal dengan apa yang ia ketahui, Allah s.w.t akan mewariskannya ilmu yang ia tidak ketahui"<sup>54</sup>

أَعْرَفُكُمْ بِرَبِّهِ أَعْرَفُكُمْ بِنَفْسِهِ

"Orang yang paling kenal akan TuhanYa ialah orang yang paling kenal akan dirinya"<sup>55</sup>

<sup>52</sup> Ad-Dur An-Nafis, ms 14. Hadits ini dikategorikan sebagai Maudu' oleh Ali b. Sultan Muhammad Al-Harwi Al-Qari dalam kitab Al-Masnu' Fi Makrifat Al-Hadits Al-Maudu', Maktabah Ar-Rusyd, Riyadh, 1984, ms 515. Beliau menulik Al-Asqalani berkata bahawa hadits ini tidak tsabit. Hadits Maudu' ialah hadits yang dicipta oleh seseorang lalu disandarkan kepada Rasulullah s.a.w.

<sup>53</sup> Ad-Dur An-Nafis, ms 22. Ismail b. Muhammad b. Al-'Ajaluni Al-Jirahi dalam kitabnya Kasy Al-Kbafa' Wa Muzil Al-Illbas 'Anni Isytabar Min Al-Abadits Muassab Ar-Risalah, Beirut, juz 2, ms 173, berkata bahawa Ibn Tajimiyyah berkata bahawa lafaz ini bukan dari ucapan Rasulullah s.a.w dan tidak diketahui sanad yang sahibh atau pun Daif baginya. Pendapat ini diikuti oleh Az-Zarkasyi, Ibn Hajar dalam kitab Al-Lali' dan As-Suyuti. Al-Qari pula berkata bahawa makna hadits ini adalah Sahih berdasarkan dari firman Allah s.w.t "Dan tidaklah aku cipta manusia dan jin kecuali untuk beribadah padaKu".

<sup>54</sup> Muhammad Nasirudin Al-Bani dalam bukunya Silsilah Al-Abadits Ad-Daifah Wa Al-Maudu'ah terbitan Maktabah Al-Ma'arif, Riyad, jld 1, hadits no. 422 telah menulis hadits ini Maudu'. Abu Nu'aim 10/14-15 mengeluarkannya dengan sanad Ahmad b. Hanbal dari Yazid b. Harun dari Humaid At-Tawil dari Anas b. Malik kemudian berkata "Imam Ahmad menyebutkan riwayat di atas yang diambilnya dari Tabi'in dari ucapan Isa b. Maryam a.s kemudian sebagian perawi menyanggah bahawa Imam Ahmad menyandarkan sabda itu pada Rasulullah s.a.w, kemudian mereka membuat sanad palsu." Menurut saya dalam sanad tersebut banyak perawi yang saya tidak ketahui kerana itu saya tidak mengenali siapakah yang memalsukan sanadnya.



إِنَّ مِنَ الْعِلْمِ كَهْيَةُ الْمَكْتُونِ لَا يَعْلَمُ إِلَّا الْعَالَمُونَ بِاللَّهِ

"Ada di antara ilmu yang seperti sesuatu yang tersembunyi yang tidak dimengerti kecuali orang alim terhadap Allah s.w.t.<sup>56</sup>"

مَا فَضَّلَكُمْ أَبُو بَكْرٍ بِكَثْرَةِ الصِّيَامِ وَلَا بِكَثْرَةِ صَلَاةٍ وَلَكِنْ  
سِرْرٌ قَرَّ فِي صَدْرِهِ

"Abu Bakr bukan melebih kamu kerana banyak berpuasa atau banyak bersolat tetapi kerana rahsia yang ada di hatinya"<sup>57</sup>"

Berikut pula adalah hadits-hadits yang tidak dinyatakan sanad, rujukan serta komen mengenainya. Ia juga tidak ditemui dalam buku-buku hadits yang muktabar.

لَا تَسْحَرْكَ ذَرَّةً إِلَّا يَأْذِنُ اللَّهُ

"Tidak bergerak sesuatu zarrah kecuali dengan izin Allah s.w.t."<sup>58</sup>

<sup>55</sup> Ad-Dur An-Nafis, ms 26. Muhammad Nasirudin Al-Bani dalam bukunya *Silsilah Al-Abadits Ad-Daifab Wa Al-Maudu'ab* terbitan Maktabah Al-Ma'rif, Riyad, jld 1, hadits no. 66 yang berbunyi "مَنْ عَرَفَ نَفْسَهُ عَرَفَ رَبَّهُ" yang bermaksud "Barangsiapa yang mengenal dirinya, maka ia telah mengenal Tuhan" telah menulis bahawa hadits ini tidak ada sumbernya. Demikian pernyataan Imam An-Nawawi sambil menyatakan bahawa hadits ini tidak ada kepastian sumbernya. Bahkan dikatakan termasuk dalam ucapan yang disandarkan kepada Yahya b. Mu'adz Ar-Razi. Imam As-Suyuti dalam kitab *Dzail Al-Maudu'at*, ms 203, bersepakat dengan Imam An-Nawawi. Oleh Ibn Taimiyah hadits ini dinyatakan *Maudu'*. Fairuz Badi menyatakan bahawa ia bukan hadits nabawî namun kebanyakan orang mengatakannya sebagai hadits Rasulullah s.a.w. Anggapan ini tidaklah benar. Yang jelas, ia termasuk dalam Israiliyat yang isinya antara lain "Wahai manusia! Kenalilah dirimu nescaya kau akan mengenal Tuhanmu".

<sup>56</sup> Ad-Dur An-Nafis, ms 28. Muhammad Nasirudin Al-Bani dalam bukunya *Silsilah Al-Abadits Ad-Daifab Wa Al-Maudu'ab* terbitan Maktabah Al-Ma'rif, Riyad, jld 2, hadits no. 870 telah menulis bahawa hadits ini sangat *Da'if* (lemah). Diriwayatkan oleh Abu Abdul Rahman As-Sulami dalam *Al-Arba'in As-Sufiyah* (II/8), juga oleh Abu Utsman An-Nujairmi dalam *Al-Fawaid* (II/7) dengan sanad dari Nasr b. Muhammad bin Al-Harits dari Abdul Salam b. Salih dari Sufyan b. Uyainah dari Ibn Juraij dari Ata' dari Abu Hurairah r.a.

كُلُّكُمْ فِي ذَاتِ اللَّهِ أَحْمَقُ

"Setiap kamu dalam zat Allah s.w.t adalah bodoh"<sup>59</sup>

أَلَا كُلُّ شَيْءٍ مَا خَلَقَ اللَّهُ بَاطِلٌ

"Sesungguhnya setiap sesuatu selain Allah s.w.t itu batil"<sup>60</sup>

كَانَ اللَّهُ وَلَمْ يَكُنْ شَيْءٌ مَعَهُ

"Allah s.w.t ada dan tiada sesuatu yang ada bersertaNya"<sup>61</sup>

وَالَّذِي تَفْسِيرُ نَفْسَ مُحَمَّدٍ بِيَدِهِ وَلَوْ أَنْكُمْ دَلَيْتُمْ بِحَجْلٍ إِلَى الْأَرْضِ لَهَبَطَ

عَلَى اللَّهِ ثُمَّ قَرَأَ هُوَ الْأَوَّلُ وَالآخِرُ

"Demi jiwa Muhammad berada di tangannya. Sekiranya kamu bulurkan tali dari langit ke bumi nescaya turun ia atas wujud Allah s.w.t kemudian dari itu ia membaca 'Dia Yang Awal dan Dia Yang Akhir'"<sup>62</sup>

<sup>56</sup> Ad-Dur An-Nafis, ms 28. Muhammad Nasirudin Al-Bani dalam bukunya *Silsilah Al-Abadits Ad-Daifah Wa Al-Maudu'ah* terbitan Maktabah Al-Ma'arif, Riyadh, jld 2, hadits no. 870 telah menulis bahawa hadits ini sangat da'if (lemah). Diriwayatkan oleh Abu Abdul Rahman As-Sulami dalam *Al-Arba'in As-Sufiyah* (II/8), juga oleh Abu Utsman An-Nujairmi dalam *Al-Fawaid* (II/7) dengan sanad dari Nasr b. Muhammad bin Al-Harits dari Abdul Salam b. Salih dari Sufyan b. Uyainah dari Ibn Juraij dari Ata' dari Abu Hurairah r.a.

<sup>57</sup> Ad-Dur An-Nafis, ms 28. Muhammad Nasirudin Al-Bani dalam bukunya *Silsilah Al-Abadits Ad-Daifah Wa Al-Maudu'ah* terbitan Maktabah Al-Ma'arif, Riyadh, jld 2, hadits no: 962 telah menulis bahawa hadits ini tidak ada sumber asalnya yang *Marfu'*. Al-Hafiz Al'Iraqi dalam kitab *Takbir Al-Ihya'* (1/30 dan 105) mengatakan "Telah diriwayatkan oleh At-Tirmizi dan Al-Hakim dalam *An-Nawadir* dari ucapan Bakr b. Abdullah Al-Muzni dan saya tidak dapatkan sumber sanadnya yang *Marfu'*". Pernyataan tersebut juga disepakati oleh Al-Hafiz As-Sakhawi dalam kitab *Al-Maqasidul Hasanah* (nombor 970).

<sup>58</sup> Ad-Du An-Nafis, ms 13

<sup>59</sup> Ibid, ms 14

<sup>60</sup> Ibid, ms 14

<sup>61</sup> Ibid, ms 14

أَوْلُ مَا خَلَقَ اللَّهُ نُورٌ تَبَيَّنَ كَيْا جَاهِرٌ فَخَلَقَ مِنْهُ الْأَشْيَاءَ وَكَيْتَ  
مِنْ تِلْكَ الْأَشْيَاءَ

"Yang pertama yang dijadikan oleh Allah s.w.t iaialah cabaya Nabimu, wabai Jabir. Maka Ia mencipta darinya (cabaya Nabi) segala sesuatu dan engku sebabagian dari sesuatu itu"<sup>63</sup>

أَنَا مِنَ اللَّهِ وَالْمُؤْمِنُونَ مِنِّي

"Aku dari Allah s.w.t dan orang-orang beriman dariku"<sup>64</sup>

أَنَا أَبُو الْأَرْوَاحِ وَآدَمُ أَبُو الْبَشَرِ

"Aku bapa segala rub dan Adam bapa segala manusia"<sup>65</sup>

الْتَّفَكُّرُ سَاعَةً خَيْرٌ مِنْ عِبَادَةٍ سَعْيَنَ سَيَّئَةً

"Bertafakkur sesaat lebih baik dari beribadat tujuh puluh tabun"<sup>66</sup>

عَرَفْتُ رَبِّي بِرَبِّي

"Aku kenali iubahku dengan tubanku"<sup>67</sup>

حَذْبَةٌ مِنْ جَذَبَاتِ الْحَقِّ لَا تُؤْزِي عَمَلَ الثَّقَلَيْنِ

"Satu jazbah dari jazbah Al-Haq (Allah s.w.t) tidak akan menyamai amal manusia dan jin"<sup>68</sup>

إِنَّ أَشَدَّ النَّاسَ عَذَابًا يَوْمَ الْقِيَامَةِ عَالَمٌ لَمْ يَنْفَعْهُ عِلْمُهُ

"Sesungguhnya manusia yang paling diazab di Hari Kiamat seorang alim yang ilmunya tidak memberi manfaat padanya"<sup>69</sup>

<sup>62</sup> Ibid, ms 14

<sup>63</sup> Ibid, ms 21

<sup>64</sup> Ibid, ms 22

<sup>65</sup> Ibid, ms 21

<sup>66</sup> Ibid, ms 24

<sup>67</sup> Ibid, ms 2222

<sup>68</sup> Ibid, ms 25

<sup>69</sup> Ibid, ms 25

كَنْ مَعَاشِرَ الْأَنْبِيَاءِ أُمِرْنَا أَنْ نُكَلِّمَ النَّاسَ قَدْرَ عُقُولِهِمْ

"Kami, para nabi-nabi, diperintah untuk bercakap pada manusia pada kadar akal mereka"<sup>70</sup>

مَنْ طَلَبَ شَيْئًا بِحِجْدٍ وَجَدَهُ

"Sesiapa yang menuntut sesuatu dengan sungguh-sungguh, ia akan mendapatinya"<sup>71</sup>

Oleh kerana hadits-hadits lemah ini dijadikan sandaran bagi ajaran yang disampaikan, maka ajaran yang disampaikan juga menjadi lemah dan tidak dapat dijadikan pegangan.

Dengan melihat pada aspek ini maka dapat dibuat ulasan bahawa pengarang kitab ini telah tidak berhati-hati dalam penulisannya dan dalam mengasaskan sesuatu pandangan dengan menggunakan hadits-hadits yang lemah dan palsu.

Pengarang juga telah gagal mengikut kaedah yang betul dalam mengemukakan hadits-hadits dalam penulisannya. Kebanyakan hadits yang dinyatakan tidak disebutkan perawinya walau pun dari kalangan para sahabat dan sumber rujukannya umpamanya Riwayat Al-Bukhari. Pengarang juga telah tidak memberi apa-apa komentar terhadap hadits yang dikutip olehnya. Gaya penulisannya jelas menunjukkan bahawa pengarang mengutip hadits di atas dengan tujuan sebagai dalil bagi pegangannya bukan sebagai periyawatan semata-mata.

Semua ini bertentangan dengan apa yang telah ditetapkan oleh para ulama hadits mengenai hadits-hadits yang lemah dan palsu. Lihat bab 4 mengenai Hadits Dha'if dan Maudbu'.

Persoalan ini bertambah serius jika ditinjau bahawa isu yang dibincangkan oleh pengarang ialah persoalan aqidah yang merupakan persoalan pokok atau prinsip dalam Islam. Penggunaan

<sup>70</sup> Ibid, ms 28

<sup>71</sup> Ibid, ms 30



hadits-hadits dalam buku ini tidak dapat dilihat sama sekali dalam konteks untuk *Fada'il A'amal*.

4. Buku ini membahaskan persoalan aqidah dari perspektif Ahli Tasawuf.

Ini dapat dilihat dari nukilan-nukilan yang dipetik oleh penulis kitab ini kebanyakannya adalah nukilan-nukilan dari tokoh-tokoh dalam bidang Tasawuf bagi mendokong penulisan beliau seperti Syeikh Abdul Qadir Al-Jilani, Syeikh Abdul Karim Al-Khalili, Abdullah b. Hijazi Asy-Syarqawi Al-Misri, Syeikh Abdul Wahab Asy-Sya'rani, Syeikh Yusuf Abu Zarrah Al-Misri, Sahl b. Abdullah At-Tusturi.

Ini dapat juga dilihat dari penggunaan istilah-istilah seperti *Fana'*, *Baq'a*' dan *Tajalli*.

Rujuk Bab 4 mengenai Penyelewengan Dalam Ajaran Kerohanian Tasawuf bagi memperolehi penerangan mengenai persoalan ini.

5. Buku ini mengandungi ajaran mengenai Nur Muhammad.

Ini dapat dilihat dari petikan berikut

"Maka adalah Nabi kita Muhammad s.a.w iaitulah *Hawiyatul Alam* ertiinya hakikat alam dan asal segala *Asyya'* (benda) kerana bahwasanya segala *Asyya'* (benda) itu dijadikan daripada nur Nabi kita Muhammad s.a.w seperti sabdanya s.a.w bagi Saidina Jabir r.a. demikian bunyinya:

أَوْلُ مَا خَلَقَ اللَّهُ نُورٌ تَبِعُكَ يَا جَابِرُ فَخَلَقَ مِنْهُ الْأَشْيَاءَ  
وَأَنْتَ مِنْ تِلْكَ الْأَشْيَاءَ

Ertinya "Bermula-mula yang dijadikan Allah s.w.t itu cahaya Nabimu, hai Jabir! Maka dijadikan daripadanya itu segala *Asyya'* (benda). Maka bersabda pula ia bagi Jabir itu bermula engkau itu setengah daripada segala *asyya'* (benda). Bermula makna dijadikan itu dizahirkan dan pada

hadits lain sabda Nabi s.a.w

**أَنَا مِنَ اللَّهِ وَالْمُؤْمِنُونَ مِنِّي**

Ertinya "Aku daripada Allah s.w.t dan segala mukmin daripadaku."

Dan lagi sabda Nabi s.a.w:

**إِنَّ اللَّهَ خَلَقَ رُوحَ النَّبِيِّ مِنْ ذَاتِهِ وَخَلَقَ  
الْعَالَمَ بِاَسْرٍ مِنْ نُورٍ مُحَمَّدٌ**

Ertinya "Bahawasanya Allah s.w.t telah menjadikan ia akan ruh Nabi Muhammad s.a.w daripada zat-Nya dan menjadikan ia akan alam sekaliannya daripada nur Muhammad s.a.w".....maka sabdanya (Nabi Muhammad s.a.w)

**يَا جَاهِيرُ إِنَّ اللَّهَ خَلَقَ قَبْلَ الْأَشْيَاءِ نُورَ نَبِيِّكَ مِنْ نُورِهِ**

Ertinya "Wahai Jabir! Bahawasanya Allah S.w.t telah menjadikan ia dahulu daripada segala Asyya' (benda) itu akan nur Nabimu iaitu dijadikan ia daripada zat-Nya"

Daripada yang demikian itu bahawasanya Nabi kita Muhammad s.a.w daripada nur Zat Allah dan yang demikian itu maka menama Allah s.w.t akan dia di dalam Al-Quran yang mulia dengana nur-Nya seperti firman-Nya Yang Maha Tinggi

**قَدْ جَاءَكُمْ مِنَ اللَّهِ نُورٌ**

Ertinya "Telah datang akan kamu daripada Allah S.w.t itu nur iaitu nur Nabi kita Muhammad s.a.w.

Noktah: Ertinya ini suatu perkataan yang dimaksudkan dalamnya setelah sudah engkau ketahui daripada sekalian yang tersebut itu yakni daripada bahawasanya segala perbuatan ini perbuatan Allah s.w.t dan tiada bagi hamba itu sekali-kali punya perbuatan dan segala Asma' itu



sekalian Asma' Allah dan segala sifat itu sekaliannya sifat Allah s.w.t juga. Hanya yang ada makhluk ini mazhar wujudnya juga dan bahawasanya Nabi kita Muhammad s.a.w itu dijadikan ia daripada Nur Zat Allah s.w.t dan sekalian makhluk dijadikan daripadanya. Ialah asal kejadian dan asal hayat kehidupan makhluk ini sekaliannya.<sup>721</sup>

6. Buku ini mengandungi ajaran yang seiras dengan konsep Martabat Tujuh.

Ini dapat dilihat dari petikan berikut

"Bermula ini satu *khatimah* (penutup) pada menyatakan segala martabat *Tajalli Zat*. Ketahuilah olehmu, hai Salik, bahawasanya *tajalli zat* itu tujuh martabat kemudian daripada tanazulnya... Yang pertama-tama daripada segala martabat *Tanazul Zat* itu iaitu martabat *Ahadiah* namanya... Yang kedua daripada segala martabat *Tanazul Zat* itu iaitu martabat *Wabdah* namanya... Yang ketiga dari segala martabat *Tanazul Zat* itu iaitu martabat *Wabidiah*... Yang keempat dari segala martabat *Tanazul Zat* itu iaitu martabat *Alam Arwah*... Yang kelima dari segala martabat *Tanazul Zat* itu iaitu *Alam Mitsal*... Yang keenam dari segala martabat *Tanazul Zat* itu iaitu martabat *Alam Ajasad*... Yang ketujuh dari segala martabat *Tanazul Zat* itu iaitu yang menghimpunkan bagi segala martabat yang enam dahulu itu serta dan iaitu martabat *Tajalli* dan lepas yang akhir dan iaitu martabat *Insan* namanya, maka inilah *Tujuh Martabat*. Bermula yang pertama darinya itu iaitu yang tiada *zubur* (nyata) dan yang enam yang tinggal itu iaitu martabat *zubur* (nyata) dan adalah martabat yang ketujuh ini apabila naik makrifat

<sup>721</sup> *Ad-Dur An-Nafis*, ms 21, 22 dan 23.

orang yang mempunyai martabat yang ketujuh ini dan zahir padanya sekalian martabat yang enam dahulu itu serta luas makrifatnya maka dikatakan dia *Insan Yang Kamil* yakni manusia yang sempurna....<sup>73</sup>"

Bagi memahami lebih lanjut konsep Martabat Tujuh, sila rujuk Bab Empat dari buku ini.

7. Buku ini membincangkan aqidah juga dari perspektif ahli falsafah.

Ini dapat dilihat dari penggunaan konsep Martabat Tujuh dalam buku ini yang jelas merupakan satu unsur dari falsafah dahulu yang digunakan untuk membincangkan isu aqidah.

Ini juga dapat dilihat melalui konsep Pandang Yang Banyak Di Dalam Yang Satu ( شهود الكثرة في الواحدة ) dan konsep Pandang Yang Satu Di dalam Yang Banyak ( شهود الواحدة في الكثرة ).<sup>74</sup>

8. Dalam buku ini pengarang berkali-kali menafikan akan konsep *Hulul* (penyatuan) hamba dengan Allah s.w.t secara hakiki dan menganggap bahawa konsep-konsep yang secara zahir seperti bercanggah dengan syariat hanyalah dimaksudkan dengan erti kiasan. Pengarang juga menegaskan bahawa pegangan terhadap konsep-konsep seperti Nur Muhammad, Martabat *Tajalli*, *Fana'* dan *Baq'a*' atas dasar bahawa segala ini adalah rahsia yang hanya boleh difahami oleh mereka yang mendapat kurnia dari Allah s.w.t. Secara tersiratnya memberi pengertian bahawa ketidakmampuan majoriti umat Islam untuk memahami atau merasakannya bukan hujah ke atas kebatilannya.

Sa'id Hawwa di dalam bukunya *Al-Asas Fi As-Sunnah Wa Fiqbiba (Al-Aqa'id Al-Islamiah)* menulis<sup>75</sup>

<sup>73</sup> *Ad-Dur An-Nafis*, ms 21 - 23.

<sup>74</sup> *Ad-Dur An-Nafis*, ms 19.

"Mereka yang berpegang dengan konsep Wahdatul Wujud dengan pengertian bahawa alam ini adalah sebahagian dari Zat Ilahi, ini adalah kekufturan yang nyata. Allah a.w.t berfirman:

**وَجْعَلُوا اللَّهَ مِنْ عِبَادَوْهُ جُزْءَ إِنَّ الْإِنْسَنَ لَكُفُورٌ مُّبِينٌ**

"Dan mereka menjadikan sebahagian dari hamba-Nya sebagai sebahagian dari-Nya. Sesungguhnya manusia itu benar-benar pengingkar yang nyata." (Az-Zukhruf : 15)

Sebahagian dari ulama kita membezakan antara mereka dengan golongan lain yang menyebutkan kalimah Wahdatul Wujud tetapi mengkehendaki darinya pengertian bahawa alam ini berdiri atas perintah Allah s.w.t, tidak terbebas dari-Nya. Mereka ini tidak termasuk dalam golongan yang pertama.

Saya berpendapat bahawa ke atas ulama kaum muslimin hendaklah mensucikan persoalan aqidah, membersihkannya dan menjauhi dari segala bentuk kekeliruan. Mereka hendaklah mengemukakan persoalan aqidah kepada manusia secara jelas dan nyata. Demikianlah adab Islam dalam segala sesuatu. Sesungguhnya kita telah dilarang dari tenggelam dalam perincian. Adapun Al-Imam Al-Ghazali rahimahullah tidak meninggalkan satu pernyataan atau rangkap syair yang boleh mengeliru masyarakat awam kecuali ia akan menafsirkannya dengan tafsiran yang benar. Golongan yang suka mendalamai kata-kata yang berbelit dan mengelirukan tidak layak untuk memimpin manusia sekiranya ia telah menjadi kebiasaan mereka. Manusia memerlukan kepada

<sup>7</sup> Sa'id Hawwa, *Al-Asas Fi As-Sunnah Wa Fiqhibha (Al-'Aqaid Al-Islamiyah)*, Dar As-Salam, 1992, jld 1, ms 439.

penjelasan yang jelas. Allah s.w.t berfirman:

وَأَنْزَلْنَا إِلَيْكَ الْكِتَابَ تُبَيِّنَ لِلنَّاسِ مَا فِي أَرْضٍ  
إِنَّمَا وَلَهُمُ الْعِلْمُ بِنَفْكِهِمْ

"Dan Kami telah turunkan kepada kau (Muhammad) satu peringatan (Al-Quran) untuk kau jelaskan pada manusia apa yang diturunkan kepada mereka." (An-Nahl : 44)

### c. Buku Kamarul Huda

Buku ini dikarang oleh Muhammad Yusuf. Naskhah yang ada dalam simpanan PERDAUS adalah dalam bentuk salinan fotokopi dari yang asal yang dicetak oleh *Matba'ah Al-Ahmadiyah*, Singapura. Tiada tarikh penerbitan dan percetakan ditemui.

Di muka hadapan buku ini ada menerangkan ringkasan isi kandungan buku ini iaitu

"Maka adalah membicarakan di dalam kitab ini permasalahan ilmu Usuluddin bagi orang yang dapat tahqiq dengan dia atas jalan yang sempurna dan adalah beberapa rahsia dari hal Takbiratul Ihram dan sembahyang dan beberapa perkara jalan tauhid bagi hakikat dan makrifat bagi orang yang berpedomankan akal yang sejatinya, insyaAllah s.w.t, dapatlah segala rahsia tauhid itu adanya dan adalah pada akhir kitab ini hakikat rahsia-rahsia bagi rukun-rukun haji dan pengenalan tauhid bagi pekerjaan haji"

Buku ini disusunkan berdasarkan topik-topik perbicaraan. Sebelum membuat ulasan terhadapnya, dibentangkan ringkasan bagi setiap topik yang dihuraikan oleh pengarang kitab ini.

### Pendahuluan

Dalam pendahuluan buku ini, pengarang menerangkan mengenai kepentingan dua kalimah syahadah dan kepentingan untuk memastikan kesahihannya. Untuk memastikan kesahihan dua



kalimah syahadah, seseorang itu perlu mengetahui pengertian dua kalimah syahadah dan tuntutannya. Ia meliputi apa yang wajib, mustahil dan harus bagi Allah s.w.t dan Rasulullah s.a.w.

### **Awwaluddin Ma'rifatullah**

Hakikat *Ma'rifatullah* ialah mengenai hakikat *Lailabaillah* melalui ilmu Usuluddin. Pengarang kemudian menerangkan mengenai Hukum Akal yang terbahagi pada Wajib, Mustahil dan Jaiz.

Pengarang kemudian menerangkan dua puluh sifat yang wajib bagi Allah s.w.t dan dua puluh sifat yang mustahil pula bagi Allah s.w.t. Sifat dua puluh yang wajib lalu dibahagikan pada empat pula iaitu *Nafsiah*, *Salbiah*, *Ma'ani* dan *Ma'naviyah*. Sifat-sifat ini pula dibahagikan juga pada *Istigbna'* dan *Iftiqar*.

### **Bayan Kalimah Tauhid**

Dalam topik ini pengarang kitab menerangkan mengenai rukun bagi Kalimah Tauhid, iaitu

1. Itsbat Zat Allah s.w.t.
2. Itsbat Sifat Allah s.w.t.
3. Itsbat Af'al Allah s.w.t.
4. Iktikad Kebenaran Rasulullah s.a.w

### **يُخْتَلِفُ الْإِيمَانُ** Perbezaan Iman

Dalam topik ini, pengarang kitab menghuraikan mengenai perbezaan iman yang ada dalam diri manusia, iaitu

1. Taqlid.

Iman yang didengar dari kata-kata yang lain tanpa dalil.

2. Ilmu Yaqin.

Iman kepada segala perkara aqidah dengan dalil.

3. Ayan.

Iman seseorang yang hatinya tidak lupa walau sekejap pun pada Allah s.w.t. Ini iman Ahli Muraqabah.

#### 4. Iman Haq.

Iman seseorang yang memusyahadahkan Allah s.w.t dengan hati. Ini adalah iman orang Arifin.

#### 5. Iman Hakikat.

Iman seseorang yang tidak dipandang melainkan Allah s.w.t daripada segala perbuatan dalam perbuatan Allah s.w.t. Ini adalah iman orang Waqifin yang dinamakan maqam Fana'.

### **Bayan Iktikad Ahli Sunnah Wal Jamaah**

Dalam topik ini pengarang kitab menerangkan bahawa iktikad Ahli Sunnah Wal Jamaah tidak akan didapati oleh seseorang kecuali ia mengenal dirinya sendiri dan perlu membaca buku-buku Ahli Sunnah wal Jamaah.

Untuk mendapat iktikad Ahli Sunnah wal Jamaah perlu mempelajari ilmu Hakikat dan Tasawuf.

Ilmu Hakikat ialah ilmu Tauhid manakala ilmu Tasawuf pula ialah ilmu akal dan fikir.

### **Bicara Iktikad**

Dalam topik ini pengarang kitab membicarakan mengenai iktikad Jabariah, iktikad Ahli Sunnah dan iktikad Qadariyah.

Iktikad Jabariyah ialah iktikad yang menafikan usaha dan ikhtiar dari manusia. Iktikad Ahli Sunnah ialah iktikad yang mewajibkan usaha dan ikhtiar tetapi tidak mewajibkan usaha itu memberi bekas atau tercapai kerana keberhasilan dari usaha itu hukumnya harus tertakluk pada izin Allah S.w.t semata-mata. Iktikad Qadariyah pula ialah iktikad yang menetapkan bahawa segala perbuatan manusia adalah dari usaha dan ikhtiar mereka dan kesan atau keberhasilan usaha itu adalah



disebabkan dari usaha manusia tiada kena mengena dengan Allah s.w.t.

Iktikad Ahli Sunnah adalah pertengahan dari iktikad Jabariyah dan Qadariyah. Sesiapa yang tidak mengetahui hakikat Jabariyah dan Qadariyah maka tidak sempurna iktikad Ahli Sunnah padanya.

### **Bayan Anasir Empat**

Dalam topik ini pengarang menerangkan mengenai anasir empat iaitu Api, Air, Angin dan Tanah. Keempat anasir ini wujud dalam diri manusia dan mempengaruhi nafsunya sama ada nafsu *Ammarab, Lawwamah, Mulhimah* atau *Mutmainnah*. Pengarang kemudian menerangkan secara terperinci mengenai ke empat nafsu ini.

### **Bayan Hakikat Rukun Iman**

Dalam topik ini, pengarang menerangkan mengenai rukun iman yang enam secara terperinci.

### **Bicara Hakikat Sembahyang**

Dalam topik ini pengarang menerangkan bahawa hakikat sembahyang terletak pada perkataan 'الحمد لله' (Al-Hamdu).

Alif adalah lambang solat Subuh. Lam adalah lambang solat Zuhur. Ha' adalah lambang solat Asar. Mim adalah lambang solat Maghrib. Dal adalah lambang solat Isya'.

Pengarang kemudian menerangkan asal usul setiap solat iaitu solat Subuh berasal dari Nabi Adam yang melakukannya kerana selamat diturunkan ke bumi. Zuhur adalah solat yang berasal dari Nabi Ibrahim kerana anaknya Ismail terselamat dari disembelih. Asar berasal dari Nabi Yunus kerana dikeluarkan dari perut ikan. Maghrib berasal dari Nabi Isa yang melakukan kerana terselamat dari pengejaran kaum yang ingin membunuhnya. Isya' berasal dari Musa yang melakukannya ketika ia tersesat jalan setelah keluar dari Mesir.

Pengarang kemudian menerangkan sebab bagi setiap rakaat dari setiap solat secara terperinci.

Pengarang kemudian menerangkan akan kepentingan gabungan unsur jasmani dan rohani dalam sembahyang - bahawa sembahyang bukan hanya amal zahir semata-mata tetapi juga mempunyai amal batin.

Pengarang kemudian menerangkan mengenai hakikat Al-Fatihah pula. Pengertian Al-Fatihah tertumpu pada "الحمد لله رب العالمين" (Al-Hamdu lillah rabbil 'alameen). Lima huruf pada kalimah ini melambangkan lima Tajalli Tuhan.

Alif mengisyaratkan Zat Allah s.w.t. Lam mengisyaratkan Sifat Allah s.w.t. Ha' mengisyaratkan Asma' Allah s.w.t. Mim mengisyaratkan Af'al Allah s.w.t. Dal mengisyaratkan Sir (rahsia) Allah s.w.t.

### Syarat Bagi Hakikat Takbiratul Ihram

Takbiratul Ihram terdiri dari lafaz "الله اكبر".

Lafaz "الله" mengisyaratkan pada makna-makna berikut - Alif ialah Tauhid Zat, Lam ialah Tauhid Sifat, Lam ialah Tauhid Asma' dan Ha' ialah Tauhid Af'al. Lafaz "اکبر" mengisyaratkan pada makna-makna berikut - Alif ialah Siddiq, Kaf ialah Amanah, Ba' ialah Tabligh dan Ra' ialah Fatanah.

### Syarat Bagi Hakikat Sembahyang

Dalam topik ini pengarang kitab menerangkan bahawa hakikat sembahyang itu dengan 'الحمد لله رب العالمين' (Ahmad).

Alif ialah Qiyam (Berdiri), Ha' ialah Ruku', Mim ialah Sujud dan Dal ialah Duduk.

Pengarang kitab juga menerangkan bahawa pada perkataan itu terdapat empat perkara iaitu Ihram, Mi'raj, Munajat dan Tabaddul dan menerangkan setiap empat ini.

### Syarat Bagi Hakikat Niat

Dalam topik ini pengarang kitab menerangkan mengenai niat terbahagi pada dua bahagian, iaitu Niat Wasal dan Niat Waqaf.

*Niat Wasal* adalah niat yang hakiki manakala *Niat Waqaf* adalah niat yang *majazi* (kiasan). Dalam niat pula terdapat tiga perkara iaitu *Qasad*, *Ta'arrud* dan *Ta'yin*.

*Qasad* terbahagi pada dua, iaitu tubuh dan hati. *Ta'arrud* pula terbahagi pada *lafzi* dan *hakiki*. *Ta'yin* terbahagi pada jasmani dan rohani.

### Syarat Hakiki Bagi Kiblat

Dalam topik ini pengarang kitab menerangkan bahawa kiblat terbahagi pada dua;

1. Kiblat Tubuh iaitu Baitullah.
2. Kiblat Nyawa iaitu Zat Allah s.w.t.

### Martabat Tauhid

Dalam topik ini pengarang kitab membahagikan martabat tauhid pada *Martabat 'Am* dan *Martabat Khas*.

*Martabat 'Am* ialah dengan menyebut "Lailabaillah" dan memahami maknanya. *Martabat Taubid Khas* pula terbahagi pada tiga iaitu;

1. *Taubid Af'al* iaitu seorang hamba pada setiap kali memandang Af'al (perbuatan) makhluk, ia tidak memandang kecuali Af'al (perbuatan) Allah s.w.t juga.
2. *Taubid Sifat* iaitu seorang hamba mengesakan sifat Allah s.w.t dan sifat makhluk.
3. *Taubid Zat* iaitu seorang hamba mengembalikan segala zat kepada Zat Allah s.w.t.

Dasar bagi konsep ini ialah kerana apa jua sifat dan perbuatan makhluk adalah cermin bagi sifat dan perbuatan Allah s.w.t. Sifat dan perbuatan alam adalah hanya kiasan, yang hakiki ialah sifat dan perbuatan Allah s.w.t. Ini kerana alam hanyalah percikan dari Allah s.w.t.



## Pada Hakikat Anasir Empat

Dalam topik ini pengarang kitab menerangkan erti perkataan "عِصْرٍ" (unsur).

"ع" mengisyaratkan erti Arif. "ن" mengisyaratkan erti Nur. "ص" mengisyaratkan erti Sirat. "ر" mengisyaratkan erti Rabbi.

"ع" adalah Api. "ن" adalah Angin. "ص" adalah Air. "ر" adalah tanah.

Asal bumi dari tanah. Asal air dari angin. Asal Angin dari api. Asal api dari rahsia. Asal rahsia pula dari Nur Muhammad. Asal Nur Muhammad dari Nur Allah s.w.t.

## Hakikat Ibarat Amtsال

Dalam topik ini pengarang kitab menerangkan mengenai *Alam Kabir* (besar) dan *Saghir* (kecil) dan kaitan antara keduanya. *Alam Kabir* ialah bumi dan langit. *Alam Saghir* ialah insan.

Pengarang kitab kemudian menerangkan kemuliaan ciptaan manusia. Manusia perlu mencapai hakikat / makrifat iaitu mengenal Allah s.w.t. Ini dicapai dengan belajar pada guru yang mursyid.

Hakikat insan pula harus melalui proses berikut;

1. *Jauhar* iaitu kewujudan pada *Alam Kabir* pada *Ta'yun Awwal*, masuk badan dan keluar dari badan.
2. *Anfas* iaitu kewujudan dalam *Alam Arwah*, tidak masuk badan dan tetap ia di luar badan.
3. *Nufus* iaitu turun ia pada bapa.
4. *Tanaffus* iaitu apabila ia menjadi *nutfah* di dalam rahim ibu.
5. *Nafas* iaitu apabila ia keluar ke dunia, masuk ke dalam badan



dan keluar.

Pengarang kemudian menerangkan mengenai ruh iaitu ia terdiri dari *ruh* dan *raibai*. Pada istilah Ahli Tahqiq ia dikenali dengan *Ruh Quds*, *Idhafi*, *Rubani*, *Rubul Hayat*, *Rub Alam*, *Rub Jamadat*, *Rub Nabatat*, *Rub Hayawanat*, *Rub Insan*, *Rub Kamalat* dan *Rub Ajsam*.

### Bahagian Tauhid Takbiratul Ihram

Dalam topik ini pengarang kitab menerangkan hakikat *Takbiratul Ihram* yang mengandungi *Qasad*, *Ta'arrud* dan *Ta'yin* yang kemudiannya dikembangkan pula pada konsep Makrifatullah.

#### Lafaz Allah S.w.t

Dalam topik ini pengarang kitab menerangkan bahawa lafaz Allah S.w.t itu dinamakan dengan Alam Jazbah (عَالَمُ جَذْبَه) iaitu semua golongan Arif Billab setiap kali memandang akan Asma' dan Zat akan memandang Allah S.w.t - ia tidak memandang akan benda berkenaan secara hakiki tetapi ia akan mengingat akan dirinya yang mengenal Allah S.w.t dan yang ia pandang itu Allah s.w.t pada hakikatnya.

" ﴿ Alif mengisyaratkan Alam Labut, " لِمْ " Lam mengisyaratkan Alam Jabarut. " حِمْ " Ham mengisyaratkan Alam Asma'. " هِمْ " Hm mengisyaratkan Alam Syababah.

#### Makna Sembahyang

Dalam topik ini pengarang kitab menghuraikan secara terperinci pengertian *Tauhid Takbiratul Ihram* yang perlu diketahui iaitu:

1. *Ibram* - karam dalam laut yang dalam.
2. *Mi'raj* - naik dari martabat Awam kepada Khas.
3. *Munajat* - bermohon hamba pada Tuhan sebagaimana yang terdapat dalam Al-Fatihah.
4. *Tabaddul* - ditukarkan yang *Fana* dan diganti yang *Baqi'*

## Allah Akbar

Dalam topik ini pengarang kitab menghuraikan lafadz "الله اکبر" *Allah Akbar* yang mengandungi empat maqam. Apabila seorang hamba menunaikan sembahyang maka hendaklah berusaha mencapai maqam-maqam ini, iaitu;

1. *Maqam Ibram* iaitu hamba *Fana'* sehingga tidak teringat ketika merasakan lazat selain teringatkan *Af'al Allah* s.w.t.
2. *Maqam Mi'raj* iaitu hamba dalam menunaikan sembahyang merasa berjumpa tuhan ketika *Fana'* sehingga tiada *Asma'* pada ketika itu kecuali *Asma' Allah* s.w.t.
3. *Maqam Munajat* iaitu hamba dalam menunaikan sembahyang berpindah wujud di dalam kalimah insan rahsia Allah s.w.t sehingga merasa tiada yang menghidupkan kecuali Allah s.w.t semata-mata.
4. *Maqam Tabaddul* iaitu hamba dalam menunaikan sembahyang naik martabat kerana wujud rahsia Allah s.w.t pada dirinya sehingga merasa bahawa tiada wujud lagi melainkan sudah berpindah pada wujud Allah S.w.t.

Pengarang kemudian menerangkan bahawa apa yang telah ditulisnya adalah satu ilmu yang penting tetapi merupakan rahsia Allah s.w.t yang dikenali dengan ilmu Hakikat dan juga ilmu kaum sufi. Setiap manusia hendaklah mempelajari ilmu ini untuk mencapai Makrifatullah dan mempelajarinya hendaklah melalui seorang guru. Ertinya mempelajarinya adalah wajib tetapi mempelajarinya tanpa kefahaman dan bimbingan adalah haram. Tidak boleh pula menyampaikannya kecuali pada ahlinya.

## Kasyful Ghummah

Dalam topik ini pengarang menerangkan mengenai kematian dan *sakaratul maut*, kesulitan dalam menghadapinya dan bagaimana menghadapinya.



## Rahsia Hakikat Haji

Naskhah yang ada tidak mengandungi topik ini secara lengkap.

### Ulasan

Buku ini mengandungi banyak hadits-hadits daif yang tidak mempunyai asal usul.

Berikut adalah senarai hadits-hadits daif yang didapati;

الَّذِينُ هُنَّ لَا يَدْرِيْنَ مَنْ لَا عَقْلَ لَهُ

"Bermula agama itu adalah akal. Tiada agama bagi mereka yang tiada akal baginya<sup>76</sup>."

مَنْ عَرَفَ نَفْسَهُ عَرَفَ رَبَّهُ

"Sesiapa yang mengenali dirinya maka ia telah mengenali Tuhannya."<sup>77</sup>

أَعْرَفُكُمْ بِرَبِّهِ أَعْرَفُكُمْ بِنَفْسِهِ

"Orang yang paling kenal akan dirinya adalah orang yang paling kenal Tuhannya<sup>78</sup>."

الصَّلَاةُ لَيْسَ سِوَاءً وَالْمُصَلَّى عَنْهَا غَائِبٌ

"Bermula sembahyang itu bukan bukan ia lain dariNya dan orang yang mengerjakan sembahyang itu ghaib<sup>79</sup>."

لَيْسَ شَيْئاً مِنَ الْفَرْمَلَةِ الْإِنْسَانُ

"Tiada suatu yang terlebih baik dari seribu baik melainkan insan.<sup>80</sup>"

<sup>76</sup> Muhammad Yusuf, Kamarul Huda, ms 20. Muhammad Nasirudin Al-Bani dalam bukunya *Silsilah Al-Abadits Ad-Daifah Wa Al-Maudu'ah* terbitan Maktabah Al-Ma'rif, Riyadh, jld 1, hadits no. 1 telah menulis bahawa hadits tersebut batil. Diriwayatkan oleh Imam An-Nasa'il dari Abi Malik Basyir b. Ghafir kemudian ia berkata "Hadits ini adalah batil munkar." Menurut Al-Bani satu hal yang perlu dipegang ialah semua riwayat / hadits yang menyatakan keutamaan akal adalah tidak sahih. Semua berkisar antara Dha'if dan Maudhu'. Ibn Qayyim dalam kitab *Al-Manar* menyatakan bahawa hadits-hadits yang berkenaan dengan akal semuanya dusta belaka.

أَخْرُجُوا عَنِ الْأَجْسَامِ وَالرُّوحُ ثُمَّ خَرَجُوا مِنَ الْحُكْمِ وَالْأَمْرِ فَتَأْثُرُنَّ

"Keluarlah kamu dari batang tubuhmu dan nyawamu maka keluarkan kamu dari bukumku dan daripada suruhanku maka sampailah kamu padaku"<sup>81</sup>."

Rujuk perbahasan mengenai Hadits Dha'if dan Maudhu' di bab 4 yang menunjukkan bahawa buku ini telah terseleweng dari mengikuti manhaj Ilmu Hadits bagi menjaga kebenaran ajaran yang disampaikan.

2. Buku ini membahaskan persoalan aqidah dari perspektif Ahli Tasawuf. Ini dapat dilihat seperti di bawah,

*"Hendaklah kamu karamkan dirimu dan kamu karamkan segala perbuatamu itu di dalam Fi'lullah semata-mata"*<sup>82</sup>.

3. Buku ini mengandungi ajaran yang seiras dengan konsep Martabat Tujuh dan Wahdatul Wujud. Ini dapat dilihat seperti di bawah ini:

<sup>77</sup> Muhammad Yusuf, *Kamarul Huda*, ms 37. Muhammad Nasirudin Al-Bani dalam bukunya *Silsilah Al-Abadits Ad-Daifah Wa Al-Maudu'ah* terbitan Maktabah Al-Ma'arif, Riyadh, jld 1, hadits no. 66 menyatakan bahawa hadits ini tidak ada sumbernya. Demikian pernyataan Imam An-Nawawi sambil menyatakan bahawa hadits ini tidak ada kepastian sumbernya. Bahkan konon termasuk ucapan yang disandarkan kepada ya'ya b. Mu'az Ar-Razi, Imam As-Suyuti dalam kitab *Zail Al-Maudbu'at*, halaman 203 menyepakati Imam An-Nawawi. Ibn Taimiyah menyatakan hadits ini Maudhu'. Fairuz Badi menyatakan bahwa itu bukan hadits nabawi, namun kebanyakan orang mengatakannya sebagai hadits Rasulullah s.a.w. Anggapan itu tidaklah benar. Yang jelas, ia termasuklah Israiliyai yang isinya antara lain "Wahai manusia kenalilah dirimu, maka engkau akan mengenal Tubammu."

<sup>78</sup> Muhammad Yusuf, *Kamarul Huda*, ms 37. Lihat nota kaki 35.

<sup>79</sup> Muhammad Yusuf, *Kamarul Huda*, ms 30.

<sup>80</sup> Muhammad Yusuf, *Kamarul Huda*, ms 36.

<sup>81</sup> Muhammad Yusuf, *Kamarul Huda*, ms 43.

<sup>82</sup> Muhammad Yusuf, *Kamarul Huda*, ms 32.



"Iman itu terbahagi atas enam bahagi. Pertama iman *Taqlid*, iaitu iman yang jadi didengar daripada kata-kata orang lain dengan ketiadaan dalil yang nyata. Kedua iman daripada *Ilmul Yaqin*, iaitu iman yang jadi daripada makrifat kepada segala *aqaид* dan dalil. Ketiga iman daripada *A'ayan*, iaitu iman yang jadi bagi Ahli Muraqabah - sekiranya hatinya tidak lupa dengan sekejap pun akan kepada Allah. Keempat iman daripada *Haq*, iaitu iman yang jadi daripada *aghyar* (أغیر) yang *musyababahkan* keadaan Allah dengan hati. Keenam iman daripada *Hakikat*, iaitu iman yang jadi daripada keadaan yang tiada dipandang melainkan Allah daripada segala *Ajal* dalam *Ajal Allah*<sup>83</sup>."

### Mengenai Martabat Tauhid.

"Ketahuilah olehmu pada menyatakan Martabat Tauhid. Bermula Martabat Tauhid yang 'Am itu menyebut *Lailabaillah*. Maka hendaklah diketahui akan maknanya ... demikianlah menyebut kalimat itu dengan tiada ketahui maknanya tiada berguna, sia-sia sahaja. Bermula Tauhid Khas itu atas tiga bahagi. Pertama *Taubid Ajal* (perbuatan), kedua *Taubid Sifat*, ketiga *Taubid Zat*. Adapun *Taubid Ajal* itu mahulah kita pandang dan kita ketahui *Ajal Allah* dan *Ajal* makhluk. Maka yang kamilnya nisbahkan kepada haq dan makhluk kerana *Iradah* dan *Qudrah* makhluk ini suatu titik daripada laut *Iradah* dan *Qudrah* Allah juga. Maka terpandanglah bahawa diri ini bayang-bayang dan terpandang kepada yang empunya bayang-bayang dan *fana'lah* perbuatan hamba bagi perbuatannya kerana *Qiyam* Allah atasnya maka iaitu *Ajal Allah* semata-mata. Maka barangsiapa menyebutkan *Fa'il* (pelaku) *Hakiki* lain daripada Allah maka sesat adanya. Maka tatkala Allah hendak menzahirkan

<sup>83</sup> Muhammad Yusuf, *Kamarul Huda*, ms 19.

*Af'alNya maka Fî'l makhluk inilah tempat nyata. Maka kekallah sifat *Qudrat* supaya sempurnalah pengetahuan dan pengenalan kita kerana zahirlah padanya nisbah *Fî'l* (perbuatan) itu. Maka orang inilah Arif yang beroleh isyarat mengesakan *Fîlnya* dengan *Fî'l Allah*. Bermula kesudahan *ruju'*nya kepada permulaan iaitu Allah juga. Maka yang lain daripada Allah tiada hakikat baginya - dan dengan zahir wujud maka zahir segala *maujudat*. Bermula *Taubid Sifat* itu ertiinya mengesakan sifat Allah dengan sifat makhluk. Maka bahwasanya alam insan itu suatu percik daripada hakikat illahi kerana sifat Allah itu *Qadim* dan sifat makhluk itu *Muhdits* dan sifat Allah itu *Baqî* (kekal) dan sifat makhluk itu *Fani* (*fana'* - binasa). Maka apabila kita ketahui nisbah ini maka sayugialah kita mengesakan sifat Allah dengan sifat makhluk. Bermula *ruju'* sifat kamal insan kepada illahi dan ghaiblah di dalamnya yakni *fana'lah* sifat dirinya yang zahir ini kepada sifat diri yang batin - martabat mensana'kan hakikat batin kepada wujud (*Abadiatul Jama'*) (احديۃ الجمع). Maka batinnya inilah yang mugharim (karam) laut tauhid (*Abadiatus Saif*) (احديۃ الصرف) yakni *La Ta'yun* - yang tiada nyata kenyataannya. Ini segala Arif mengesakan sifatnya dnegan sifat Allah. Bermula *Taubid Zat* itu *ruju'* (kembali) segala zat *Kawn* (benda) sekaliannya kepada zat - *Abadiyah* (احديۃ) - kerana karamlah sekalian di dalamnya. Bahawa ada pandangnya diri yang zahir *atsar* kepada haq atasnya maka dipandang wujudnya itu menzahirnya dan Haq menzahir dalamnya. Dan dilihat dirinya *ma'dum* daripada pihak kejadiannya dan *maujud* daripada pihak hakikatnya kerana yang zahir ini bayang-bayang yang batin di dalam sifat Allah (*Tajalli 'Am*)....*

<sup>84</sup> Muhammad Yusuf, *Kamarul Huda*, ms 32 - 32.

Apa yang tertulis di atas jelas menunjukkan persamaannya dengan ajaran Wahdatul Wujud dan Emanasi. Ini dikuatkan lagi dengan penggunaan istilah-istilah yang sama. Sekali pun jika penulis kitab ini tidak bermaksud erti penulisannya di atas atas makna yang zahir tetapi makna kiasan, ia tetap bersalah dari segi syara' kerana kekeliruan yang merbahaya boleh berlaku.

4. Buku ini mengandungi huraian yang bercirikan *Tafsir Isyari* atau *Tafsir Batin* dan berunsur falsafah yang tidak bersandarkan logik dan dalil. Ini dapat dilihat seperti di bawah ini;

a. Mengenai dua kalimah syahadah.

"(ل) itu dalilnya *Ilmul Yaqin* ( ) عِلْمُ الْيَقِينِ ( ), عَيْنُ الْيَقِينِ ( ) عَيْنَ الْيَقِينِ (الله)(Allah) itu dalilnya *Aimul Yaqin* ( ) حَقُّ الْيَقِينِ ( ) حَقَّ الْيَقِينِ (الله)(Allah) itu dalilnya *Haqqul Yaqin* ( ) حَقْكُلُ الْيَقِينِ ( ) حَقْكُلَ الْيَقِينِ (الله)(Allah) itu dalilnya *Kamalul Yaqin* ( ) كَمَالُ الْيَقِينِ ( ) كَمَالَ الْيَقِينِ (الله)(Allah). *Ilmul Yaqin* itu martabat nafi (نفي), yakni kemudian daripada sudah ketahui akan jalan nafi baharulah yakin, *Aimul Yaqin* itu martabat *mansfi* (منفي), yakni sebenar-benarnya sudah nyata apa yang ditolakkan kemudian baharulah yakin, *Haqqul Yaqin* itu pada martabat itsbat yakni ditetapkan sebenarnya hak itu bagi Allah kemudian baharulah yakin, *Kamalul Yaqin* itu pada martabat *mitsbat*, yakni dikenalkan di dalam makrifat sifat kesempurnaan kepada Allah kemudian baharulah yakin.

(ل) itu sifat *Jalal* ertinya kebesaran tuhan maka adalah padanya lima sifat dari sifat dua puluh. (الله)(Allah) itu sifat *Jamal* ertinya kemulian Tuhan, maka adalah padanya enam sifat daripada sifat dua puluh. (الله)(Allah) itu sifat *Qahhar* ertinya kekerasan Tuhan, maka adalah padanya empat sifat daripada sifat dua puluh. (الله)(Allah) itu sifat *Kamal* ertinya kesempurnaan Tuhan, maka adalah padanya lima sifat daripada sifat dua puluh ... (ل) itu مُمْكِنٌ مُوْجَدٌ بَعْدَ الْعَدْمِ ( ) itu zaman

Hal iaitu keadaan waktu sekarang seperti apa yang ada ini langit dan bumi dan isi keduanya iaitu semuanya nanti lenyap kemudian. (Allah) itu (مُكْنَفٌ مَعْدُومٌ بَعْدَ الْوُجُودِ) itu zaman Madi (ماضي) iaitu keadaan yang dahulu daripada zaman Nabi Adam dan Hawa dan lain-lainnya, waktunya yang dahulu itu sekarang sudah tiada lagi. (مُكْنَفٌ سَيْوَجْدٌ) itu (لا) iaitu zaman Istiqbal, iaitu keadaan lagi akan datang seperti yang dibangkit daripada mati dan lihat barang-barang yang ghaib antara bangkit daripada kubur dan sampai syurga atau neraka. (الله) itu (مُكْنَفٌ عَلِمَ اللَّهُ تَعَالَى أَنَّهُ لَمْ يَوْجُدْ) itu zaman (لا يوجد) iaitu adalah salah satu zaman yang tiada dijadikan di dalam segala zaman, iaitu tertentu kepada satu waktu tatkala melihat Tuhan kita di dalam syurga.<sup>85</sup>

### b. Mengenai Sembahyang.

"Bicara Hakikat Sembahyang. (الحمد) maka adalah terbit sembahyang lima waktu itu daripada huruf (الحمد), itulah hakikat sembahyang hendak diketahui. Bermula Alif itu subuh dan Lam itu waktu Zohor dan Ha itu waktu Asar dan Mim itu waktu Maghrib dan Dal itu waktu Waktu Isya"<sup>86</sup>.

"Allah Akbar. Dan Allah (الله) itu empat huruf, inilah huruf Muqaranah Kamaliah - Taubid Zat, Taubid Sifat, Taubid Asma', Taubid Af'al - Akbar (أَكْبَرْ) itu empat huruf inilah rupa huruf Muqaranah 'Urfiah - Sifat Siddiq, Sifat Amanah, Sifat Tabligh, Sifat Fatanah - maka jalan inilah kita

<sup>85</sup> Muhammad Yusuf, *Kamarul Huda*, ms 17 - 18.

<sup>86</sup> Muhammad Yusuf, *Kamarul Huda*, ms 28.

sembahkañ zat yang suci iaitu *Zat Wajibul Wujud Qadim* lagi *Azali*. Maka jalan ini tuntutlah olehmu kepada guru yang mursyid<sup>87</sup>."

"Bermula adalah hakikat sembahyang itu dengan huruf Ahmad ( ﷺ ) - *Qiyam*, *Ruku'*, *Sujud*, *Qu'ud* - Berdiri maqam Alif ( ﱈ ), *Ruku'* maqam Ha ( ح ). *Sujud* maqam Mim ( م ). Duduk maqam Dal ( د ).

Pertama Ihram ( أحرام ). Kedua Mi'raj ( مراجع ). Ketiga Munajat ( مناجاة ) Keempat Tabaddul ( تبدل )<sup>88</sup>.

## KESIMPULAN UMUM

Jika ditinjau kandungan kitab-kitab yang dinyatakan, ternyata semuanya mempunyai persamaan iaitu kewujudan unsur-unsur ajaran Wahdatul Wujud, Emanasi, Martabat Tujuh dan Tasawuf - Falsafah - Batiniah.

Ini dikuatkan lagi dengan penggunaan istilah-istilah yang sama seperti *Wabdah*, *La Ta'yun*, *Ta'yyun Awwal* dan *Wahidiah*. Ini menunjukkan bahawa kesemua buku ini mempunyai kaitan antara satu sama lain.

Adalah dinasihatkan agar buku ini tidak dibeli jika dijual di kedai atau dibaca. Hendaklah juga meninggalkan mana-mana pengajian yang mengajar buku-buku ini atau ajaran yang seumpama dalam buku-buku ini.

<sup>85</sup> Muhammad Yusuf, *Kamarul Huda*, ms 17 - 18.

<sup>86</sup> Muhammad Yusuf, *Kamarul Huda*, ms 28.

<sup>87</sup> Muhammad Yusuf, *Kamarul Huda*, ms 31.

<sup>88</sup> Muhammad Yusuf, *Kamarul Huda*, ms 31.

## Kaitan Ajaran Sesat Dengan Batiniah Dan Falsafah<sup>89</sup>

Hasil dari pembacaan dari bahan-bahan yang ada, maka dapat disimpulkan bahawa ajaran sesat dipengaruhi kuat oleh tiga unsur, iaitu

### 1. Ajaran Batiniah.

Ajaran Batiniah terpengaruh dengan teori angka simbolik seperti angka 7 dan 12 yang diambil dari 7 huruf "Bismillah" dan 12 huruf "Lailaha Illallah" yang semuanya berjumlah 19. Teori inilah yang mempengaruhi falsafah Ismailiyah Batiniah. Selain daripada itu, Ajaran Batiniah mempengaruhi ajaran sesat dengan berikut;

- Fahaman Takwil Batin iaitu tiap-tiap yang zahir ada batin dan tiap-tiap ayat Al-Quran ada takwil iaitu Takwil Batin.
- Fahaman Guru Batin iaitu memperolehi ilmu melalui guru batin yang telah meninggal dunia.


### 2. Ajaran Tasawuf - Falsafah.

Asas ajaran Tasawuf - Falsafah ini mengandungi 2 ajaran utama berikut

- Fahaman Wahdatul Wujud iaitu menempatnya Tuhan dalam diri hamba seperti yang dibawa oleh Al-Hallaj.
- Fahaman Martabat Tujuh yang menyatakan bahawa alam ini adalah limpahan dari zat Tuhan bukan ciptaanNya.

Tasawuf Wahdatul Wujud sebenarnya bersumber daripada Hindu dan Neo-Platonisme. Sementara ajaran Martabat Tujuh adalah bersumberkan falsafah Neo Platonism yang dikenali dengan Teori Emanasi atau *As-Sudur* iaitu Tuhan menzahirkan dirinya secara berperingkat-peringkat dalam bentuk makhluk yang nyata ini dalam 7 peringkat berikut:

<sup>89</sup> Lihat halaman web Pusat Islam Malaysia di [www.islam.gov.my/sesat/BM](http://www.islam.gov.my/sesat/BM)



Pertama: *Abadah @ Abadiyah* iaitu Martabat Zat Qadim, Azali, Abadi, Martabat La Taayun ertinya martabat tuhan belum nyata.

Kedua: *Wahdah*, Martabat Allah Wahdah Qadim, Azali, Abadi, Rob Qudsia yakni nyawa Muhammad atau *Taayun Awal*.

Ketiga: *Wahidiyah, Martabat Taayun Thani*, nyata yang kedua iaitu Rob Adam dan Aayan Thabitah namanya iaitu kenyataannya telah ada bagi Allah.

Keempat: *Alam Arwah* iaitu alam segala nyawa dan alam segala roh Aayan Kharijah ertinya kenyataan yang sudah terbit daripada ilmu-Nya.

Kelima: *Alam Mithal* ialah kalbu sanubari bererti tempat hati. Inilah alam segala rupa namanya iaitu daripada kehendak Allah s.w.t.

Keenam: *Alam Ajsam* ialah *Alam Syabadah*, alam yang boleh dipandang, daripada anasir yang empat; air, tanah, udara dan api.

Ketujuh: *Alam Insan* yang disebut: Insan itu rahsia-Ku dan Aku rahsianya.

Ajaran ini begitu menonjol dalam kebanyakan ajaran sesat yang ditemui. Sehingga tidak syak lagi untuk dikatakan bahawa Ajaran Batiniah dan Tasawuf Falsafah mempunyai pengaruh dan peranan yang kuat dalam kemunculan dan penyebaran ajaran sesat di kalangan umat Islam.

Di rantau ini, ajaran ini dibawa melalui buku Kasyf Al-Asrar terjemahan dan susunan Syeikh Mohamad Salleh bin Abdullah Al-Minangkabawi yang ditulis pada tahun (1344H / 1922M).

Ia kemudiannya disalurkan melalui buku "Hidayah Al-Anwar" oleh Syed Ghazali Jamalullail, Pulau Pinang pada tahun (1355H / 1933M) yang mengembangkan ajaran Taslim dari bapanya Hj. Mohamad Matahari yang kemudiannya di sebarkan pula oleh Ahmad Laksamana bin Omar (Kelantan) melalui buku *Hakikat Insan* (1985) dan *Ilmu Tajalli* yang berkembang ke seluruh Malaysia.

Berbagai-bagai konsep yang bermula dengan Wahdatul Wujud dan kemudiannya diserap kepada ajaran Martabat Tujuh dari karangan Syeikh Mohamad b Fadhlullah Al-Burhanpuri, (w 1029 H/1619M) melalui bukunya "Al-Tohsah Al-Mursalah Ila Rob Al-Nabi", yang diterjemah ke bahasa Jawa tahun (1680M).

Tasawuf ini kemudian diserap oleh beberapa tokoh Nusantara seperti

- a. Syeikh Syamsuddin As-Sumatrani (w 1690M) yang mengarang buku *Jauhar Al-Haqaiq*.
- b. Abdul Rauf Singkel yang mengarang buku *Daqaiq Al-Huruf* (1661M).
- c. Syeikh Hamzah Fansuri (w 1606M) dalam buku-bukunya di bidang Tasawuf ketuhanan terutama buku *Asrar Al-Arifin*, *Syarh Al-'Asyikin* dan *Al-Muntabi*.
- d. Berkembang pula melalui kitab *Al-Durr An-Nafis* oleh Syeikh Mohamad Nafis Al-Banjari (w 1778M) yang ditulis tahun (1200H).
- e. Begitu juga dengan buku *Kasyf Al-Asrar* oleh Syeikh Mohamad Salleh b. Abdullah Al-Minangkabawi yang ditulis tahun 1922M.

Di celah-celah ajaran ini, didapati pula amalan khurafat dan bid'ah yang dipengaruhi oleh ajaran Hindu, Buddha dan Animisme dalam bentuk amalan perbomohan, perubatan dan persilatan batin.